

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 14hb Mac, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujuan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1983;
2. Akta Kewangan (No. 2);
3. Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2);
4. Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan);
5. Akta Galakan Pelaburan (Pindaan);
6. Akta Bank Islam;
7. Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik;
8. Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak;
9. Akta Lembaga Letrik Sabah;

10. Akta Pelaburan Kerajaan;
11. Akta Insurans (Pindaan);
12. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan);
13. Akta Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
14. Akta Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan);
15. Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan);
16. Akta Makanan;
17. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan
18. Akta Perindustrian Sekuriti.

PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Dipertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(*Setiausaha membacakan Per-*
utusan)

“11hb Januari, 1983.

Tuan Yang Dipertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mem-persetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1983;
2. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank Islam;
7. Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik;
8. Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak;
9. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah;
10. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan;
11. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Kecil (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Makanan;

17. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang; dan

18. Rang Undang-undang Per-industrian Sekuriti.

Tandatangan:

TUAN YANG DIPERTUA DEWAN
NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MUKTAMAR ULAMAK- ULAMAK ISLAM

1. **Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan nasihat dari muktamar ulamak-ulamak dari dunia Islam untuk menyelesaikan masalah kafir-mengkafir dan pemuluan yang berlaku dalam masyarakat Islam hari ini yang cuma terbit kerana perbezaan ideologi politik tempatan dan adakah beliau sedar akhir-akhir ini Konsep Ulamak dan sekular telah digunakan bagi tujuan pemecahan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan sememangnya memberikan pertimbangan terhadap pandangan ulamak-ulamak sama ada di dalam atau di luar negeri dalam mengemukakan penyelesaian tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di negara kita. Bahkan sepertimana yang ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini perlulah wujud paduan erat antara Ulamak dan Umarak di negara kita.

Merujuk kepada persoalan kafir-mengkafir dan pemuluan yang berlaku dalam masyarakat Islam, perlulah ditegaskan bahawa isu tersebut tidak merupakan isu Islam

tetapi isu politik tempatan yang sempit. Masyarakat tidak perlu terkeliru dengan menganggap soal tersebut sebagai soal agama kerana isu kafir-mengkafir ini didorong oleh nafsu golongan politik kepartian yang mulai resah (desperate) kerana tidak mendapat sokongan meluas dari masyarakat.

Walau bagaimanapun memandangkan isu tersebut telah menimbulkan ketegangan dan perpecahan di kalangan masyarakat yang telah juga terbukti mengganggu ketenteraman dan keselamatan awam, maka adalah wajar bagi pihak Kerajaan untuk bertindak tegas dalam meredakan dan mententeramkan keadaan melalui proses undang-undang biasa. Justeru itu Kerajaan telah pun meluluskan pindaan Kanun Keseksaan untuk menghadapkan orang-orang yang terlibat ke Mahkamah.

Menyentuh soal yang digembargemburkan mengenai konsep ulamak dan sekular yang telah digunakan untuk mencapai maksud sempit tersebut, perlulah dijelaskan bahawa Kerajaan mengambil sikap yang positif untuk memberikan penerangan sebaik-baiknya mengenai pengertian ulamak sebenarnya di dalam Islam dan tidak semata-mata bagi membolehkan golongan yang mempunyai pendidikan agama menggunakan kemahiran terbatas tersebut sebagai sijil untuk menghukum dengan sewenang-wenangnya ataupun membuat sebarang keputusan dan mengemukakan segala pendapat termasuk isu-isu yang mereka kurang arif. Apa yang diperlukan oleh masyarakat sekarang ialah paduan tenaga serta kerjasama yang erat oleh semua golongan dari pelbagai latar-belakang pendidikan untuk membangunkan negara Malaysia dari kalangan pelbagai kaum ini di samping meninggikan usaha-usaha dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam

pentadbiran dan masyarakat. Begitu juga halnya dengan istilah sekular yang diheboh-hebohkan oleh golongan tersebut tanpa merujuk kepada pengertian yang sebenar yang dimaksudkan dalam sejarah peradaban barat. Tentunya Malaysia mempunyai latar-belakang sejarahnya dan pengalaman yang tersendiri yang tidak boleh menerima atau terikat dengan warisan penjajah. Oleh itu bagi sesiapa juga yang mengkaji kenyataan di Malaysia mereka pasti akan memahami keadaannya adalah berbeda dengan persekitaran yang tersendiri.

Tuan Haji Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan sepi ataupun tidak memandang sesuatu yang penting untuk mengadakan satu muktamar ataupun satu Kongres Ulamak Malaysia sendiri dalam menentukan kedudukan isu-isu agama dan politik yang menimbulkan masalah dalam negara kita sekarang kerana pengertian ulamak itu sendiri masih banyak menjadi kabur dan samar-samar.

Apakah satu orang yang telah pergi menunaikan haji ke Makatul Mukaramah balik membawa kupiah dan serban, pakai jubah, membaca ayat Quran sepatih dua sudah mengaku dia sebagai ulamak?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengadakan satu Kongres Khas Ulamak untuk membahaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan kerana pada fahaman pihak Kerajaan banyak masalah-masalah itu bukanlah sangat merupakan masalah Islam tetapi masalah dibangkitkan oleh golongan-golongan yang berfahaman sempit.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha yang dijalankan oleh

Yayasan Dakwah Islamiah dan beberapa pertubuhan lain untuk mengadakan ijtima' ulamak, perbincangan di antara ulamak dari semasa ke semasa untuk membahaskan isu-isu yang dibangkitkan itu.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau telah menjelaskan bahawa apa yang dibangkitkan berkenaan isu kafir-mengkafir ini bukanlah masalah agama tetapi adalah lebih mirip kepada masalah-masalah politik maka untuk membendung atau membentasi mereka yang terlibat di dalam hal yang demikian Kerajaan telah meluluskan satu Akta Keseksaan baru-baru ini di Parlimen. Saya ingin mendapat penjelasan mereka yang sudah terbukti melakukan atau mengeluarkan isu kafir-mengkafir yang diyakini oleh Kerajaan boleh menimbulkan pecah-belah, bolehkah didakwa di bawah undang-undang ini?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, perkara ini telah pun dijelaskan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa sesiapa sahaja yang telah terbukti mengambil langkah atau membuat kenyataan yang boleh didakwa akan didakwa dan Kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam soalan tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adakah beliau sedar bahawa alim ulamak yang alim dalam agama ini sudah tentu kurang arif, sebagaimana jawapan tadi, dalam bahagian politik dan juga hal-hal ekonomi negara. Jadi, apakah pihak Kerajaan atau pihak Jabatan Perdana Menteri mengadakan satu kursus ataupun seminar politik bagi

alim-alim ulamak seperti itu supaya mereka faham sebenar-benarnya politik?

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan ini terlalu umum tetapi kalau dapat saya fahamkan daripada soalan tersebut perlulah dijelaskan tidak semua ulamak tidak faham politik. Tetapi yang menjadi masalahnya ialah orang-orang yang menggunakan pengetahuan agama yang terbatas itu untuk memberi keputusan dalam semua perkara termasuk bidang-bidang yang mereka tidak begitu mendalami.

Dalam hal yang demikian, Tuan Yang Dipertua, yang boleh dilakukan oleh Kerajaan dan telah pun dilakukan sepertimana yang diusahakan oleh Yayasan Dakwah Islamiah baru-baru ini adalah untuk menghimpunkan sebahagian dari ulamak-ulamak dan diberi penjelasan tentang beberapa dasar Kerajaan termasuklah yang menyentuh tentang kedudukan politik tanahair. Di samping itu Kerajaan memberi kesempatan kepada ulamak-ulamak memberi pandangan dan nasihat kepada Kerajaan untuk memenuhi konsep paduan di antara ulamak dan umarak (pemimpin-pemimpin).

LAWATAN PERDANA MENTERI KE JEPUN

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan lanjutan yang telah diambil setakat ini ke atas hasil yang beliau capai semasa melawat Jepun baru-baru ini, terutama berhubung mencari peluang-peluang untuk barang-barang keluaran Malaysia dalam pasaran Jepun dan memperbaiki ketidakseimbangan perdagangan antara Jepun dan Malaysia.

6. **Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Besar** minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan dan

kejayaan yang dicapai semasa lawatan beliau ke Jepun pada awal tahun ini.

11. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatannya ke Jepun Januari lalu, dan bagaimanakah sambutan Jepun terhadap dasar Pandang ke Timur.

19. Tuan Haji Yahya bin Haji Zakaria minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil kejayaan yang telah tercapai dalam lawatan rasmi Perdana Menteri ke Negara Jepun baru-baru ini;
- (b) mengenai pinjaman mata wang Jepun kepada Kerajaan Malaysia dan apakah faedah-faedah daripada pinjaman, yang boleh kita dapati; dan
- (c) sejauh manakah syarikat-syarikat Jepun yang telah bersetuju membeli minyak daripada Malaysia.

29. Tuan Ismail bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan, apakah hasil dan kesan lawatan beliau ke Jepun baru-baru ini terutama berhubung atas rundingan mengenai isu dua hala seperti dasar Pandang ke Timur, kerjasama ekonomi, usaha-usaha sama, pelaburan dan isu-isu serantau termasuk masalah Kampuchea dan Politik Antarabangsa.

37. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah projek-projek yang dibiayai oleh kredit Yen Khas, yang dirundingkan oleh rombongan Y.A.B. Perdana Menteri semasa lawatan ke Jepun; dan bagaimanakah cadangan Malaysia untuk membayar semula pinjaman yang terkandung dalam Kredit Yen itu.

Pemangku Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawab soalan No. 6 daripada Yang Berhormat dari Setapak, soalan No. 11 daripada Yang

Berhormat dari Dungun, soalan No. 19 daripada Yang Berhormat dari Bagan Datok, soalan No. 29 daripada Yang Berhormat dari Jerai dan soalan No. 37 daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sendiri bersama-sama soalan ini. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah hampir-hampir sama iaitu mengenai hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri dan tindakan selanjutnya ke atas hasil yang dicapai semasa lawatan tersebut. Saya akan mulakan terlebih dahulu dengan soalan mengenai hasil lawatan.

Sebagaimana yang diketahui Y.A.B. Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi yang pertama ke Jepun dan 23hb hingga 29hb Januari tahun ini. Tujuan lawatan ini ialah untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat tentang perhubungan dua-hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa untuk kepentingan bersama.

Hubungan Dua-Hala dan Dasar Pandang Ke Timur

Dalam perbincangan hubungan dua-hala, Y.A.B. Perdana Menteri telah menerangkan secara mendalam kepada Perdana Menteri Jepun, Encik Nakasone dasar "Pandang ke Timur" kita dan seterusnya meminta supaya Kerajaan Jepun memahami dengan sepenuhnya dasar tersebut. Jawapan Perdana Menteri Jepun sangatlah positif. Beliau telah memberi perakuan kepada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan memberi sebarang pertolongan yang boleh untuk menjayakan dasar "Pandang ke Timur" kita.

Perdana Menteri Jepun juga telah memberi jaminan kepada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan memperkukuhkan lagi hubungan negaranya dengan Malaysia dan beliau sendiri akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat ini.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah melawat beberapa kilang perusahaan yang terkemuka di Jepun serta mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan tokoh-tokoh perusahaan Jepun yang terkemuka untuk antara lain memberi penerangan kepada mereka mengenai dasar "Pandang ke Timur" kita supaya dasar ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Y.A.B. Perdana Menteri telah mengadakan satu pertemuan dengan Pertubuhan-pertubuhan Ekonomi Jepun di mana beliau telah menyampaikan satu ucapan.

Y.A.B. Perdana Menteri juga telah meminta kerjasama Kerajaan Jepun untuk menyediakan tempat-tempat tambahan di universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi di Jepun untuk pelajar-pelajar kita. Perdana Menteri Jepun telah memberi jaminan bahawa beliau akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam hal ini.

Kredit Yen

Encik Nakasone juga telah memberitahu Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Kerajaan Jepun bersetuju untuk memberi pinjaman Kredit Yen Khas (Special Yen Credit) sebanyak 50 billion Yen (lebih kurang \$500 juta). Dari jumlah itu, 40 billion Yen adalah pinjaman Yen istimewa daripada Kerajaan Jepun dan 10 billion Yen lagi sebagai pinjaman daripada Export-Import (EXIM) Bank of Japan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa pinjaman-pinjaman dari Kerajaan Jepun ini dapat membantu Kerajaan membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 khususnya di bidang menambahkan sumber tenaga di Malaysia. Dalam hubungan ini, pinjaman ini akan digunakan bagi membiayai projek Stesyen Janakuasa Pelaburan Kelang Peringkat II dan

oleh itu Kerajaan bercadang membayar semula pinjaman ini melalui hasil yang diperolehi oleh Lembaga Letrik Negara. Dari segi faedah pula, pinjaman-pinjaman tersebut adalah menguntungkan memandangkan kadar faedahnya yang rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah dalam pasaran kewangan antarabangsa. Misalnya Kredit Yen yang ke 9 dikenakan faedah 4% setahun dengan tempoh pembayarannya selama 25 tahun termasuk tempoh perlepasan selama 7 tahun. Syarat-syarat bagi kredit yen khas hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut masih diperingkat perundingan. Walau bagaimanapun adalah dijangkakan syarat-syaratnya tidak akan berbeza banyak dari syarat-syarat pinjaman yen yang lain. Oleh itu selain daripada membantu membiayai projek pembangunan yang disebutkan pinjaman-pinjaman ini dengan syaratnya yang berpatutan itu akan dapat meringankan beban kewangan kerajaan.

Berkenaan permintaan kita supaya pihak Jepun menambahkan pembelian minyak petroleum kita, Encik Nakasone telah memberi perakuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau akan menyampaikan permintaan ini kepada pihak swasta Jepun untuk perhatian mereka.

Semasa lawatan tersebut satu Perjanjian Separuh Penghapusan visa antara Malaysia dan Jepun telah juga ditandatangani. Perjanjian ini akan melicinkan lagi perjalanan rakyat antara kedua-dua negara yang akan menggalakkan perhubungan dan seterusnya memupuk persefahaman rakyat antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Encik Nakasone mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa pula, mereka telah bertukar-tukar pendapat

mengenai ASEAN, China, Vietnam, perhubungan Jepun dengan Amerika Syarikat, usaha-usaha Kerajaan Jepun untuk memperkuatkan lagi pertahanannya, kawalan senjata (arms control) konsep kumpulan Asia Pasifik (Asia/Pasifik Community Concept) dan masalah Asia Barat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengadakan pertemuan dengan bekas-bekas Perdana Menteri Jepun, Encik Zenko Suzuki dan Encik Takeo Fukuda.

Di bidang perdagangan kedua-dua Perdana Menteri itu telah bersetuju bahawa perdagangan dua-hala di antara Malaysia dengan Jepun telah berkembang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menekankan kepada Encik Nakasone mengenai perlunya negara Jepun mengimport lebih banyak barang-barang perkilangan dan barang-barang yang telah diproses dari Malaysia. Di samping itu kepentingan Malaysia dan ASEAN haruslah diambil kira di dalam usaha Kerajaan Jepun mengambil langkah-langkah baru untuk membuka pasaran negara tersebut. Encik Nakasone telah menyatakan bahawa negaranya akan berusaha sedaya upaya untuk menjamin kelicinan dan perkembangan perdagangan di antara Malaysia dan Jepun.

Sebagai tindakan penyusulan pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki peluang bagi barang-barang perkilangan dan yang telah diproses dari Malaysia untuk memasuki ke pasaran Jepun, termasuklah mencadangkan cara-cara memperbaiki sistem Keutamaan Am Negara tersebut (General System of Preferences-GSP) dan juga mendapatkan kemudahan piawai JIS (Japan Industrial Standard) bagi barang-barang perkilangan dan yang telah diproses dari Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah pun mengeksport gas asli cecair (LNG) ke negara Jepun dan adalah dijangkakan perkembangan ini akan memberi lebih perdagangan dengan negara Jepun di masa akan datang.

Kesimpulan

Dari semua aspek, lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun bolehlah dianggap sangat berjaya dan beliau sangat puas hati dengan lawatan itu. Perdana Menteri Jepun bukan sahaja telah memahami dasar "Pandang ke Timur" kita, malahan beliau telah memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaannya akan membantu setakat mana yang boleh untuk menjayakan dasar kerajaan kita ini.

Pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Jepun itu telah menunjukkan arah pemikiran Kerajaan Jepun di bawah pimpinan beliau, terutamanya tentang soal memperkuatkan pertahanan negeri Jepun dan isu-isu serantau dan antarabangsa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakin pertemuan mereka berjaya menjalinkan persahabatan yang bermakna dan akan memberi manfaat kepada perhubungan antara Malaysia dan Jepun baik pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang. Dalam hal ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengundang Perdana Menteri Jepun dan isteri untuk melawat Malaysia. Beliau telah menerima undangan ini dan lawatan rasmi Perdana Menteri Nakasone dan isteri ke Malaysia dalam rangka lawatan mereka ke negara-negara ASEAN.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi beliau telah menyatakan bahawa

salah satu daripada tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita melawat Jepun ialah untuk membincang masalah perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Jepun dan daripada jawapannya tadi difahamkan perhubungan dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun adalah positif sekali di mana Perdana Menteri Jepun iaitu Encik Nakasone telah pun memberi sikap yang positif sekali terutama sekali dengan dasar "Pandang ke Timur". Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga tadi menyatakan bahawa semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Jepun beliau juga telah mengadakan perjumpaan dengan tokoh-tokoh perniagaan dan juga dengan pertubuhan-pertubuhan ekonomi di negara Jepun. Tetapi beliau tidak menyatakan apakah hasil perjumpaan ini. Jadi saya ingin tahu kalau boleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apakah sambutan (response) terhadap perjumpaan ini dan reaksi awal yang diberikan oleh tokoh-tokoh perniagaan dan juga pertubuhan-pertubuhan ekonomi yang berkenaan, sama ada mereka ini memahami tentang dasar "Pandang ke Timur" kita ini?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, tujuan perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan pertubuhan-pertubuhan ekonomi dan pihak swasta di negeri Jepun ialah, yang pertama, untuk memberi fahaman kepada mereka seperti juga dibuat kepada Kerajaan negeri Jepun atas dasar "pandang ke Timur" kita. Dan yang kedua, untuk memberi peluang kepada pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan ekonomi yang demikian di negeri Jepun mengenai keadaan yang sedang wujud di Malaysia di mana peluang-peluang untuk menanam modal ataupun

mengadakan pertalian perdagangan di antara kedua negara wujud oleh kerana huraiannya datang daripada Perdana Menteri sendiri, iaitu seorang yang terkemuka sekali di negara Malaysia, dan dengan mereka mendengar hujah-hujah yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia sendiri maka adalah dipercayai bahawa hujah ini akan diterima. Malaysia akan terus mendapat sokongan daripada pihak swasta negeri Jepun untuk mereka bersama-sama datang berdagang di Malaysia serta menanam modal untuk kepentingan bersama-sama pihak Jepun dan Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Oleh kerana kejayaan dasar "Pandang ke Timur" termasuk konsep "Malaysia Incorporated" yang bergantung atas kebolehan Malaysia untuk mendapat teknologi yang tinggi, adakah dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Nakasone kita mendapat jaminan daripada pihak Jepun bahawa mereka akan menolong kita dengan ikhlas untuk memindah teknologi atau transfer of technology dan bukan teknologi yang kuno atau adakah dalam bidang ini kita perlu pandang ke Jepun dan belajar daripada Jepun untuk mencuri teknologi daripada negara-negara yang membangun termasuk daripada negeri Jepun?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, memang menjadi asas konsep "Pandangan ke Timur" yang dianuti oleh Malaysia di mana "transfer of technology" ataupun pemindahan maklumat mengenai teknologi merupakan satu daripada faktor yang dikemukakan oleh Perdana Menteri kita. Apa juga pengetahuan di dalam bidang teknologi hendaklah seberapa boleh dan di mana yang sesuai dibawa ke Malaysia supaya rakyat jelata Malaysia sendiri akan dapat

didedahkan kepada pengetahuan-pengetahuan yang berkenaan sama ada dengan cara pihak swasta Jepun ataupun Kerajaan Jepun datang kemari ataupun dengan cara kita menghantar mereka yang ada kemungkinan dan berpotensi ke negeri Jepun untuk mempelajari hasil daripada perhubungan dua hala ini.

Dari segi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu mencuri teknologi, kita tentulah tidak berminat untuk mencuri, tetapi pada pendapat saya istilah "mencuri" ini telah salah digunakan oleh Ahli Yang Berhormat oleh sebab sesuatu maklumat dan pengetahuan itu hendaklah dipelajari bukan dicuri cuma kadangkala perlu ditiru. Tiruan adalah merupakan satu daripada asas permulaan sesuatu negara itu hendak maju lebih ke hadapan. Jangan kita lupa bagaimana banyak negara-negara yang sudah pun menganggap dirinya maju telah bermula dengan meniru dahulu. Yang menjadi soal pokok di negara Malaysia ini ialah mana yang sesuai ditiru dan dibawa balik. Kita mempelajari hasil daripada apa juga maklumat dan pengetahuan yang ada di tangan sesiapa juga; pada kali ini khususnya daripada negeri Jepun.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hasil daripada lawatan itu bahawa Kerajaan telah dapat pinjaman kredit yen daripada negara Jepun. Adakah benar pinjaman ini diberi dengan syarat supaya negara kita membeli alat-alat tertentu ataupun membeli barang-barang tertentu daripada negara Jepun dan jika syarat itu dikenakan apakah boleh menguntungkan atau merugikan negara kita dari segi penggunaan dan pengambilan kredit yen daripada negara Jepun.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, pinjaman yang didapati dari

Jepun tidak tertakluk atau terikat kepada pembelian bahan-bahan daripada Jepun. Dengan lain-lain perkataan, dalam bahasa Inggerisnya digunakan sebagai untied loan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, tentang bagaimana seriusnya masalah ketidakseimbangan perdagangan di antara Jepun dan Malaysia dan sama ada beliau berasa yakin bahawa langkah-langkah yang telah dinyatakan tadi dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan perdagangan di antara Jepun dan Malaysia.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, memang menjadi satu matlamat dan tujuan Kerajaan Malaysia bahawa ketidakseimbangannya perdagangan antara negara-negara Jepun dengan Malaysia di mana negara Jepun ada berlebihan perdagangan dari segi angka dan hasilnya akan dapat diatasi seberapa boleh. Itulah sebabnya dalam jawapan saya tadi saya menyatakan bahawa dengan kita mengeksport gas cecair (LNG) ke negeri Jepun maka ini akan merupakan satu daripada faktor yang begitu besar yang sebenarnya mungkin akan memberi peluang kepada Malaysia pula melebihi perdagangan daripada negeri Jepun dan sebaliknya negeri Jepun pula yang akan menuntut supaya ini dikurangkan balik. Begitulah cara perdagangan antarabangsa yang sentiasa berlaku tetapi dari segi Malaysia, insya Allah gas cecair ini akan membantu kita untuk mengurangkan ketidakseimbangan di antara dua negara.

Dr Tan Seng Giaw: Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat adakah dengan pinjaman-pinjaman yang begitu besar dari Jepun ini akan menjejaskan kerana, dengan izin, "beggars cannot be choosy"

menjejaskan usaha kita untuk mendapatkan keseimbangan perdagangan.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya tidak begitu arif di dalam kompleksiti ekonomi antara negara-negara tetapi pada pendapat saya ini ialah dua soal yang berlainan di antara satu sama lain. Secara pendek jawab saya, tidak.

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada juga menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membincangkan isu-isu serantau dengan Perdana Menteri Jepun, jadi saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sejauh manakah keyakinan Malaysia terhadap peranan negara Jepun berhubung dengan keadaan keselamatan dan stability di Asia Tenggara ini.

Dato' Musa Hitam: Pada hemat Kerajaan Malaysia memanglah menjadi hasrat Kerajaan negeri Jepun bahawa stability dan keamanan di Asia Tenggara haruslah menjadi keutamaan bukan sahaja kepada negara-negara di Tenggara Asia ini sendiri tetapi akan mengakibatkan kedudukan dan melibatkan kepentingan negara Jepun sendiri. Jadi, berasaskan kepada konsep inilah maka negara Jepun sendiri memang memahami konsep yang dianuti oleh negara-negara ASEAN di mana kita menekankan aspek keamanan dan kestabilan sebagai satu daripada priority ataupun keutamaan yang diperjuangkan oleh negara-negara ASEAN. Cuma yang ada perbezaannya ialah dari segi approach di antara satu negara dengan negara yang lain dalam soal ini.

AMANAH SAHAM NASIONAL—MENAIKKAN MAKSIMA PELABURAN

3. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa sambutan Bumiputera terhadap ASN sejak akhir-akhir ini adalah meningkat berkali-kali ganda, adakah ASN bercadang untuk menaikkan maksima pelaburan yang boleh dimiliki oleh seorang bumiputera daripada \$50,000.00 kepada \$100,000.00; dan
- (b) setakat ini tanaman modal ASN hanyalah tertumpu kepada syarikat-syarikat yang ada dalam negeri sahaja, tindakan ASN bercadang untuk meluaskan penanaman modalnya kepada syarikat-syarikat luar negeri.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Amanah Saham Nasional tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah pelaburan maksima yang telah ditetapkan itu. Sungguhpun demikian, jumlah pelaburan maksima seseorang pelabur boleh melebihi \$50,000.00 sekiranya saham-saham tambahan (bonus shares) yang diberikan oleh ASN tidak dijual balik. Dalam lain-lain perkataan, jumlah saham seseorang boleh melebihi \$50,000 melalui saham tambahan.
- (b) Pelaburan yang dibuat oleh ASN tidak hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat tempatan. ASN juga telah membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat asing dan antarabangsa seperti Guthrie

Corporation, Harrison & Crossfield dan Amalgamated Metal Corporation.

GAS CECAIR ASLI (LNG) KE NEGARA ASEAN

4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abd. Rahim minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Malaysian Liquefied Natural Gas Sdn Bhd telah mula membekal gas cecair asli kepada Negeri Jepun untuk beberapa tahun yang akan datang, sama ada Kerajaan melalui syarikat ini akan juga membekalkan gas ini kepada Negara-negara ASEAN yang memerlukannya dan memberi keutamaan dalam pembekalan kepada negara-negara ASEAN ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, gas cecair asli (LNG) tidak akan membekalkan kepada negara-negara ASEAN. Singapura dan Filipina tidak memerlukan sumber tenaga jenis ini. Indonesia dan Thailand pula sudah mempunyai gas asli sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: Saya ingin bertanya adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa Jepun dapat sumber gas asli cecair daripada negara lain seperti Kanada dan bolehkah ini akan menjejaskan perdagangan kita dari segi gas asli dengan Jepun?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, itu soalan lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah dengan penurunan harga pasaran minyak dunia sekarang ini kemungkinan harga gas cecair ini juga akan berkurangan dan kemungkinankah akan mengurangkan pasaran daripada negara-negara di dunia ini untuk membeli gas cecair daripada negara kita.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, setakat ini soal ini tidak timbul oleh sebab gas cecair yang kita dapat keluarkan sekarang ialah sudah pun dikontrek atau dipersetujui untuk dibeli oleh satu negara sahaja iaitu negara Jepun.

PAMIRAN PERDAGANGAN DI CANTON OLEH PENIAGA SIBU

5. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab 32 orang peniaga dari Sibu, Sarawak yang dibenarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perindustrian mengambil bahagian di dalam Autumn Trade Fair tahun lepas di Canton, China telah dipanggil dan disoal-siasat seorang demi seorang oleh Cawangan Khas sekembali mereka ke Sarawak dan beberapa orang daripada mereka telah disoal-siasat lebih kurang tiga jam dan ditanya dengan bermacam pertanyaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini 32 orang peniaga-peniaga dari Sibu, Sarawak yang menghadiri Pamiran Perdagangan, Canton musim luruh 1982 bukanlah disoal-siasat oleh Cawangan Khas Sarawak tetapi mereka hanya ditemuduga sahaja dan temuduga ini memakan masa selama 15-30 minit bagi tiap-tiap seorang pedagang. Temuduga sedemikian bukan sahaja dijalankan ke atas pedagang-pedagang dari Sarawak malahan ke atas semua pedagang dari Malaysia yang dibenarkan menghadiri Pamiran Perdagangan di Canton.

[Soalan No. 6—lihat jawapan kepada Soalan No. 2].

CUTI MINGGUAN— MENYAMAKAN

7. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan masih tidak dapat menyelaraskan cuti hujung minggu di antara Negeri-negeri dengan menjadikan hari Jumaat sebagai hari kelepasan sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi negara ini; dan
- (b) sejauh mana masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dengan pelaksanaan hari Jumaat sebagai hari kelepasan mingguan dari segi pembangunan ekonomi negara dan hubungan antarabangsa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, soalan seumpama ini telah pernah dijawab di Persidangan yang lalu Dewan yang mulia ini. Kerajaan sememangnya mempunyai hasrat untuk menyamakan cuti mingguan bagi seluruh negara. Tetapi hasrat ini tidak dapat dilaksanakan pada masa ini oleh kerana belum ada persetujuan dari beberapa pihak dalam penentuan hari yang sesuai untuk maksud tersebut. Usul ini telah pernah dirujuk kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri tetapi telah wujud berlainan pendapat di antara Kerajaan-kerajaan Negeri mengenai cadangan hari tersebut. Sebagaimana Ahli Berhormat itu tentu sedia maklum, Kerajaan-kerajaan Negeri adalah mempunyai hak untuk menentukan hari kelepasan masing-masing mengikut Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan.

Dari segi pembangunan ekonomi dan hubungan antara bangsa pula, pertimbangan yang teliti juga perlu diberi dalam menentukan hari yang paling sesuai untuk dijadikan hari cuti

mingguan bagi seluruh negara. Di saat-saat kita sedang giat berusaha membangunkan negara, hari yang dipilih itu hendaklah tidak merugi atau mengurangkan lagi peluang Negara untuk berurusan di peringkat antarabangsa, baik dari segi perdagangan mahupun dalam perhubungan-perhubungan lain. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, urusan niaga dan perdagangan antarabangsa merupakan komponen yang amat penting dalam perkembangan ekonomi negara dan kebanyakan negara-negara yang terlibat dengan Malaysia dalam urusan ini bercuti pada hari Sabtu dan Ahad. Begitu juga umpamanya dengan peranan Kuala Lumpur untuk menjadi pusat pasaran barangan yang lengkap, memerlukan hubungan yang rapat dengan negara-negara yang telah maju dalam bidang ini seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Eropah, yang juga mempunyai cuti mingguan pada hari Sabtu dan Ahad. Selain daripada itu, keperluan mengadakan hubungan yang maksima dengan negara-negara ASEAN juga perlu dipertimbangkan dan ini menjadi begitu penting memandangkan peranan yang bertambah aktif yang dimainkan oleh Malaysia dalam perkembangan-perkembangan politik dan ekonomi yang semakin pesat di rantau ini. Negara-negara ini mengamalkan cuti mingguan pada hari Ahad juga. Ini semua adalah antara perkara-perkara yang perlu dikaji dan dinilai dengan rapi oleh Kerajaan sebelum cadangan seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan.

SINDIKIT HARAM MEMPROSES DADAH MORFIN/HEROIN

8. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memandangkan rasa kebimbangan yang terkandung di

dalam Laporan Lembaga Kawalan Narkotik Antarabangsa (LNCB) terhadap adanya kilang-kilang haram di sempadan Malaysia-Thailand yang membuat morfin dan heroin daripada candu menyatakan sejauh manakah benar-benar dakwaan itu; dan apakah langkah-langkah positif yang sedang, telah dan akan diambil bagi menghapuskan kilang-kilang haram itu.

Tuan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada terdapat sindikit-sindikit haram yang memproses dadah-dadah morfin dan heroin daripada candu di sempadan Malaysia/Thailand. Pihak penguatkuasaan telah berjaya mengesan sebanyak 8 buah makmal haram seumpama ini semenjak tahun 1973-1982. Di dalam operasi menumpaskan makmal-makmal tersebut 33 orang telah ditangkap dan sebanyak 3.175 kg heroin No. 4 dan 12.364 kg heroin No. 3 telah dirampas. Di antara langkah-langkah positif untuk menghapuskan kegiatan haram ini pihak Cawangan Anti Dadah Polis Di Raja Malaysia telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan pihak berkuasa Thailand untuk bekerjasama dalam usaha pembenterasan penyeludupan dadah dengan cara bertukar-tukar maklumat dan perancangan bersama. Pihak Cawangan Anti Dadah Polis juga telah mempergiatkan usaha mengesan pergerakan sindikit-sindikit yang menjalankan kegiatan haram tersebut. Selain daripada itu Kerajaan akan mencadangkan beberapa pindaan kepada Ordinan Racun 1952 berhubung dengan bahan-bahan acetic anhydride, acetylbromide dan acetyl chloride iaitu bahan-bahan kimia yang digunakan untuk memproses heroin.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih di atas kekesanan yang dibuat

berhubung dengan masalah itu dan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan. Tetapi saya ingin bertanya, untuk memperhebatkan lagi gerakan kita adakah kita akan menggunakan konsep kerjasama dengan negara-negara jiran seperti Thailand dalam menentang kominis supaya dapat dilibatkan bersama dalam gerakan itu kerana dadah ini adalah musuh negara utama.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya telah katakan tadi itu memang tugas kita pada hari ini, iaitu melaksanakan kerjasama yang rapi dengan negara-negara yang berkenaan.

BIRO KOMPUTER— MENUBUHKAN

9. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan biro komputer bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti komputer di Jabatan Kerajaan di samping membaikkkan lagi khidmat nasihat untuk jabatan-jabatan tersebut, memandangkan bahawa banyak jabatan-jabatan Kerajaan akan menggunakan komputer; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan cawangan komputer di Bilik Gerakan Negara di negeri-negeri bagi memudahkan lagi kerja-kerja diselenggarakan. Kalau ya, bila dan kalau tidak, mengapa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Pada masa ini, Kerajaan sedia mempunyai satu badan yang bertanggungjawab bagi menimbangkan permohonan

dari agensi-agensi untuk memakai komputer. Badan itu ialah Jawatankuasa Prosesan Data Otomatik atau JPDO yang ditubuhkan sejak tahun 1976 di bawah kelolaan Unit Penyelarasan & Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri tetapi dipindahkan kepada MAMPU sejak tahun 1978. Jawatankuasa itu mengandungi pegawai-pegawai Kerajaan dari beberapa agensi yang mahir dan berpengalaman dalam penggunaan komputer. Sejak Jawatankuasa itu ditempatkan di MAMPU supaya kajian penggunaan komputer disatukan dengan kajian pemodenan pengurusan dan pentadbiran, ia telah menimbangkan sebanyak 125 permohonan dan meluluskan pembelian/penyewaan komputer berharga lebih dari \$94 juta. Penilaian permohonan itu biasanya didahului dengan memberi bantuan kajian kemungkinan atau menyediakan sistem yang sesuai untuk keperluan agensi berkenaan. Memandangkan hal di atas, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menubuhkan satu Biro Komputer dalam jangka waktu yang pendek. Walau bagaimanapun, memang ada cadangan untuk menubuhkan satu Institut Komputer Negara pada suatu masa yang sesuai dan buat masa ini satu Pusat Latihan Komputer sudah pun diwujudkan di INTAN untuk melatih kakitangan-kakitangan komputer seperti Jruanalisa Sistem dan Pengaturcara (Programmers).

- (b) Sama ada satu bahagian komputer perlu ditubuhkan di Bilik Operasi Negara peringkat negeri atau tidak, bergantung

kepada kedudukan ekonomi negara dan negeri-negeri berkenaan dan kepada wujudnya pegawai-pegawai mahir yang cukup bagi mengendalikan sistem komputer itu. Sebelum komputer boleh digunakan, semua sistem maklumat mesti disusun semula supaya sesuai dengan prosesan melalui komputer. Penggunaan itu juga tidak begitu berfaedah jika dihadkan kepada urusan memberi taklimat sahaja, tetapi harus meliputi seluruh proses perancangan, mengawal dan menilai program-program dan projek pembangunan. Masalah urusan pentadbiran tanah di peringkat daerah juga boleh diperbaiki melalui penggunaan komputer dan pertimbangan harus dibuat sama ada satu komputer besar sahaja boleh menjalankan semua kerja-kerja urusan tanah itu atau lebih baik untuk menggunakan komputer-komputer kecil di peringkat daerah.

Kesulitan dan pertimbangan-pertimbangan di atas memerlukan masa untuk diselesaikan dan wang yang banyak diperlukan untuk mewujudkan sistem komputer itu. Kerana itulah, Kerajaan belum mahu memutuskan perkara ini dengan tergesa-gesa.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa satu institut komputer akan ditubuhkan pada masa akan datang, tujuannya untuk melatih kakitangan-kakitangan dalam Jabatan Kerajaan. Adakah tujuan ini meliputi cadangan untuk melatih Juru Sistem Analisa dari pihak swasta oleh kerana pada

masa sekarang kekurangan orang yang mahir dan pakar dalam pihak swasta dengan pihak Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya ingat jawapan saya itu telah menimbulkan kekeliruan sedikit kepada Yang Berhormat dalam memahaminya, iaitu berhubung dengan Institut Komputer Negara. Saya menyatakan itu adalah berupa satu cadangan yang diberi pertimbangan sekarang ini dan yang difikirkan kalau hendak dilaksanakan mungkin pada satu masa yang sesuai akan kita pertimbangkan nanti. Tetapi berhubung dengan latihan untuk Juru Analisa Sistem dan Pengaturcara (Programmers), latihan ini sudah pun dijalankan sekarang ini oleh Pusat Latihan Komputer yang sudah pun ada di INTAN sekarang ini. Ini adalah berlainan daripada Institut Komputer Negara yang masih dalam bentuk cadangan itu.

KESATUAN SEKERJA DALAM SYARIKAT—PENUBUHAN

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar pergerakan kesatuan sekerja di negara ini menentang dengan sekeras-kerasnya penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat (in-house unions) yang mencontohi model Jepun, dan nyatakan niat Kerajaan atas perkara ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar memang ada pendapat-pendapat yang menentang dan ada juga pendapat-pendapat yang menyokong penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat (in-house-unions). Bagaimanapun pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidaklah harus

khuatir tentang penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat itu oleh kerana ianya adalah diasaskan atas tujuan yang baik demi kepentingan pekerja-pekerja itu sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat sebenarnya bukanlah satu perkara yang baru, malahan ianya adalah satu perkara yang telah lama wujud di negara kita. Setakat ini terdapat 126 buah kesatuan sekerja seumpama itu yang telah didaftarkan dengan keahliannya seramai 134,153 orang dan kesatuan-kesatuan sekerja itu telah berjalan secara aktif sejak beberapa tahun yang lalu. Selain dari itu Kerajaan juga percaya penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja dalam syarikat itu akan meningkatkan lagi daya pengeluaran serta kecekapan, dan memupuk semangat taat setia kepada pekerjaan serta mengeratkan lagi kerjasama bagi menjamin keharmonian perhubungan perusahaan. Dengan cara yang demikian itu perkembangan dalam pembangunan industri negara ini akan bertambah pesat lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kenapa dalam peringkat awalnya di mana pihak Kerajaan ada kaji mengenai perkara memperkenalkan sistem in-house unions secara Jepun bahawa pihak Kementerian Buruh tidak terlibat, yang mengakibatkan apabila Yang Berhormat Menteri Penerangan membuat satu pengumuman bahawa Kerajaan akan mengadakan sistem itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada sekeras-kerasnya menafikan dan keduanya, adakah kesatuan-kesatuan khususnya MTUC dilibat dalam proses kajian mengenai memperkenalkan sistem in-house unions secara Jepun ini?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, galakan kepada pekerja-pekerja untuk

menubuhkan union secara in-house unions ini ialah sebenarnya ditujukan kepada pekerja-pekerja di dalam sektor di mana belum mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja untuk memberi pembelaan kepada mereka. Setakat ini tidak ada apa-apa pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja dilakukan. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya bukanlah merupakan suatu penafian saya melalui akhbar tetapi kenyataan saya menyatakan trade union yang ada pada hari ini yang berbentuk national union ataupun kesatuan kebangsaan tidak akan dibubarkan dan memang benar ini berlaku. Sehingga hari ini pun tidak ada sebuah kesatuan kebangsaan ini yang diarah dibubarkan. Cuma kita menggalakkan di mana sekiranya ada pekerja-pekerja yang masih lagi belum berkesatuan dan yang difikirkan sesuai mereka ini boleh digalakkan supaya cuba menubuhkan kesatuan mereka berasaskan "in-house unions" kerana kita percaya ianya mungkin akan memberi kebaikan bukan sahaja kepada pekerja-pekerja tetapi juga kepada industri yang berkenaan itu dan kepada negara pada keseluruhannya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan kedua belum dijawab.

Tuan Yang Dipertua: Soalan kedua belum dijawab, berkenaan dengan MTUC.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, oleh sebab sebagaimana yang saya terangkan tadi penggalakan ini tidak memerlukan kepada apa-apa pindaan Akta yang telah ada, maka tidak perlu diadakan perbincangan secara formal dengan mana-mana badan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya senantiasa menjalankan sikap terbuka dan apa-apa pandangan daripada mana-mana pihak juga diambil kira dan diberi perhatian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, adakah benar pergerakan kesatuan sekerja, MTUC dan sebagainya yang ada sekarang ini tidak menguntungkan para buruh yang sebenarnya tetapi sebaliknya dijadikan sebagai alat atau untuk menghidupkan segolongan pemimpin seperti kutu di atas kepala misalnya; untuk kepentingan mereka untuk hidup. Jika sedar, apakah pergerakan mereka ini boleh merugikan negara dan juga keselamatan negara dan juga akan menghalang kemajuan syarikat-syarikat dalam negara kita yang hanya untuk kepentingan segelintir sahaja?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang pertama suka saya menjelaskan bahawa MTUC bukanlah kesatuan sekerja, sebenarnya MTUC ialah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan bukan di bawah Akta Kesatuan Sekerja (Trade Union Act). Berhubung dengan bahagian yang kedua pertanyaan Yang Berhormat itu, saya pohon izin daripada Yang Dipertua tidak mahu memberi pendapat saya tentang buruk-baik Kesatuan Kebangsaan sebab Akta dan "in-house unions" yang dikuatkuasakan sekarang membenarkan kedua-duanya, sama ada penubuhan secara kesatuan kebangsaan ataupun kesatuan "in-house union". Walaupun saya sendiri ada mempunyai pendapat-pendapat tertentu, tetapi di dalam soal-jawab ini tidak patutlah saya memberi pendapat peribadi yang memburuk-burukkan satu-satu jenis kesatuan sekerja. Tetapi walau bagaimanapun, memang terdapat kelemahan-kelemahan pada tiap-tiap satu jenis kesatuan sekerja ini. Kesatuan sekerja berbentuk kebangsaan juga memang ada kelemahan-kelemahannya dari segi kepentingan negara, di mana di dalam

keadaan-keadaan tertentu jika kesatuan-kesatuan itu terjatuh kepada kepimpinan yang tidak bertanggungjawab, bukan sahaja negara yang akan rugi tetapi pekerja-pekerja juga akan menerima kerugian. Tetapi jika pekerja-pekerja itu dikumpulkan di dalam sebuah kesatuan yang berbentuk "house union" mereka sendiri bertanggungjawab sepenuhnya menjalankan segala perundingan-perundingan untuk kepentingan mereka, tanpa membelakangkan kepentingan tempat pekerjaan mereka. Dengan cara yang demikian adalah dijangka pemimpin-pemimpin kesatuan pada peringkat "house unions" ini akan lebih bertanggungjawab. Ini hanya satu pandangan sebagai contoh.

BELIA—RANCANGAN MENGATASI PENGHIJRAHAN KE BANDAR

12. Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan-perancangan yang telah disediakan untuk mengatasi Belia yang berhijrah ke bandar dan setakat mana pula kejayaannya.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang Dipertua, Rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah belia-belia yang berhijrah ke bandar adalah dengan menjalankan beberapa program seperti:

- (a) Menggalakkan penubuhan Persatuan atau Kelab-kelab Belia di semua peringkat sama ada desa atau bandar. Melalui Persatuan-persatuan atau Kelab ini Kementerian ada memberi bantuan sama ada dari segi

khidmat bimbingan dan kewangan kepada persatuan bagi menjalankan aktiviti yang sihat kepada ahli-ahlinya seperti mengadakan kursus-kursus kepimpinan, pelajaran, bimbingan agama dan lain-lain.

- (b) Menjalankan kegiatan-kegiatan Sukan dan Kebudayaan di kawasan-kawasan luar bandar.
- (c) Menjalankan program-program yang bercorak sosio-ekonomi seperti Rancangan Belia Berniaga dan Projek Belia Peladang bagi mewujudkan peluang pekerjaan di tempat sendiri kepada belia-belia. Dengan wujudnya peluang pekerjaan melalui rancangan ini maka ini merupakan suatu cara untuk mengatasi masalah penghijrahan belia ke bandar.

Walaupun ada rancangan dijalankan untuk mengatasi penghijrahan belia ke bandar tetapi masalah penghijrahan ini merupakan suatu fenomena yang tidak dapat dielakkan kerana pembangunan yang pesat di bandar menimbulkan minat belia-belia untuk mencuba hidup di bandar-bandar di mana peluang pekerjaan lebih banyak wujud dengan adanya kilang-kilang perindustrian.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini di negara kita terdapat 500,000 penagih dadah dan daripada jumlah itu kebanyakan mereka datangnya daripada bandar ataupun kawasan pekan-pekan kecil. Jadi saya ingin bertanya kepada beliau apakah perancangan yang telah pun disediakan oleh Kementerian supaya lebih banyak lagi belia-belia yang berhijrah ke bandar-bandar ini dapat menjadi ahli-ahli persatuan belia, kerana daripada kajian yang telah pun

dijalankan didapati daripada jumlah 500,000 ini hanya 5% sahaja ahli persatuan belia. Jadi apakah perancangan Kementerian untuk membanyakkan lagi ahli-ahli belia yang menjadi ahli kepada pertubuhan belia.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Rancangan-rancangan kepada belia ada banyak dijalankan di bandar dan juga di luar bandar tetapi kalau Yang Berhormat itu minta beberapa tambahan lagi rancangan hendak diwujudkan. Kementerian bolehlah timbang dan menjalankannya.

KEMEROSOTAN EKONOMI— LANGKAH MENGATASI

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana keadaan kemerosotan ekonomi sekarang di Malaysia dan sama ada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan kemerosotan di negara ini telah mencapai kejayaan dan bilakah kemerosotan ini dijangka akan berakhir.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, ekonomi Malaysia masih lagi mengalami kemerosotan akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan semenjak pertengahan tahun 1980. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1982 dijangka baik dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia. Mengikut perangkaan yang terakhir, ekonomi negara dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar 4.5% bagi tahun 1982, iaitu lebih baik daripada kadar pertumbuhan 3.9% yang dijangka dalam Belanjawan tahun lepas. Di samping itu keadaan inflasi juga bertambah baik. Dalam tahun 1982 kadar inflasi telah menurun kepada

5.8% berbanding dengan 9.7% dalam tahun 1981. Perkembangan-perkembangan yang baik ini adalah pada sebahagian besarnya disebabkan oleh dasar-dasar yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Belanjawan bagi menggalakkan pertumbuhan dalam negeri terutama sekali sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan bagi mengurangkan kesan buruk dari kemelesetan ekonomi dunia.

Prestasi ekonomi negara bagi tahun ini dan bagi tahun-tahun yang akan datang adalah bergantung kepada keadaan ekonomi dunia. Mengikut ramalan Tabung Kewangan Antarabangsa yang terakhir sekali, ekonomi negara-negara maju terutama sekali Amerika Syarikat akan beransur-ansur pulih pada tahun ini. Sama ada pemulihan ini dapat dikekalkan bergantunglah kepada kebolehan negara-negara maju membendung inflasi dan juga mengurangkan kadar faedah. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhannya dijangka sederhana sahaja dan mungkin tidak dapat memberi kesan yang sepenuhnya kepada ekonomi negara tahun ini. Namun demikian, Kerajaan akan terus mengadakan dasar-dasar tertentu seperti terkandung dalam Belanjawan tahun 1983 untuk menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Dengan langkah-langkah itu ekonomi negara dijangka akan dapat terus berkembang dengan memuaskan bagi tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan memberi keterangan apakah kesan kejatuhan harga minyak sebanyak \$5 setong sekarang ini kepada pemulihan ekonomi negara kita dan berapakah jumlah kerugian negara pada setiap hari dengan kejatuhan harga sebanyak \$5 setong itu.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, kesan kejatuhan harga minyak mentah yang kita eksport itu sememangnya tidaklah baik untuk ekonomi negara dari segiimbangan pembayaran, sudah tentu ianya akan mengurangkan pendapatan negara. Bagi Kerajaan pula setiap satu dollar yang jatuh daripada harga minyak mentah yang dieksport, kita akan mengalami kurangan lebih kurang \$100 juta setahun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Mulia sedar dengan pertambahan pengeluaran minyak negara kita ini dan setakat ini saya diberitahu lebih daripada 330,000 tong sehari dan dengan kejatuhan harga minyak dunia itu, adakah suatu langkah yang tidak wajar untuk meningkatkan pengeluaran minyak.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, kita telah menetapkan jumlah pengeluaran minyak mentah setakat yang telah ditentukan itu semata-mata kerana hendak mendapat pendapatan daripada jualan minyak mentah. Sungguhpun kita mengeluarkan sebanyak 330,000 tong sehari tidak kesemuanya dieksport, lebih kurang 270,000 tong sahaja yang dieksport dan yang bakinya digunakan untuk kegunaan kita dalam negara ini. Jadi kalau pun minyak dikeluarkan dengan banyak, itu adalah semata-mata kerana jadual telah pun ditetapkan begitu untuk menolong membaikiimbangan pembayaran yang dialami oleh Kerajaan pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 18, 20 hingga 28, 30 hingga 36, 38 hingga 54 adalah diberi di bawah ini).

PERUSAHAAN ELEKTRONIK/ TEKSTAIL/PERLOMBONGAN— JUMLAH PEKERJA

14. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah pekerja dalam perusahaan elektronik, tekstail dan perlombongan yang dihentikan kerja dalam tahun 1982 dan sehingga 28hb Februari, 1983 akibat kemelesetan ekonomi; apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu mereka.

Datuk Mak Hon Kam: Jumlah pekerja-pekerja dalam perusahaan elektronik, tekstail dan perlombongan yang diberhentikan kerja dari tempoh Januari 1982 hingga Februari 1983 adalah seramai 7,316 orang iaitu kira-kira 5.1 peratus daripada 141,600 orang pekerja-pekerja dalam ketiga-tiga perusahaan tersebut. Pecahan angka-angka mengikut sektor perusahaan yang berkenaan itu adalah seperti berikut:

| <i>Industri</i> | <i>Jumlah Pekerja Terlibat (Jan 1982-Feb 1983)</i> | <i>Jumlah Pekerja Dalam Perusahaan Yang Berkenaan</i> |
|------------------|--|---|
| 1. Elektronik .. | 952 | 67,300 |
| 2. Tekstail .. | 1,538 | 33,800 |
| 3. Perlombongan | 4,826 | 40,500 |
| Jumlah .. | 7,319 | 141,600 |

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang terlibat itu ialah dengan menentukan segala proses pemberhentian kerja dilakukan mengikut syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang Buruh yang berkenaan dan juga ada menempatkan mereka dalam pekerjaan baru melalui Pejabat-pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya.

Di samping itu Kementerian saya juga sentiasa menggesa majikan-majikan yang terlibat dengan tekanan

kemelesetan ekonomi sekarang supaya mengambil tindakan memberhentikan pekerja-pekerja atau menutup operasi perusahaan mereka hanya sebagai langkah terakhir. Bagi mencapai tujuan ini majikan-majikan itu dinasihatkan supaya mengurangkan hari-hari bekerja atau memendekkan masa bekerja hingga keadaan ekonomi beransur baik.

MENGHORMATI UNDANG-UNDANG NEGARA

15. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat hendak mengadakan satu kempen atau lain-lain langkah untuk mendatangkan kesedaran rakyat bagi menghormati Undang-undang dan pihak-pihak Berkuasa di negara ini, supaya rakyat negara ini menjadi rakyat yang menghormati dan mematuhi undang-undang dengan tujuan membina Bangsa dan Negara Malaysia yang aman, tenteram, dihormati dan disegani, bersih dan amanah, serta menjunjung prinsip Rukunegara "Kedaulatan Undang-undang".

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Majlis sivik, ceramah dan program yang dilaksanakan oleh berbagai jabatan adalah dengan tujuan mencapai maksud yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Di samping itu Kerajaan juga senantiasa mengambil langkah bagi memperbaiki penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan Kerajaan yang dibuat untuk rakyat.

MISSI PERDAGANGAN MELAWAT KELUAR NEGERI

16. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah hanya Pegawai-pegawai Kerajaan dan peniaga-peniaga besar

yang berjaya selalunya dipilih untuk mengambil bahagian di dalam misi-missi perdagangan melawat luar negeri dan bukan peniaga-peniaga kecil; adakah peniaga-peniaga kecil ini akan dipelawa di masa hadapan bagi memupukkan semangat untuk memajukan perniagaan mereka yang kecil itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa hanya Pegawai-Pegawai Kerajaan dan peniaga-peniaga besar yang berjaya selalunya dipilih untuk mengambil bahagian di dalam misi-missi perdagangan ke luar negeri.

Kementerian saya sentiasa memberi peluang dan galakan kepada semua pengeluar-pengeluar dan pengeksport-pengeksport (termasuk peniaga-peniaga) Malaysia yang berkeupayaan dan berpotensi untuk mengeksport, menyertai mana-mana misi perdagangan yang dianjurkan oleh Kementerian saya. Pemberitahuan dan jemputan mengenai tiap-tiap misi perdagangan diedarkan kepada pengeluar, pengeksport (termasuk peniaga-peniaga), persatuan-persatuan perkilang dan Dewan-dewan Perniagaan.

Penyertaan pengeluar-pengeluar/pengeksport-pengeksport kecil dalam misi-missi perdagangan yang dianjurkan oleh Kementerian saya untuk tahun 1981 dan 1982 jelas menunjukkan yang Kementerian saya sentiasa memberi peluang bagi penyertaan mereka dalam misi-missi perdagangan yang dianjurkan oleh Kementerian. Misalnya, bagi tahun 1981, Kementerian telah menghantar 7 rombongan pedagang ke luar negeri, 54.3% atau 70 orang peserta-peserta adalah terdiri dari pengeluar-pengeluar/pengeksport-pengeksport kecil. Begitu juga bagi tahun 1982, sebanyak 7 rombongan perdagangan

telah dihantar dan 55.2% atau 64 orang peserta-peserta terdiri dari pengeluar-pengeluar/pengeksport-pengeksport kecil. Bagi tahun 1983, Kementerian saya telah menghantar satu rombongan perdagangan ke luar negeri baru-baru ini, penyertaan pengeluar-pengeluar/pengexport-pengexport kecil adalah kira-kira 50% atau 5 orang peserta.

Pengeluar-pengeluar atau pengexport-pengexport kecil di sini adalah merupakan pengeluar-pengeluar/pengexport-pengexport yang mempunyai modal dibayar kurang daripada \$250,000, dan mempunyai jumlah pekerja kurang dari 25 orang.

Penyertaan pegawai-pegawai Kerajaan hanyalah sebagai ketua dan pengurus misi. Peserta-peserta dari badan-badan separa-Kerajaan dan badan-badan berkanun juga diberi peluang untuk turut serta. Badan-badan ini adalah seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Batek Malaysia Berhad, MARA, Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia (MTIB) dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Penyertaan badan-badan ini untuk membantu mendapatkan pasaran bagi pengeluar-pengeluar tempatan terutama pengeluar-pengeluar kecil.

SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN—MASALAH KEWANGAN

17. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada;

- (a) Kerajaan sedar bahawa ada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan kini menghadapi masalah kewangan dalam

pelaksanaan projek-projek bangunan oleh kerana Kerajaan hanya memberi gran kapital sebanyak maksima 75 peratus sahaja;

- (b) sistem gran kapital kepada sekolah-sekolah bantuan Kerajaan (SBK) adalah masih berdasarkan "formula" yang dikeluarkan semasa penjajahan British, dan jika ya, adakah tindakan diambil untuk mengubah-suaikan atau menggantikan sistem tersebut supaya dapat menyelesaikan masalah Kewangan SBK, misalnya dalam SBK Cina dan misi di negeri Sarawak; dan
- (c) Kerajaan ada rancangan untuk memberi gran kapital seratus peratus kepada semua SBK, khususnya di negeri Sarawak.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya sedar bahawa ada sekolah-sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan yang menghadapi masalah kewangan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Tetapi masalah kewangan ini bukan sahaja dihadapi oleh sekolah-sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan tetapi dihadapi juga oleh Sekolah-sekolah Milik Kerajaan.

Sistem gran untuk sekolah-sekolah tersebut adalah diasaskan kepada "Education Grants Regulation 1962" Pindaan 1971 dan ini bermakna ia diluluskan oleh Kerajaan kita setelah negara mencapai kemerdekaan. Setakat ini tiada cadangan untuk mengubah dasar-dasar pemberian yang ada sekarang kerana ia didapati masih sesuai. Menteri Pelajaran adalah diberi kuasa untuk menentukan sebanyak mana Bantuan Modal yang boleh diberikan kepada sesebuah sekolah. Di mana keadaan benar-benar memerlukan Menteri Pelajaran boleh membenarkan gran seratus peratus (100%) untuk sekolah-sekolah tersebut.

KERETA YANG DIJUAL DAN PENGGUNAANNYA

18. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah bilangan kereta (motokar) baru yang dijual di negara kita pada tahun 1982. Apakah rancangan penggunaan kereta bagi tahun 1987 dan 1992 (iaitu 5 dan 10 tahun dari sekarang).

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya tidak menyimpan rekod berkenaan dengan bilangan kereta-kereta (motokar) baru yang dijual di negara ini. Jabatan Pengangkutan Jalan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hanya menyimpan rekod mengenai kereta-kereta (motokar) yang didaftarkan. Mengikut rekod-rekod di Jabatan Pengangkutan Jalan, bilangan kereta (motokar yang didaftarkan pada tahun 1982 adalah seperti berikut:

| | |
|-----------------------------------|-------------|
| (i) Semenanjung Malaysia | 88,333 Unit |
| (ii) Sabah | 17,800 Unit |
| (iii) Sarawak | 20,276 Unit |

Mengikut angka-angka bilangan kereta (motokar) yang telah didaftarkan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu, purata kadar pertambahan bilangan kereta ialah sebanyak lima (5) peratus tiap-tiap tahun, tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Berdasarkan kiraan tersebut adalah dianggarkan atau dijangkakan penggunaan kereta (motokar) bagi tahun 1987 ialah sebanyak 103,550 unit dan bagi tahun 1992 sebanyak 122,160 unit.

[Soalan No. 19—lihat jawapan kepada Soalan No. 2]

SEKOLAH AGAMA/ARAB PERSENDIRIAN—AMBILALIH

20. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk

mengambil alih sepenuhnya sekolah-sekolah Agama dan Arab persendirian yang terdapat di negara ini; jika ya, setakat manakah usaha sedang dijalankan bagi tujuan pengambilalihan itu dari segi pembiayaan pentadbiran, tenaga pengajar, dan jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah jenis ini seperti mana bantuan kepada SRJK (C) dan SRJK (T).

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengambil alih Sekolah-sekolah Agama dan Arab persendirian yang terdapat di negeri ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada memberi bantuan kepada sekolah-sekolah tersebut. Buat masa ini bantuan-bantuan yang sedang diberi ialah:

- Bantuan Per Kapita atas kadar \$30, \$45 dan \$60 bagi seorang murid mengikut tahap persekolahan.
- Bantuan buku teks kepada semua pelajar di bawah skim pinjaman buku teks.
- Guru-guru Sekolah Agama Rakyat diberi peluang mengikut kursus dalam perkhidmatan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

PELABURAN OLEH PERBADANAN/SYARIKAT MILIK KERAJAAN

21. **Dato' Lee Kim Sai** minta Perdana Menteri menyatakan peratus kegagalan rancangan-rancangan pelaburan yang dilaksanakan oleh Perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri serta anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan-perbadanan ini. Sebab-sebab kegagalan ini berlaku, sama ada kesilapan perancangan atau pelaksanaan atau kedua-duanya.

Perdana Menteri: Peratus kegagalan rancangan-rancangan pelaburan yang dilaksanakan oleh perbadanan-perbadanan dan Syarikat-syarikat milikan Kerajaan pada 31 Disember 1982 ialah 14%. Kegagalan-kegagalan yang dialami ini adalah disebabkan oleh berbagai faktor. Antara faktor-faktor kegagalan termasuklah pengurusan yang kurang cekap, kurang pengawasan, masalah aliran wang tunai (cash flow), perancangan yang kurang teliti serta beberapa faktor lain. Berasaskan pengalaman-pengalaman masa lepas Kerajaan kini telahpun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya iaitu seperti memulih dan menyusun semula syarikat-syarikat yang lemah.

PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI SARAWAK

22. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Kerajaan Sarawak sekarang, berapakah di antara mereka dari Kategori A dan B dalam perkhidmatan tersebut dan adakah perkhidmatan mereka secara sementara atau tetap di Sarawak;
- (b) adakah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan untuk mengambil rakyat Sarawak berkhidmat dalam Jabatan Persekutuan di Sarawak daripada menukarkan pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia untuk memenuhi kekosongan yang terdapat di Jabatan Persekutuan (Sarawak supaya hanya pegawai-pegawai yang faham dengan keadaan-keadaan tempatan yang unik

diberi keutamaan untuk berkhidmat dengan rakyat tempatan di Sarawak.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Pada masa ini hanya terdapat seorang sahaja pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Sarawak. Pegawai yang berkenaan adalah dalam Kategori A dan berkhidmat atas dasar pinjaman.
- (b) Pengambilan pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan di semua negeri-negeri, termasuk Sarawak, adalah berdasarkan kepada syarat-syarat dalam skim-skim perkhidmatan yang berkenaan. Adalah menjadi amalan Kerajaan memilih pegawai yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai bagi mengisi sesuatu jawatan yang kosong di mana-mana juga termasuk di Sarawak.

MINYAK PETROLIAM— PENGELUARAN

23. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar pengeluaran minyak petroliam telah ditambahkan dari 220,000 tong sehari kepada 330,000 tong sehari untuk menanggung kekurangan kerana kemelesetan ekonomi dan angka itu mungkin akan meningkat ke 400,000 tong sehari. Adakah dasar Kerajaan telah ditukar dari dasar simpanan ke dasar penggunaan.

Perdana Menteri: Pengeluaran minyak mentah kita telah meningkat dari 260,000 tong sehari pada tahun 1981 kepada 300,000 tong sehari pada

tahun 1982. Pada tahun 1983, angka ini mungkin akan meningkat ke 330,000 tong sehari atau lebih sedikit. Tambahan kadar pengeluaran tersebut adalah secara beransur-ansur disebabkan oleh pengeluaran dari lapangan-lapangan minyak yang baru. Pengeluaran seumpama ini adalah tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan mengenai perjimatan tenaga.

JEMAAH HAJI DI ARAB SAUDI

24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa urusan Jemaah Haji khususnya dari Malaysia akan dipertanggungjawabkan kepada sebuah badan khas mengelolakan Ibadat Haji yang ditubuh oleh Kerajaan Arab Saudi; jika benar bagaimanakah kaedah badan itu menyelenggarakan semua urusan Jemaah Haji dengan sempurnanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Adalah tidak benar bahawa urusan Jemaah Haji Malaysia tahun ini akan dipertanggungjawabkan kepada sebuah badan khas seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Setakat yang diketahui sekarang ini, pentadbiran Jemaah Haji di Tanah Suci akan tetap di bawah kuasa-kuasa berikut mengikut Peraturan Haji Arab Saudi:

| | |
|--------------|---------------------------------------|
| Di Jeddah .. | Di bawah Wakil Bersatu (United Agent) |
| Di Madinah.. | Di bawah Dalil |
| Di Makkah .. | Di bawah Syeikh Haji |

EKSPORT GAS ASLI CECAIR (LNG)

25. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan apakah

polisi Kerajaan mengenai eksport Gas Asli Cecair atau LNG (Liquified Natural Gas) mengambil pandangan bahawa sumber-sumber tenaga seharus juga dinikmati oleh generasi-generasi Malaysia yang akan datang dan apakah isipadu LNG yang telah dijanjikan untuk eksport berbanding dengan jumlah volume gas diambil semula yang telah diperkenalkan di bidang-bidang gas yang sedang diusahakan.

Perdana Menteri: Dasar Kerajaan mengenai minyak dan gas asli ialah untuk mengeksport sebahagian darinya untuk menambah pendapatan negara dan menyimpan bakinya supaya dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang. Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk membina kilang gas cecair asli selain dari yang terdapat di Bintulu, walaupun kita mempunyai simpanan gas asli yang berlebihan untuk tujuan tersebut.

KILANG MENGETIN NENAS, PONTIAN—PENUTUPAN

26. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada kilang mengetin nenas, PCM II di Kampung Pulau Sebatang, Pontian, Johor telah ditutup kerana mengalami kerugian yang berlanjutan. Sekarang bangunan kilang itu serta rumah-rumah pegawai/kakitangan dan bangunan-bangunan lain, juga kawasannya di dalam keadaan terbiar dan tertinggal begitu sahaja. Apakah langkah dan tindakan Kementerian berkenaan untuk menggunakan semula bangunan-bangunan dan kawasan tersebut.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Langkah menutup kilang PCM II di Kampung Pulau Sebatang adalah merupakan sebahagian daripada usaha pemulihan keseluruhan operasi syarikat PCM dengan meneruskan pengeluarannya hanya di satu kilang

sahaja iaitu di kilang PCM I di Pekan Nenas. Tindakan ini perlu diambil sebagai usaha mengatasi kesulitan yang dihadapi seperti kemerosotan hasil pengeluaran nenas pekebun-pekebun kecil dari segi kuantiti dan mutu yang menjejaskan mutu pengeluaran dan pasarannya di luar negeri. Dengan langkah ini kerugian PCM akan dapat dikurangkan.

Berikutan penutupan kilang PCM II di Kampung Pulau Sebatang, Pontian pada 1hb Mac, 1976 itu, maka bangunan kilang tersebut telah disewakan kepada Syarikat Canecraft Malaysia Sdn Bhd iaitu sebuah Syarikat membuat perabot pasang siap daripada rotan untuk dieksport. Pemajakan ini hanya berjalan selama 44½ bulan iaitu dari 15hb November, 1978 hingga 30hb Julai, 1982.

Langkah-langkah adalah sedang diambil oleh PCM sendiri supaya Kompleks Kilang di Kampung Pulau Sebatang itu dapat digunakan secara berfaedah dengan menawarkannya untuk disewa oleh pengusaha-pengusaha industri. Sehingga ini belum ada sambutan lagi. PCM juga tidak bercadang untuk menggunakan sendiri bangunan-bangunan tersebut. Iklan penyewaan juga telah dibuat dalam akhbar dan beberapa pertanyaan juga telah diterima dari pihak-pihak yang berkenaan. Jika sekiranya PCM gagal mendapatkan mana-mana penyewa maka Jemaah Lembaga Pengarah akan bermesyuarat bagi menentukan kedudukannya.

MAS—HIDANGAN MINUMAN KERAS

27. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah beliau sedar bahawa perkhidmatan kapal terbang MAS antarabangsa menghidangkan minuman keras kepada penumpang-penumpangnyanya

dengan percuma seberapa banyak yang dikehendaki sehingga ada yang muntah-muntah dan mabuk-mabuk, sedangkan pelayan-pelayan yang menghidangkannya adalah beragama Islam. Apakah amalan buruk seperti ini pihak Kementerian akan memberhentikannya dengan segera.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Minuman keras yang diadakan oleh MAS dalam penerbangan antarabangnya adalah diberi di atas permintaan oleh penumpang sahaja. Perkhidmatan ini adalah satu perkhidmatan yang biasa diamalkan oleh semua syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Sungguhpun demikian, anak-anak kapal telah dilatih secukupnya untuk mengawasi keadaan jika mereka dapati seorang penumpang itu telah minum berlebihan atau dalam keadaan tidak sedar diri. Keadaan seperti ini jika berlaku dapat dikawal dan tidaklah membimbangkan kepada penumpang-penumpang lain.

ISTIADAT PENGKEBUMIAN JENAZAH ORANG ISLAM

28. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengubah peraturan istiadat pengkebumian jenazah orang Islam:

- (a) bagi pembesar-pembesar negara yang mengarakkan bintang-bintang kebesaran bersama mengiringi jenazah;
- (b) bagi tentera dan polis yang terkorban yang menggunakan tembakan senapang;

kerana istiadat yang demikian dilarang oleh agama Islam.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) dalam istiadat pengkebumian negara bagi pembesar-pembesar

dibawa kebesaran, orang-
jenazah; bersama mengiringi

- (b) Angkatan Tentera tidak lagi mengamalkan istiadat menembak senapang di upacara pengkebumian anggota-anggotanya semenjak tahun 1975 lagi. Bagi Pasukan Polis pula, pengkebumian penuh kehormatan bagi anggota-anggotanya adalah tertakluk kepada *Hajat waris*. Ianya diberi hanya bagi kematian dalam menjalankan tugas perwira atau kematian ketika bertugas.

(Soalan No. 29—lihat jawapan kepada Soalan No. 27)

PERATURAN-PERATURAN PERLU (KES-KES KESELAMATAN)

30. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia, memandangkan kepada laporan tujuh orang peguam asing, untuk membatalkan Peraturan (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) Keperluan, 1975.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kerajaan telah berkali-kali menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membatalkan/memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) tahun 1975. Peraturan-peraturan ini telah digubal untuk membantu kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ditimbulkan oleh anasir-anasir komunis militan dan subversif yang bertujuan untuk menggulingkan kerajaan yang dipilih secara sah oleh rakyat negara ini melalui rampasan kuasa dengan kekerasan bersenjata. Kerajaan akan hanya membatalkan sesuatu peraturan berkaitan dengan keselamatan negara, hanya apabila

ancaman dari komunis ini tidak wujud lagi dan bukannya berdasarkan kepada desakan atau laporan dari mana-mana pihak termasuklah kumpulan tujuh orang peguam asing itu yang cuba campurtangan dalam urusan dalam negeri kita setelah hanya berada di negara ini selama 6 hari sahaja.

SKIM SUBSIDI HARGA PADI

31. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah benar subsidi harga padi sebanyak \$10.00 sepikul itu tidak benar-benar memberi faedah kepada sebahagian besar para petani tulin, tetapi sebaliknya telah menambahkan kekayaan kepada peladang yang memiliki tanah luas dan pemborong padi yang menjadi orang tengah kepada petani-petani. Jika sedar apakah Kerajaan bercadang memberi subsidi harga padi berdasarkan keluasan tanah yang ditanam padi, dengan tidak melebihi daripada 6 hektar bagi tiap-tiap petani yang mengerjakan sawah.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Skim subsidi harga padi adalah bertujuan untuk meninggikan pendapatan pesawah-pesawah di samping dapat mengawal harga beras pada peringkat yang ditetapkan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974. Kenaikan harga padi secara langsung tanpa pemberian subsidi akan memberi kesan terus kepada kenaikan harga beras. Setiap pesawah boleh menjual padi sama ada terus ke pusat-pusat belian ataupun melalui pembeli padi berlesen yang kemudian akan menjual padi tersebut ke pusat-pusat belian. Hanya pesawah-pesawah yang menjual padi sahaja boleh mendapat subsidi harga padi.

Sejak skim ini dilaksanakan pada 10 Januari 1980, bilangan pesawah yang menerima subsidi ini ialah seramai

218,758 orang. Dalam jangkamasa yang sama sebanyak 3,568,661 kupon yang bernilai \$454,801,300 telah dikeluarkan.

Beberapa cara termasuk pemberian yang berasaskan kepada keluasan tanah yang diusahakan telah dipertimbangkan. Pihak Kerajaan telah mendapati bahawa cara pemberian subsidi melalui kupon ini adalah didapati lebih sesuai. Cara ini dapat memberi galakan kepada pesawah-pesawah untuk menambahkan hasil pengeluaran mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menukar cara pemberian subsidi pada masa ini.

KERTAS JAWAPAN PEPERIKSAAN—BUNGKUSAN KOYAK

32. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa bungkusan-bungkusan kertas jawapan peperiksaan-peperiksaan Am Malaysia selalu sampai ke pemeriksa-pemeriksa dalam keadaan-keadaan yang buruk dan sampulnya koyak, jika ya, adakah pihak berkenaan iaitu Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia mengambil langkah-langkah untuk menjaga kesulitan kertas-kertas jawapan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran tidak tahu dan tidak ada menerima laporan bahawa bungkusan kertas jawapan bagi peperiksaan yang dikendalikannya seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) adalah dalam keadaan buruk dan sampulnya koyak dalam peperiksaan-peperiksaan tahun 1982 yang baharu lalu.

Sekiranya perkara seumpama ini berlaku pihak Jabatan Pos sendiri akan mengambil tindakan perlu dari segi keselamatan dan sekiranya

keadaan memerlukan penerima sendiri akan dipanggil ke Jabatan Pos untuk menerimanya. Seterusnya adalah juga menjadi tugas pegawai penerima membuat laporan kepada pihak yang berkenaan untuk diambil tindakan perlu.

Buat masa ini pembungkus yang digunakan lebih baik mutunya dan lebih mahal dua kali ganda dari asal. Daripada apa yang dapat dipastikan bungkusan-bungkusan yang diterima oleh Lembaga Peperiksaan dari pusat-pusat peperiksaan, keadaannya adalah baik dan selamat.

KEMPEN ANTI DADAH

33. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan selaras dengan Kempen Anti Dadah yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan, apakah cadangan-cadangan tertentu yang dilaksanakan untuk mengatasi segala masalah-masalah dadah dalam negara ini dan juga bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kuasa tambahan yang boleh diberikan pihak polis atau pihak "Judiciary" supaya mereka boleh bertindak dengan lebih berkesan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Selaras dengan Kempen Anti Dadah yang sedang dijalankan sekarang ini pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan positif bertujuan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan meliputi semua aspek penguatkuasaan dan undang-undang, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan penerangan serta penyelidikan.

Kerajaan telah mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Dadah Merbahaya 1952 dengan tujuan untuk menambahkan hukuman-hukuman ke atas kesalahan mengedar dan menjual

dadah serta memberi kuasa yang lebih kepada agensi-agensi penguatkuasaan. Satu Akta baru yang dinamakan Akta Penagih Dadah (rawatan dan pemulihan) 1983 juga akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan ini dengan tujuan memperkemarkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada berhubung dengan bidang rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah. Selain daripada itu Kerajaan telah memperkenalkan konsep Pusat Serenti untuk memudahkan lagi usaha rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah. Ordinan Racun 1952 juga akan diperketatkan lagi supaya pemilikan bahan-bahan kimia acetic anhydride, acetyl bromide dan acetyl chloride yang merupakan bahan-bahan untuk memproses heroin akan dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Di dalam bidang pendidikan pencegahan dan penerangan Kerajaan akan terus berusaha untuk menyedarkan semua rakyat mengenai bahaya dadah. Program pendidikan pencegahan di kalangan murid-murid sekolah juga akan diteruskan dengan lebih giat lagi.

TAMBANG KERETAPI— KAJI SEMULA

34. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar tambang Keretapi yang ada sekarang; jika ya, nyatakan kadar tambang yang baru, bilakah ianya akan dilaksanakan dan sebab-sebab demikian.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar tambang Keretapi.

PAPAN-TANDA PERDAGANGAN— DASAR DAN PANDUAN

35. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada terdapat dasar-dasar dan panduan-panduan yang tertentu digunakan oleh setiap jenis bahasa bagi membuat tanda-papan perdagangan dan iklan-iklan umum yang didermakan oleh berbagai masyarakat dan jika ada apakah dasar-dasar dan panduan-panduan ini.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kegunaan tanda papan perdagangan dan iklan-iklan umum adalah tertakluk di bawah undang-undang kecil Penguasa-penguasa Tempatan. Beberapa Penguasa Tempatan telah mengubal undang-undang kecil untuk tujuan tersebut. Dalam semua kes, Bahasa Malaysia adalah digunakan bagi sebarang iklan dan bahasa-bahasa lain juga boleh digunakan di samping Bahasa Malaysia dengan syarat huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia diberi "prominence" atau ditunjukkan dengan cara yang lebih mudah dilihat.

Di dalam beberapa kes tertentu, saiz huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia telah ditentukan di mana saiznya lebih besar dari huruf-huruf dan tulisan perkataan-perkataan bahasa yang lain. Ada juga terdapat kes-kes di mana huruf bagi perkataan-perkataan di dalam Bahasa Malaysia ditetapkan tidak kecil daripada huruf perkataan-perkataan bahasa yang lain.

CALON SIJIL PELAJARAN MALAYSIA—BILANGAN

36. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan calon yang mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan SPM semenjak lima tahun yang lepas bersama dengan peratus terhadap calon-calon yang menduduki peperiksaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:
Bilangan dan peratus calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam satu-satu tahun sejak lima tahun lalu, yang mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

| Tahun | Bilangan Calon | Bilangan Kejujian (Termasuk Terbaik) | Peratus Kejujian (Termasuk Terbaik) |
|-------|----------------|--------------------------------------|-------------------------------------|
| 1977 | 44,740 | 17,365 | 38.8% |
| 1978 | 53,664 | 21,361 | 39.8% |
| 1979 | 57,719 | 24,177 | 41.9% |
| 1980* | 117,400 | 41,915 | 35.7% |
| 1981 | 122,562 | 48,771 | 39.8% |

* Mulai 1980 semua calon mengambil SPM dengan penghapusan MCE melainkan di Sarawak.

(Soalan No. 37—lihat jawapan kepada Soalan No. 2).

KEBAKARAN DI PEJABAT PERDANA MENTERI

38. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sudahkah selesai penyiasatan mengenai sebab-sebab kebakaran Pejabat beliau yang berlaku pada tahun 1982 yang lalu; jika ya, bolehkah diketahui sebab-sebab utama punca kebakaran tersebut;
- (b) memandangkan bahawa Pejabat beliau mesti diberi perlindungan keselamatan yang teliti, apakah langkah-langkah keselamatan yang teliti, apakah langkah-langkah keselamatan yang akan dilaksanakan apabila Pejabat baru beliau siap kelak; dan
- (c) apakah jaminan keselamatan kerajaan kepada pejabat-pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Sebuah Jawatankuasa terdiri daripada pegawai-pegawai pelbagai jabatan seperti Jabatan-jabatan Kimia, Bomba, LLN dan lain-lain yang berkaitan telah ditubuhkan untuk menjalankan penyiasatan mengenai kebakaran yang berlaku di Pejabat Perdana Menteri pada 3hb Mei, 1982. Jawatankuasa itu berpendapat bahawa punca kebakaran ialah dari kerosakan letrik (short circuit).
- (b) Pejabat Perdana Menteri yang dibina semula dilengkapi sepenuhnya dengan alat-alat mencegah kebakaran dan menjaga keselamatan pejabat. Di samping itu kerja-kerja membina pagar keselamatan yang baru sedang dijalankan untuk mempertingkatkan lagi keselamatan fizikal di keseluruhan Jabatan Perdana Menteri. Tindakan-tindakan untuk memperkemas langkah-langkah keselamatan ke atas Pejabat Y.A.B. Perdana Menteri akan meningkatkan lagi terutamanya dari segi pergerakan pelawat-pelawat yang dibenarkan masuk ke kawasan pejabat. Rondaan siang dan malam juga dibuat di dalam dan luar bangunan pejabat oleh anggota keselamatan.
- (c) Bagi Pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain, tindakan dari segi keselamatan perlindungan (protective security), termasuk kawalan masuk/keluar pelawat-pelawat adalah diperketatkan. Kelengkapan-kelengkapan mencegah kebakaran ada disediakan dengan secukupnya.

Rondaan-rondaan oleh anggota keselamatan juga dibuat di dalam dan luar pejabat.

Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Jalan Dato' Onn adalah diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah seksyen 4 Ordinan Kawasan dan Tempat Larangan 1959. Dengan ini tindakan-tindakan tertentu untuk menjamin keselamatan boleh diambil berpandukan kepada Ordinan tersebut.

PROJEK PEMBANGUNAN LEMBAH GOLOK

39. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan adakah penglibatan Negara Australia bersama-sama dengan Negara Thailand dan Malaysia, di mana memaju dan membangunkan Lembah Golok di sempadan Malaysia/Thai itu, adalah sebagai satu kesan perhatian Dunia kepada Malaysia akibat "Dasar Memandang ke Timur".

Perdana Menteri: Cadangan projek pembangunan Lembah Golok adalah satu perkembangan dari kerjasama di bidang pertanian antara Kerajaan Malaysia dan Thailand pada tahun 1979, di mana kedua-dua buah negara bersetuju mendapatkan bantuan teknik dari Kerajaan Australia bagi menjalankan satu kajian kemungkinan. Kajian ini akan dibiayai bersama oleh Kerajaan Malaysia, Thailand dan Australia dan akan dilaksanakan oleh sebuah firma perunding Australia.

Projek Lembah Sungai Golok adalah satu projek untuk memajukan kawasan-kawasan sempadan bagi memajukan kedua-dua buah negara dalam bidang pertanian, perikanan, ternakan, perparitan dan taliair. Matlamat projek ini ialah untuk

meninggikan lagi taraf hidup dan kedudukan sosio-ekonomi petani-petani dan penduduk desa yang terlibat, melalui usaha-usaha melipatgandakan penggunaan tanah-tanah pertanian, memajukan tanah-tanah baru dengan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber yang ada.

Rancangan ini tidak ada kaitan dengan "Dasar Memandang Ke timur". Ianya adalah suatu usaha kerjasama yang berasingan.

LIQUEFIED NATURAL GAS— PERJANJIAN HARGA

40. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut mengenai perjanjian harga (pricing agreement) yang dimeteri antara Malaysia Liquefied Natural Gas Sdn Bhd (MLNG) dan pembeli-pembeli Jepun yakni Tokyo Electric Power Company Ltd dan Tokyo Gas Company Ltd mengenai gas cecair (LNG) untuk 20 tahun akan datang.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk menjaga kepentingan perniagaan butir-butir mengenai kontrak penjualan dan pembelian (sale and purchase contracts) LNG adalah perlu dirahsiakan.

BAHASA PAPAN IKLAN— KUATKUASA PENGGUNAAN

41. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar peristiwa menurun papan-papan iklan di Setapak baru-baru ini yang kononnya tidak memberi keutamaan kepada Bahasa Malaysia telah menyinggung perasaan orang-orang Cina serta juga menyalahi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Perlembagaan yang menjamin penggunaan bebas bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia untuk tujuan-tujuan tidak rasmi, jika ya, nyatakan sama

ada pihak Dewan Bandaraya akan diarah supaya jangan ulangi peristiwa-peristiwa seumpama itu dalam masa akan datang serta juga menghormati sensitiviti dan hak perlembagaan kaum Cina.

Dato' Pengiran Othman bin Haji

Pengiran Rauf: Saya merasa sangat kesal bahawa satu peristiwa yang berlaku semasa Operasi Penguatkuasaan yang biasa (routine) yang telah dijalankan di Setapak pada bulan Januari tahun ini telah sengaja disalah tafsirkan oleh pihak-pihak yang suka mereka-reka isu-isu untuk kepentingan mereka. Orang-orang ini telah mengelirukan pandangan orang ramai daripada latar belakang sebenarnya peristiwa di Setapak itu dengan menjadikan suatu tindakan biasa penguatkuasaan kerana pelanggaran Undang-undang kepada suatu isu bahasa, suatu isu yang tidak harus dibangkitkan-bangkitkan lagi.

Di sini sukacita saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai apa yang sebenarnya telah berlaku di Setapak dalam bulan Januari tahun ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat penjelasan bagaimana isu ini telah di eksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Operasi penguatkuasaan yang dijalankan di Setapak pada bulan Januari tahun ini yang telah dijadikan satu isu itu bukanlah satu operasi penguatkuasaan khusus mengenai iklan dan papan-papan tanda perdagangan. Ianya merupakan suatu operasi penguatkuasaan biasa (normal routine enforcement operation) yang di antara lain menekankan aspek-aspek kebersihan premis perniagaan, pencegahan kegunaan kaki lima dan bahu jalan untuk mengelakkan halangan kepada orang ramai serta pemeriksaan ke atas iklan-iklan dan papan tanda perdagangan. Semasa

pemeriksaan tersebut dijalankan, pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mendapati bahawa dua buah kedai telah melakukan kesalahan kerana telah mempamerkan papan-tanda perdagangan tanpa lesen atau permit. Kedai-kedai tersebut adalah:

1. Loke Fatt Restoran beralamat di No: 384/386, Jalan Pahang, Setapak dan
2. Restoran dan Bar Muzik Swallow beralamat di 424 Jalan Ampang, Setapak.

Di dalam kedua-dua kes ini notis-notis telah dikeluarkan beberapa kali terhadap pengurus-pengurus kedai-kedai tersebut yang menasihatkan supaya mereka memohon lesen iklan tersebut atau menurunkan papan iklan tersebut dengan serta-merta.

Semenjak 19hb Oktober, 1981 sebanyak tujuh (7) notis telah dikeluarkan terhadap Pengurus Loke Fatt Restoran iaitu:

- (1) Peringatan pertama bertarikh 19-10-1981 yang meminta Pengurus Restoran tersebut mendapatkan lesen iklan atau menurunkan iklannya.
- (2) Peringatan kedua bertarikh 14hb Januari, 1982 juga menasihatkan supaya Pengurus Restoran itu memohon memohon iklan.
- (3) Amaran terakhir bertarikh 10-4-1982.
- (4) Amaran terakhir kedua bertarikh 19-4-1982.
- (5) Selepas itu Pengurus Restoran tersebut telah membuat permohonan untuk mendapatkan lesen iklan tetapi tidak dapat dipertimbangkan kerana penggunaan Bahasa Malaysia yang tidak betul. Beliau telah diminta memperbetulkan papan iklannya melalui surat bertarikh 26-5-1982.

- (6) Notis meminta supaya papan iklan itu diubahsuai telah sekali lagi dihantar pada 2-7-1982.
- (7) Notis terakhir meminta supaya papan iklan diturunkan telah dikeluarkan pada 23-11-1982.

Sejumlah tiga (3) notis telah dikeluarkan terhadap Pengurus Restoran dan Bar Muzik Swallow iaitu:

- (1) Notis pertama .. 15-10-82
- (2) Notis kedua .. 29-10-82
- (3) Amaran terakhir 13-12-82

Dalam kes "Bar Swallow" kesalahan yang dilakukan bukan sahaja kerana tidak mempunyai lesen iklan tetapi juga kerana tidak mempunyai lesen premis perniagaan.

Memandangkan bahawa Pengurus kedua-dua buah kedai tersebut tetap berdegil dan enggan mematuhi perintah-perintah yang telah beberapa kali dikeluarkan terhadap mereka, Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai jalan lain melainkan mengambil tindakan menurunkan papan-papan tanda tersebut. Tindakan ini dibuat selaras dengan peruntukan Perenggan 14 Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa tindakan menurunkan papan-papan iklan di kedua-dua buah kedai tersebut dijalankan semata-mata kerana iklan-iklan tersebut telah dipamerkan tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Penurunan iklan-iklan tersebut bukanlah kerana ianya di dalam tulisan Cina seperti yang didakwa oleh orang-orang yang suka mengadakan isu-isu demi mendapatkan publisiti murah.

Tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya di Setapak itu dibuat menurut peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada. Pegawai-pegawai tersebut tidak pernah bertindak di luar kuatkuasa undang-undang apatah lagi untuk menyalahi peruntukan-peruntukan Perlembagaan. Tindakan Pegawai-pegawai tersebut semata-mata demi menguatkuasakan Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 iaitu satu undang-undang yang sah di segi Perlembagaan dan Undang-undang Negara. Malahan tindakan Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya itu adalah untuk menjamin kedaulatan undang-undang selaras dengan prinsip Keempat Rukunegara.

Adalah jelas bahawa kehebohan yang timbul dari peristiwa di Setapak itu adalah akibat dari tindak tanduk pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang ingin mengelirukan orang ramai dengan membuat interpretasi yang salah mengenai kejadian itu. Orang-orang ini telah sengaja menyalah ertikan tindakan penguatkuasaan itu sebagai tindakan Dewan Bandaraya untuk mengharamkan penggunaan bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Kebangsaan di papan-papan iklan. Tuduhan ini ternyata tidak benar.

Dewan Bandaraya tidak pernah dan tidak akan mengharamkan penggunaan bahasa-bahasa lain di papan-papan iklan. Di dalam perenggan 3 Undang-undang Kecil-kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) ada mensyaratkan bahawa semua iklan hendaklah di dalam Bahasa Kebangsaan, walau bagaimanapun Perenggan yang sama Undang-undang Kecil tersebut juga memperuntukkan bahawa bahasa-bahasa lain juga boleh digunakan di samping Bahasa Kebangsaan.

**PERMOHONAN KEWARGA—
NEGARAAN**

42. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan permohonan kewarganegaraan diluluskan pada tahun 1982 dan bilangan permohonan yang masih dalam prosesan pada hujung tahun tersebut; dan
- (b) bolehkah Kementerian beliau menghantar pegawai-pegawai ke kawasan-kawasan yang terdapat ramai orang yang menghantarkan permohonan kewarganegaraan misalnya, Miri, Limbang dan Lawas supaya dapat mempercepatkan prosesan dan kelulusan permohonan mereka.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) (i) Jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan pada tahun 1982 ialah sebanyak 3,324. Angka ini merupakan jumlah keseluruhan kelulusan yang terdiri dari semua golongan permohonan.
- (ii) Jumlah permohonan yang masih dalam pertimbangan pada akhir tahun 1982 ialah sebanyak 18,615.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya telah ada pegawai ditempatkan di kawasan yang dinyatakan bagi mengurus soal-soal permohonan kewarganegaraan dan urusan-urusan yang berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

**MOTOKAR MALAYSIA—
AKTIVITI**

43. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan untuk mencapai ekonomi mengikut skel (economy of scale) bagi pengeluaran sesuatu model kereta, apakah bilangan unit setahun yang minima yang mesti dikeluarkan oleh sesebuah kilang pengeluaran yang lengkap. Apakah jenis aktiviti-aktiviti perusahaan penyokong (supporting industrial activities) yang akan diwujudkan dengan pengeluaran motokar Malaysia. Bagaimanakah sektor swasta akan terlibat.

Tengku Dato Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Untuk mencapai ekonomi mengikut skel, adalah dijangka bahawa pengeluaran kereta yang lengkap hendaklah mencapai paras di antara 200,000 hingga 250,000 unit setahun. Walau bagaimanapun sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek Kereta Nasional ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama meliputi mencipta rekabentuk kereta, pengeluaran badan kereta dan pemasangan dari komponen-komponen tempatan dan yang diimport. Pelaksanaan projek di peringkat pertama adalah "viable" untuk keperluan pasaran tempatan yang sekarang ini telah pun melebihi paras 100,000 unit setahun.

Mengenai aktiviti-aktiviti perusahaan menyokong yang akan diwujudkan dengan pengeluaran kereta Nasional ini ialah dengan menubuhkan projek-projek seperti berikut:

- (1) Die and Mould.
- (2) Forging.
- (3) Foundry.
- (4) Diecasting.
- (5) Aktiviti pengilangan yang bersangkutan dengan pembuatan komponen.

Penglibatan sektor swasta adalah di dalam bidang tersebut di atas untuk membekalkan komponen-komponen yang diperlukan oleh kereta Malaysia dan juga kereta-kereta lain yang dipasang di negara ini.

PASPOT KE SARAWAK/SABAH

44. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan keperluan paspot bagi rakyat dari Semenanjung Malaysia untuk memasuki Sarawak dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memelihara kuasa-kuasa Imigresen Sarawak dalam mengawal kebanjiran buruh-buruh dan pekerja-pekerja dari Semenanjung Malaysia ke negeri Sarawak.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan sememangnya bercadang untuk menghapuskan penggunaan pasport bagi rakyat Semenanjung untuk memasuki bukan sahaja Sarawak tetapi juga Sabah. Usaha-usaha ke arah penghapusan sedang dilaksanakan bersama Kerajaan-kerajaan Sabah dan Sarawak.

Sukacita juga ditegaskan di sini bahawa penghapusan penggunaan paspot ini adalah semata-mata bagi maksud memudahkan perjalanan. Di bawah sistem yang baru yang dicadangkan itu, bagi maksud memasuki Sabah dan Sarawak, rakyat dari Semenanjung akan menggunakan kad sahaja ganti pasport. Oleh yang demikian, masalah memelihara kuasa-kuasa Imigresen negeri tidaklah timbul kerana pembatalan kuasa tidak ada.

KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA

45. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh

Kerajaan untuk memujuk India supaya mengubah sikapnya terhadap penyertaan Kerajaan Campuran Kampuchea di dalam Sidang Kemuncak 97 negara berkecuali yang diadakan di New Delhi pada 7hb hingga 11hb Mac, 1983. Apakah sikap Kerajaan tentang pengaruh Soviet Union di sidang tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Malaysia bertalu-talu mengajak India memikirkan dengan sewajarnya untuk mendapatkan penyertaan Kerajaan Campuran Kampuchea di dalam Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali baru-baru ini. Usaha Malaysia bukan saja dibantu oleh rakan-rakan dari ASEAN-(Singapura dan Indonesia)—tapi termasuklah negara-negara lain yang terpengaruh, seperti Yugoslavia. Bahkan dalam ucapan yang dibuat di peringkat Menteri Luar di New Delhi baru-baru ini lebih kurang 30 perwakilan menyuarakan sokongan terhadap Kerajaan Campuran Kampuchea. Tapi malangnya Pengerusi iaitu India berpegang teguh kepada prinsip bahawa dia mewarisi apa yang telah diputuskan di Havana dan tidak dapat mengubahnya melainkan diubahkan oleh Sidang Kemuncak itu sendiri oleh kerana kerusi Demokratik Kampuchea di Sidang Kemuncak telah dihijack di Havana dulu dan tidak ada siapa yang berkuasa yang boleh mengembalikan keadaan melainkan terjadi sekali lagi peristiwa hijack seperti di Havana. Dan India tidak sanggup melakukannya. Walau demikian soal kedudukan Kampuchea itu sangat hangat dalam beberapa hari bahkan menarik perhatian bahawa ada satu-satu yang tidak betul. Sekiranya prinsip consensus itu diikuti dengan tepat sudah tentu dengan adanya 30 suara yang saya sebut tadi menentang pengisytiharan Demokratik Kampuchea akan mengekalkan

kedudukan Demokratik Kampuchea. Oleh kerana semua negara iaitu 101 yang mengambil bahagian, sudah ternampak kepada salah buatan di Havana yang dilakukan tidak mengikut peraturan oleh Cuba maka itu Malaysia berjaya apakala cadangan kita bahawa perkara ini akan terus dijadikan satu soal untuk pertimbangan dan juga pertimbangan hendaklah dibuat oleh Biro sebagai ad-hoc committee berkenaan dengan "criteria dan procedure", iaitu syarat-syarat dan cara-cara bagaimana satu anggota boleh disingkir atau digantung kedudukannya, dan perakuan mestilah dibuat tidak lewat dari tahun 1985.

Ternyata di Havana bahawa pengaruh Soviet di Sidang tersebut adalah sangat ketara, tapi dengan adanya usaha yang dibuat oleh pihak kita dan teman-teman kita yang benar-benar mahukan Pergarakan Negara-negara Berkecuali ini benar-benar tidak memihak ke mana-mana, kita berjaya:

- (a) mengingatkan semua negara berhubaya supaya jangan tersedut dan dengan demikian dalam perjumpaan kali ini di New Delhi kita dapati bahawa gejala-gejala yang tidak sihat tidak dapat masuk kerana perkara ini diterima;
- (b) satu pengisytiharan bersama dibuat menentang cadangan Cuba bahawa negara Soviet itu adalah "natural ally" kepada pergerakan negara-negara berkecuali dengan syarat yang mengatakan "In this context they have expressed their determination to keep away from power blocks and groupings aligned against one another, the existence of which threaten the world with a major catastrophe".

KAPAL TERBANG SKYHAWK— PEMBELIAN

46. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa ia mengambil 3 tahun selepas pembelian 88 buah kapal terbang "skyhawk" sebelum memberi kontrak perlengkapan kepada sebuah firma Amerika Syarikat, Grumman Corporation dan sama ada kos perlengkapan adalah lebih murah jika diperlengkapan di Singapura di mana perlengkapan "skyhawk" telah pun dijalankan dengan jayanya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar Abang Haji Mustapha): Kesemua 88 buah kapal terbang "Skyhawk" yang dibeli pada bulan Mei 80 itu iaitu "Single Seater" mengandungi 63 buah model A-4L dan 25 buah model A-4C. Untuk membolehkan kapal-kapal terbang ini digunakan untuk operasi (operational) ia mesti diperbetulkan dan diubahsuaikan mengikut spesifikasi yang diperlukan oleh TUDM. Sebahagian dari kapal terbang ini akan ditukarkan ke Dua penumpang (two Seater Trainer Aircraft) untuk kapal terbang latihan.

Kerja-kerja perancangan yang telah dibuat selepas pembelian kapal terbang "SKYHAWK" dan sebelum pemberian kontrak perlengkapan sebenarnya telah mengambil masa 2½ tahun dan bukannya 3 tahun. Tempoh yang diambil oleh Kerajaan ini perlu disebabkan:

- (a) Perubahan dalam keadaan strategik alam sekeliling yang sentiasa memerlukan pihak Kerajaan menilai dan mengkaji semula program dan rancangan membaikpulih pesawat A4 misalnya dari segi bilangan pesawat yang patut dibaikpulih, "configuration" pesawat-pesawat itu, kemudahan-kemudahan dalam negeri yang

perlu disediakan serta ulangkaji terhadap peruntukan yang disediakan.

- (b) Kajian yang terperinci dan amat teliti telah dijalankan atas tawaran-tawaran yang telah diterima dari penender-penender untuk menentukan cadangan kerja-kerja pengubahsuaian pesawat adalah selaras dengan keperluan Kerajaan.

Mengenai soalan sama ada kos perlengkapan adalah lebih murah jika dijalankan di Singapura tidak timbul sebab pada masa tender terhadap dipanggil, tidak ada syarikat-syarikat dari negara tersebut yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulihkan pesawat tersebut. Hanya baru-baru ini sahajalah syarikat daripada negara Singapura telah menunjukkan kemampuan untuk membaikpulih pesawat A4 dan oleh yang demikian tidak dapat diperbandingkan.

LAPORAN PEGUAM ASING MENGENAI ORANG TAHANAN

47. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan tentang tanggungjawab dan reaksi Kerajaan terhadap laporan rasmi tujuh orang peguam asing yang melawat negara ini dalam bulan Ogos tahun lalu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:
Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan memang ada menerima laporan yang disediakan oleh rombongan 7 orang peguam asing yang melawat negara ini tahun lalu.

Setelah dikaji laporan yang telah disediakan hasil lawatan selama cuma 6 hari sahaja itu, adalah didapati bahawa tidak ada perkara-perkara yang baru yang ditimbulkan oleh peguam-peguam itu. Kebanyakan

perkara yang ditimbulkan oleh mereka adalah seakan-akan sama dengan perkara-perkara yang pernah dilaung-laungkan oleh pihak Pembangkang sejak dulu lagi. Cuma yang berbeza ialah sekarang ini perkara-perkara yang ditimbulkan itu adalah melalui orang-orang luar kerana pihak Pembangkang telah gagal dalam usaha mereka memancing undi dengan menggunakan isu ini di dalam pilihanraya.

Kebanyakan dari apa yang dikatakan pandangan mereka dalam laporan itu adalah merupakan tuduhan-tuduhan melulu kerana mereka tidak memberikan apa-apa bukti yang nyata. Pada keseluruhannya laporan ini adalah merupakan suatu laporan yang dibuat oleh golongan yang memang sudah sedia mempunyai sikap cuma hendak menghentam Kerajaan, apabila mereka mempunyai peluang untuk berbuat demikian, Laporan itu adalah berat sebelah kerana ia hanya cuba mempertahankan mereka yang ditahan tetapi tidak terdapat langsung dalam laporan itu kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh mangsa-mangsa keganasan komunis walaupun rombongan ini telah menemui sebahagian dari mereka semasa mereka melawat negara ini tahun ini.

PERKHIDMATAN IMIGERESEN DI BATU PAHAT

48. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jabatan Imigeresen Batu Pahat yang memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di daerah Kluang, Batu Pahat, Segamat dan lain-lain kawasan yang berhampiran adalah sekarang tidak berkemampuan bagi memenuhi permintaan permohonan mendapatkan pasport jika ya, adakah Kementerian berkenaan akan

mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki Perkhidmatan Imigresen di Batu Pahat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Buat masa sekarang Pejabat Imigresen di Batu Pahat masih berupaya memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di daerah yang berhampiran. Sebagai contoh pada tahun 1982 Pejabat Imigresen di Batu Pahat telah memproses sebanyak 3,629 permohonan untuk pasport Malaysia serta mengeluarkan lebih 23,000 dokumen-dokumen perjalanan yang lain termasuk Pasport Malaysia Terhad.

Jumlah jawatan Pegawai dan kakitangan Pejabat Imigresen di Batu Pahat pada tahun 1983 adalah sebanyak 19. Dipercayai jumlah ini boleh memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk di kawasan Batu Pahat dan sekitarnya buat masa ini. Dalam pada itu, Kementerian saya senantiasa mengkaji perkara ini dari masa ke semasa.

BADAN PENCEGAH RASUAH— PERLETAKAN JAWATAN

49. **Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara yang meletakkan jawatan Kerajaan bagi tempoh 1971-1982;
- (b) sebab-sebab mereka berbuat demikian.

Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Sebelum menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, sukacitalah saya menarik perhatiannya bahawa nama Jabatan berkenaan telah ditukar dari Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah di bawah Akta 271 yang di Wartakan pada 13hb Mei, 1982.

Bagi tempoh tahun 1971 dan sebelumnya hingga tahun 1973, pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah adalah terdiri dari anggota-anggota dari Perkhidmatan Polis dan Kastam yang dipinjamkan sementara kepada Badan berkenaan. Pegawai-pegawai BPR dalam perkhidmatan Badan Pencegah Rasuah hanya wujud pada tahun 1974.

Bilangan pegawai-pegawai BPR yang telah meletakkan jawatan dari tahun 1974 hingga 1982 adalah seramai 31 orang.

Sebab-sebab mereka berbuat demikian sepertimana dinyatakan dalam surat perletakan jawatan masing-masing adalah seperti berikut:

| | |
|---|----|
| (a) Melanjutkan pelajaran | 10 |
| (b) Mendapat jawatan baru | 5 |
| (c) Urusan peribadi tanpa memberi sebab.. | 16 |

ESTET THEAN TEIK— SIASATAN POLIS

50. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Pasukan Penyiasat dari Bukit Aman untuk menyiasat kejadian penembakan seorang penduduk oleh anggota Polis di Estet Thean Teik Pulau Pinang pada 29-10-82 itu telah selesai, jika sudah, apakah keputusan dari pasukan penyiasat tersebut dan sama ada sebarang tindakan akan diambil terhadap anggota Polis yang terlibat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Pasukan Penyiasat dari Bukit Aman mengenai kejadian tersebut telah pun selesai. Sebarang tindakan yang akan diambil adalah bergantung kepada keputusan yang akan dibuat oleh pihak Peguam Negara setelah meneliti Kertas Siasatan tersebut.

BANGUNAN SEKOLAH BARU— PERUNTUKAN WANG

51. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah wang yang diperuntukkan bagi bangunan-bangunan sekolah baru untuk mengadakan sekolah-sekolah bagi tiap pengantar yang berlainan semenjak tiga tahun yang lepas.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan belanjawan pembangunan bagi projek-projek mendirikan sekolah di bawah

rancangan pembangunan tidaklah dibuat setiap tahun tetapi dirancang di bawah suatu tempoh perancangan pembangunan lima (5) tahun. Peruntukan untuk setiap tahun bagi setiap projek memang ada dibuat akan tetapi ianya tidak bermakna yang peruntukan tahunan itu dapat dibelanjakan sepenuhnya. Sekiranya tidak dapat dihabiskan maka ia akan dimasukkan di bawah peruntukan bagi projek yang sama pada tahun berikutnya. Bagitulah seterusnya dibuat hingga projek itu siap. Berikut adalah peruntukan bagi tiga (3) tahun yang lepas.

Pelajaran Rendah: Jumlah Peruntukan RME (1981-1985)— \$518,563,000.

| | Peruntukan Tahunan | | |
|---|--------------------|---------------|---------------|
| | 1980 | 1981 | 1982 |
| Sekolah Kebangsaan | \$67,886,459 | \$112,567,118 | \$163,449,669 |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) | \$ 7,772,580 | \$ 21,245,898 | \$ 20,241,353 |
| Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) | \$ 939,900 | \$ 3,726,288 | \$ 4,308,978 |

BAYARAN DI HOSPITAL PESAKIT LUAR

52. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menghapuskan semua bentuk bayaran hospital untuk kelas 3 memandangkan beban kewangan yang dipikul oleh golongan miskin di negara ini tambahan pula adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan perubatan percuma kepada golongan miskin; jika tidak, mengapa. Nyatakan juga apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa langkah perjimatan ekonomi negara tidak akan menjejaskan bekalan ubat-ubat yang penting kepada semua hospital.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pada mulanya saya suka menyatakan bahawa Peraturan Perintah Fee (Perubatan) 1982 yang menyemak

semula bayaran di Hospital-hospital pesakit luar telah tidak bertujuan untuk mebebaskan orang-orang miskin yang datang untuk menerima rawatan di kemudahan-kemudahan perubatan atau kesihatan yang disediakan oleh kerajaan.

Seksi 16 (7) Perintah Fee ini menyatakan dengan jelas "Mana-mana Ketua Hospital atau seseorang wakil yang dilantik olehnya boleh mengecualikan • mana-mana orang yang mengisytiharkan dirinya seorang miskin dari membayar kesemua atau sebahagian daripada caj bagi pesakit-pesakit luar dan pesakit kelas tiga di bawah Perintah ini".

Kenaikan bayaran yang dikenakan oleh Perintah Fee ini, adalah hanya untuk pesakit-pesakit bagi kelas pertama dan kedua, dan pesakit-pesakit di klinik-klinik pesakit luar di Hospital-hospital Daerah dan Besar. Harus saya menegaskan

bahawa segala perkhidmatan kepada pesakit-pesakit di segala kelinik-kelinik kesihatan luar bandar masih diberi secara percuma. Pesakit-pesakit yang dimasuki ke dalam kelas ketiga dan pesakit-pesakit luar yang tidak mampu membayar bayaran-bayaran yang berkenaan bolehlah diberi pengecualian, seperti mana yang dinyatakan tadi. Oleh itu, soalan tentang memansuhkan segala jenis bayaran-bayaran perubatan untuk pesakit-pesakit kelas ketiga tidaklah timbul lagi. Yang miskin masih diberi perkhidmatan perubatan percuma.

Mengenai pembekalan ubat-ubatan penting dan yang menyelamatkan nyawa di hospital-hospital pula, saya boleh menyatakan bahawa tindakan jimat-cermat yang dilaksanakan di Kementerian tidaklah mengganggu bekalannya. Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan bahawa pembekalan ubat-ubat yang secukupnya untuk semua pesakit-pesakit adalah tersedia. Suatu senarai yang lengkap yang meliputi semua kehendak-kehendak biasa bagi hospital-hospital dan kelinik-kelinik telah disediakan untuk kegunaan kami dan pembekalan-pembekalan akan diselenggarakan mengikut senarai tersebut. Dalam kes-kes luarbiasa, di mana ubat-ubat tertentu difikir perlu di luar senarai itu, penguasa-penguasa hospital telah diberi kuasa untuk membuat pesanan-pesanan tempatan baginya.

PELAJAR-PELAJAR LULUSAN SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN

53. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dibuat dalam menghadapi masalah ramai pelajar-pelajar yang lulus Sekolah Menengah Kerajaan hari ini *bukan saja yang mendapat Gred 3, tetapi Gred 2 dan Gred 1* pun tetapi

tidak dapat menyambung pelajaran mereka ke mana-mana kerana tempat yang terhad dalam Tingkatan 6 dan ada di antara mereka ini yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan anti moral seperti dadah dan sebagainya dan sama ada Kerajaan bercadang mendirikan banyak lagi sekolah teknik di peringkat sijil untuk menempatkan mereka ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pelajar-pelajar yang lulus Sekolah Menengah Kerajaan bukan semuanya yang dapat masuk ke Tingkatan 6 dan bukan semuanya yang ingin masuk ke Tingkatan 6, Walau bagaimanapun, ramai di antara mereka yang mendapat peluang meneruskan pelajaran ke Universiti-universiti luar negeri, Universiti-universiti tempatan dalam peringkat pra-universiti (Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Malaya) ke Universiti-universiti tempatan peringkat diploma (Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia) ke Politeknik-politeknik dan juga ke Maktab-maktab Perguruan.

ESTET PEKEBUN KECIL— MEMAJUKAN

54. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat manakah keupayaan ESPEK (Estate Pekebun Kecil) masa kini dapat membantu meninggikan taraf hidup pekebun kecil melalui saham-saham pekebun kecil dan dari hasil pengeluaran estate pekebun kecil.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Adalah dimaklumkan bahawa Estate Pekebun Kecil Sdn Bhd (ESPEK) sebagai sebuah agensi pengurusan telah ditubuhkan oleh RISDA bagi menguruskan semua ladang-ladang yang dahulunya

dimajukan oleh Bahagian Pembangunan dan Perladangan RISDA dengan hasrat mendatangkan keuntungan bagi faedah pekebun-pekebun kecil. Keuntungan akan diberikan balik kepada RISDA untuk dibahagi-bahagikan kepada pekebun kecil melalui Sekim SEPENTAS. Kawasan-kawasan yang telah dimajukan ialah seluas lebih kurang 41,691 hektar yang mana lebih kurang 27,849 hektar ditanam dengan kelapa sawit dan bakinya seluas lebih kurang 13,842 hektar ditanam dengan getah. Buat masa ini 60% daripada kawasan tanaman kelapa sawit dan 24% daripada kawasan tanaman getah telah pun mengeluarkan hasil. Kadar pengeluaran kelapa sawit dan getah yang diperolehi daripada ladang-ladang ini sekarang didapati setanding dengan pengeluaran ladang-ladang swasta. Ini menunjukkan bukti yang estet-estet ini akan mendatangkan keuntungan. Hasil yang diperolehi pada masa ini adalah daripada sebahagian kawasan tanaman (getah dan kelapa sawit) yang merupakan pengeluaran hasil di peringkat awal. Oleh itu, adalah diharap bahawa dividen akan dapat di bahagi-bahagikan kepada pemegang-pemegang saham melalui Sekim SEPENTAS setelah keseluruhan kawasan mengeluarkan hasil dengan adanya kedudukan pemasaran yang baik dari masa ke semasa.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH JENGA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN) DAN PERLUASAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, dan bagi memperluaskan kuatkuasa Akta itu, sebagaimana dipinda, ke semua

bahagian dalam Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AUDIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.41 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Audit 1957 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Akta Audit bagi maksud menyesuaikan dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta itu dengan kehendak Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan) tahun 1980 iaitu Akta 240 bagi tahun 1980 dan juga membuat pindaan mengenai saraan Ketua Audit Negara.

Tuan Yang Dipertua, satu Akta bernama Akta Badan-badan Berkanun (Akaun dan Laporan) tahun 1980 telah pun diluluskan pada tahun 1980. Akta ini yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1981 menghendaki Penyata Akaun Tahunan semua Badan-badan Berkanun disediakan dalam tempoh 6 bulan selepas akhir tahun dan diaudit oleh Ketua Audit Negara. Dengan itu kerja mengaudit akaun Badan-badan Berkanun akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957. Oleh itu dengan adanya Akta 240/80 tersebut, maka peruntukan yang berkenaan dalam Akta Audit perlu diubahsuai supaya ianya boleh dipakai untuk mengaudit akaun Badan-badan Berkanun sama seperti mengaudit akaun-akaun Kerajaan Persekutuan, akaun-akaun Kerajaan Negeri dan akaun-akaun Badan Kerajaan yang tertakluk kepada pemeriksaan Audit oleh Pejabat Ketua Audit Negara.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 dan 3 Rang Undang-undang ini adalah untuk maksud tersebut dan adalah selaras dengan kehendak Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang menubuhkan badan-badan awam. Perlu dinyatakan di sini bahawa dengan pindaan ini sebutan Pentadbiran Keretapi tidak dikekalkan dalam Akta Audit ini. Sebutan Pentadbiran Keretapi dalam undang-undang yang ada sekarang ini ialah kerana Ordinan Keretapi tiada peruntukan tentang Audit kira-kiranya dan oleh itu telah disebut khas dalam Akta Audit. Dengan adanya Akta 280 bagi tahun 1980 itu, maka sebutan tersebut tidaklah lagi perlu dalam Akta Audit ini.

Pindaan di Fasal 6 adalah untuk memperkemas peruntukan yang sedia ada dalam Akta Audit, dengan pindaan kepada Seksyen 5 (d) akan membolehkan Ketua Audit Negara

jika perlu untuk memeriksa dan mengaudit syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan lebih daripada 50% modal berbayar. Ini berbanding dengan peruntukan yang sedia ada yang memberi kuasa audit kepada Ketua Audit Negara ke atas syarikat-syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan modal berbayar sebanyak lebih dari 51%.

Pindaan-pindaan di Fasal 7 pula dengan mengadakan peruntukan tambahan bagi maksud memberi perhatian terhadap keselamatan harta-benda awam yang mana ada pada masa ini tidak dinyatakan dengan sempurna dalam Akta Audit.

Tuan Yang Dipertua, Akta Audit menetapkan gaji dan lain-lain faedah bagi jawatan Ketua Audit Negara. Selaras dengan perubahan gaji dalam sektor awam, Ketua Audit Negara juga telah mendapat perubahan gaji dan elaun-elaun dan ini adalah berkuatkuasa mulai 1-7-1980. Oleh itu Fasal 4 Rang Undang-undang ini dan Jadual berkenaan juga memperuntukkan jumlah gaji, kadar elaun dan lain-lain faedah bagi seseorang Ketua Audit Negara yang dilantik dari kalangan anggota Perkhidmatan Awam atau dari luar perkhidmatan. Untuk memudahkan cara meminda dan lain-lain faedah jawatan itu apabila perubahan tanggagaji Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam berlaku, Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi Yang di-Pertuan Agong meminda Jadual berkenaan melalui perintah dalam *Warta Kerajaan* dan perintah tersebut hendaklah dibentangkan dalam kedua Dewan Parlimen.

Lain-lain pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini hanya untuk mengemaskan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan merupakan pindaan-pindaan consequential. Butir-butir pindaan ada

dijelaskan lebih lanjut dalam Huraian kepada Rang Undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Audit 1957 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, parti DAP menyokong Rang Undang-undang Pindaan Audit ini yang bertujuan memperbaiki kawalan ke atas perbelanjaan wang negara yang dilakukan baik pun oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan-kerajaan Negeri, Perbadanan-perbadanan Awam ataupun Badan-badan dan Syarikat-syarikat di mana wang negara dilaburkan sama ada dari segi pinjaman, pemberian atau dalam ertikata equity, akan tetapi parti DAP mereka Rang Undang-undang Pindaan Audit ini tidak akan membantu sangat dalam memastikan terdapat perakaunan awam yang tegas ke atas wang negara terutama sekali dalam badan-badan atau syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat tahun 1965 yang menerima pinjaman pemberian atau penyertaan equity dari wang awam, sehingga sekarang begitu banyak sekali syarikat-syarikat yang ditubuhkan dengan wang awam khususnya PETRONAS dan PERNAS adalah di luar lengkungan kawalan atau kajian semula Ketua Audit Negara ataupun Parlimen sungguhpun Parlimenlah yang meluluskan wang yang diperlukan untuk penubuhan syarikat-syarikat Kerajaan tersebut. Rang Undang-undang Pindaan ini

tidak akan memperbaiki secara substantial kawalan ke atas perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan.

Seksyen baru 5 (d) Akta Audit memperuntukkan bahawa Ketua Audit Negara boleh memeriksa, dengan izin:

“(d) the accounts of any other body, including a company registered under the Companies Act, 1965, in receipt of a grant or loan from the Federation or a State, and including also a company where more than half its paid-up share capital is held by the Federation, a State or a public authority, or is so held in the aggregate by two or more of them:

Provided that the Yang di-Pertuan Agong so specifies by order under Article 106 (2) of the Federal Constitution and notwithstanding any law relating to the audit of the accounts of any such body,”;

Ini merupakan satu pembaikan berbanding dengan pindaan kepada Akta Audit dalam tahun 1978 yang hanya memperuntukkan bahawa hanya syarikat-syarikat yang mempunyai not less than 51% modal share yang dibayar dari wang awam diletakkan di bawah kawalan Ketua Audit Negara. Ini bermakna bahawa kini dengan pindaan ini terdapat kemajuan sebanyak 1% iaitu daripada 50% modal share yang dibayar dari wang awam berbanding dengan peruntukan tidak kurang daripada 51% yang ada sekarang.

Apa yang patut diperhatikan dalam kedua-dua kes ini ialah Ketua Audit Negara tidak mempunyai kuasa bebas untuk melakukan satu pengauditan ke dalam syarikat-syarikat seumpama itu. Ketua Audit Negara hanya boleh

mengaudit syarikat-syarikat berkenaan sekiranya Yang di-Pertuan Agong yakni Jemaah Menteri menguatkuasakan atau invoke Artikel 106 Clause (2) memerintahkan beliau supaya berbuat demikian. Setahu saya sejak kuasa ini diperuntukkan dalam tahun 1978 Perkara 106 Clause (2) Perlembagaan tidak pernah diinvokekan dan dari segi praktik Seksyen 5 (b) dalam Akta ini serupa tidak wujud sama sekali. Sekiranya Kerajaan mahukan satu pengauditan dijalankan ke atas kira-kira PETRONAS atau PERNAS, ia mempunyai kuasa-kuasa yang cukup di bawah Akta yang ada kerana adalah nyata syarikat-syarikat ini mempunyai not less than 51% paid-up share capital dari wang negara ataupun menerima pinjaman-pinjaman atau pemberian dari wang negara.

Hakikat bahawa Perkara 106 Clause (2) Perlembagaan tidak pernah diinvokekan walau sekali pun untuk membolehkan pengadilan dilakukan ke dalam salah satu daripada berbagai-bagai syarikat Kerajaan walaupun adalah menjadi pengetahuan awam bahawa banyak daripada syarikat-syarikat pemilikan Kerajaan sedang membazir atau salah menguruskan wang awam yang telah pun membawa ke arah bankruptcy. Jelas menunjukkan bahawa Jemaah Menteri begitu enggan dan tidak rela membenarkan Ketua Audit Negara memeriksa kira-kira syarikat-syarikat awam. Ini adalah disebabkan pada keseluruhannya kepada pertimbangan-pertimbangan politik untuk mengelakkan publisiti politik yang kurang manis bagi parti memerintah dan dengan itu mengsubordinatekan kepentingan awam kepada kepentingan politic faction. Ini nampaknya telah menjadi satu phenomena yang sering berlaku seperti didedahkan oleh saya dalam Januari tahun ini tentang satu kes yang amat scandalous di mana ada dua pemimpin negeri UMNO di Melaka

yang telah menubuhkan sebuah syarikat dengan hanya modal syer yang dibayar sebanyak \$2 diberi 250 ekar tanah perumahan di Batu Berendam, Melaka dalam bulan Januari tahun 1980 dengan premium yang nominal dan 2 tahun kemudian kedua-dua pemimpin UMNO Melaka ini telah menjual segala hak mereka untuk \$18 juta dan bakal pembeli-pembeli rumah ini akan terpaksa pada akhirnya menanggung kos tambahan sebanyak \$18 juta yang merupakan keuntungan windfall bagi kedua orang pemimpin UMNO Melaka itu.

Satu lagi kes di mana disebabkan perkiraan politik atau political consideration pemimpin-pemimpin Kerajaan tidak bersedia menaklukan syarikat-syarikat atau badan-badan Kerajaan kepada perakaunan awam yang tegas ialah scandal yang berlaku sekarang berkait dengan syarikat Bumiputra Finance Malaysia, sebuah anak syarikat Bank Bumiputra di Hongkong yang telah memberi pinjaman-pinjaman sebanyak \$600-\$700 juta kepada syarikat-syarikat spekulasi harta-benda di Hongkong. Salah satu darinya ialah Edar Investment Limited di mana Bumiputra Finance Malaysia telah memberi pinjaman lebih kurang \$100 juta dan kini syarikat tersebut sedang digulungkan atau diwinding-up sementara sebuah syarikat yang lain pula, Carrian Investment Limited yang telah beroleh pinjaman-pinjaman yang lebih besar dari Bumiputra Finance Malaysia kini bergegar dan hampir-hampir jatuh dan syarikat tersebut sedang menunggu satu operasi keselamatan.

Pinjaman beratus-ratus juta ringgit yang diberi oleh Bumiputra Finance Malaysia bukan sahaja merupakan satu penyelewangan daripada tujuan-tujuan asal yang menyebabkan penubuhan Bank Bumiputra tetapi juga menggambarkan judgment yang begitu abysmal dan dubious yang

dilakukan oleh pegawai-pegawai Bumiputra Finance Malaysia dan Bank Bumiputra. Daripada mengadakan satu siasatan bebas ke dalam peristiwa Bank Bumiputra dan Bumiputra Finance Malaysia ini, Kerajaan nampaknya lebih bersibuk pada masa ini dengan menafikan tanggungjawab Malaysia atas pinjaman-pinjaman yang diberi oleh Bumiputra Finance Malaysia itu dengan mendakwa bahawa perkara tersebut adalah satu perkara yang harus dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan Hongkong sedangkan Bank Bumiputra dengan pengetahuan dan kelulusan penuh Bank Negara telah memberi jaminan kepada pihak berkuasa di Hongkong da ia akan bertanggungjawab ke atas obligasi-obligasi Bumiputra Finance Malaysia. Selanjutnya kegiatan dalam meminjam wang yang dilakukan oleh Bumiputra Finance Malaysia di Hongkong telah dibuat dengan wang-wang pendahuluan yang diberi oleh Bank Bumiputra Malaysia.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri supaya invokekan Perkara 105 Fasal (2) Perlembagaan dan memerintahkan Ketua Audit Negara supaya memeriksa kira-kira dan kegiatan-kegiatan Bank Bumiputra dan Bumiputra Finance Malaysia khasnya untuk memastikan bahawa bukan sahaja kegiatan-kegiatan mematuhi dengan tegas peraturan-peraturan kewangan tetapi juga untuk mengawal dan melindungi wang awam daripada disalahguna atau disalahuruskan. Sekiranya Kerajaan tidak bersedia untuk invoke Perkara 106 Fasal (2) Perlembagaan dalam scandal Bank Bumiputra dan Bumiputra Finance Malaysia ini maka adalah nyata halangan-halangan yang mengikat tangan Ketua Audit Negara daripada melakukan tindakan yang bebas yang terdapat dalam Seksyen 5 (b) di Akta Audit harus dihapuskan supaya tanpa

sebarang perintah dari Yang di-Pertuan Agong, Ketua Audit Negara bebas memeriksa kira-kira sebuah syarikat atau badan yang menerima satu pemberian atau pinjaman dari Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri dan di mana lebih separuh modal syernya jelas dipegang oleh Persekutuan, Negeri atau sebuah Pihak Berkuasa Awam ataupun dipegang pada aggregate oleh dua atau lebih daripada mereka.

Akhirnya saya menyeru Kerajaan supaya memberi kuasa dan menginvokekan Artikel 106 untuk memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit kira-kira PETRONAS, PERNAS dan lain-lain syarikat dan badan Kerajaan untuk memastikan bahawa kegiatan-kegiatan mereka dapat withstand pemeriksaan dan perakaunan awam.

3.57 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Audit, 1957 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi.

Akta pindaan ini, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dinyatakan dengan jelasnya di muka 8 dalam Rang Undang-undang ini ada implikasi kewangannya iaitu akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. Sungguhpun amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini, Kerajaan kita akan committed dengan perbelanjaan tambahan ini oleh kerana salah satu daripada Fasal yang operative di dalam Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 5 di mana Fasal ini menyatakan di antaranya peruntukan gaji dan kemudahan-kemudahan lain sebagaimana yang diperolehi oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang setaraf dengannya. Jadi oleh kerana

Fasal ini disifatkan mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1980 ini bermakna Kerajaan terpaksa membayar tunggakan gaji selama lebih kurang 31 bulan dan perbelanjaan seterusnya yang dibiayai melalui tabung yang disatukan.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana memandangkan zaman meleset pada hari ini adalah diharapkan supaya amaun perbelanjaan tambahan ini tidaklah begitu banyak dan tidak membebankan kewangan negara. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa tugas Ketua Audit Negara untuk mengaudit akaun Kerajaan di peringkat Kementerian, Jabatan dan juga badan-badan berkanun telah bertambah dari semasa ke semasa, dari setahun ke setahun dengan bertambahnya tuntutan belanjawan Kerajaan dari semasa ke semasa, dari setahun ke setahun yang disalurkan melalui Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan dengan bertambahnya jumlah badan-badan berkanun Kerajaan yang diwujudkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Pindaan ini yang bertujuan untuk menaikkan saraan Ketua Audit Negara dengan memberi kemudahan-kemudahan lain adalah wajar sekali pada hemat saya. Tugas-tugas Audit bukan sahaja bertambah tetapi bidang tugas Audit juga turut bertambah oleh kerana Kerajaan kita telah memperkenalkan satu sistem Belanjawan yang baru yang diberi nama "Sistem Belanjawan Program dan Prestasi".

Selain daripada menjalankan tugas Audit biasa iaitu Audit Kewangan (Financial Audit) dan Audit Pematuhan kepada peraturan dan juga arahan iaitu Compliance Audit, pihak Audit juga terpaksa menjalankan Audit Prestasi (Performance Audit) iaitu untuk menentukan setiap sen yang dibelanjakan melalui program

yang ditetapkan menemui objektif-objektif yang dikehendaki. Ini adalah merupakan satu tambahan kepada satu bidang tugas Audit yang dipertanggungjawabkan kepada Ketua Audit Negara.

Tuan Yang Dipertua, bidang tugas Audit yang saya perkatakan tadi telah bertambah dari masa ke semasa yang dipertanggungjawabkan kepada Ketua Audit Negara bolehlah saya bahagikan kepada berikut sebagaimana yang terdapat dalam Akta Audit tahun 1957:

- (1) menentukan sama ada segala langkah-langkah pencegahan yang berpatutan telah diambil untuk menyelamatkan pungutan dan penyimpanan wang Kerajaan;
- (2) menentukan sama ada pembayaran-pembayaran telah dibuat menurut kebenaran sepatutnya dan dipertanggungjawabkan dengan betul dan disokong cukup dengan bukti pembayaran;
- (3) menentukan sama ada segala akaun dan rekod-rekod lain telah diselenggarakan dengan betul dan jujur;
- (4) menentukan sama ada undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan dengan kewangan dan barang-barang setor telah dipatuhi dengan sepenuhnya; dan
- (5) menentukan sama ada wang Kerajaan diuruskan dengan cara yang cermat dan cekap.

Tuan Yang Dipertua, bidang-bidang tugas ini adalah banyak dan memang rumit sekali tetapi adalah perlu agar akauntabiliti awam dapat dipertingkatkan dan dengan itu keyakinan orang ramai terhadap kejujuran kewangan Kerajaan kita dapat dikekalkan.

Tuan Yang Dipertua, memang kena pada masa dan ketikanya bagi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri membentangkan Rang Undang-undang pindaan ini dengan cara menaikkan gaji dan memberi kemudahan-kemudahan lain sebagai satu insentif kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan tugasnya dengan lebih dedikasi di masa-masa akan datang dan dapat menghasilkan satu akauntability awam yang lebih sempurna lagi.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya di dalam membincangkan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada beberapa perkara, terutama sekali ialah tentang kelewatan yang berulang kali berlaku pada tiap-tiap tahun membentangkan laporan kewangan badan-badan Kerajaan dan juga laporan Audit. Misalnya, pada hari ini kita baru sahaja dibentangkan dengan beberapa laporan bagi tahun yang sudah jauh kebelakangan. Misalnya Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Sabah tahun 1977 sudah enam tahun kebelakangan. Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Sarawak dan Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Perak tahun 1979 sudah empat tahun lewat.

Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Ini adalah merupakan satu kelemahan yang harus diatasi dengan segera. Saya tidak tahu di mana silapnya sama ada sistem kewangan Kerajaan kita yang silap tidak dapat juga saya pastikan di sini, tetapi Tuan Yang Dipertua telah diperuntukkan dalam Akta Acara Kewangan 1957 bahawa penyata-penyata kewangan tahunan Kerajaan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya sebelum ataupun pada 31hb Julai tiap-tiap tahun. Adalah menjadi tugas Akauntan Negara yang bertindak sebagai Pembayar Perbendaharaan (Paymaster of the Treasury) bagi

pihak Kerajaan dan selaku Akauntan terutamanya dan Ketua-ketua Jabatan sebagai pegawai-pegawai pengawal menyelenggarakan akaun-akaun dan menyediakan penyata-penyata akaun tahunannya untuk diserahkan kepada Audit untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara. Dari sini dapatlah saya perkatakan bahawa kelewatan ini berpunca dari lewatnya Akauntan Negara dan Pegawai-pegawai Pengawalnya menyerahkan penyata tahunannya untuk diaudit.

Tuan yang Dipertua, saya berharap untuk mengelakkan daripada kelewatan ini berlaku lagi di masa-masa akan datang agar Akauntan Negara dan juga pegawai-pegawai pengawal dipertingkatkan lagi usaha-usaha mereka untuk menyiapkan laporan tahunan Kerajaan dan dapat diaudit oleh Ketua Audit Negara dan dibentangkan dalam Parlimen ini, jadi sesuai dengan selogan pucuk pimpinan kita iaitu "bersih, cekap dan amanah".

Tuan Yang Dipertua, saya juga mencadangkan demi untuk mengelakkan kelewatan ini berulang lagi maka pihak Akauntan Negara mengadakan rancangan-rancangan latihan kepada semua kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan perakaunan supaya mereka ini lebih mahir dan cekap lagi dalam kerja-kerja mereka menyimpan kira-kira dan sebagainya. Kalau boleh, mana-mana kakitangan perakaunan yang telah dilatih ini hendaklah dikekalkan di jabatan-jabatan di mana mereka ditugaskan dan kalau boleh elakkanlah pertukaran melainkan kenaikan pangkat.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang kedua, yakni saya sentuh di sini ialah tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam perakaunan Kerajaan kita. Perkara ini pernah dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunannya kepada Dewan ini. Pertama sekali terdapat banyaknya kesilapan, salah

peruntukan dan beberapa perbezaan di dalam akaun-akaun yang berkenaan. Ini menunjukkan bahawa penyediaan Penyata Kewangan tidak diberi perhatian, tidak disemak dengan sewajarnya oleh pegawai-pegawai pengawal. Perkara ini berlaku terutama sekali di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang mengakaun sendiri iaitu Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang mempunyai Akauntannya sendiri.

Tuan Yang Dipertua, untuk mengelakkan perkara ini tidak berulang lagi saya berharap agar pihak yang berkenaan terutama sekali pihak Akauntan Negara mengambil langkah yang lebih positif lagi bagi memperbaiki peraturan-peraturan dan sistem-sistem perakaunan yang terdapat di negara kita ini. Di samping itu terdapat juga kelemahan-kelemahan lain seperti kelewatan menyediakan Penyata-penyata penyesuaian Bank, kelewatan menyelaraskan perbezaan-perbezaan yang timbul. Saya juga berharap supaya perkara-perkara ini hendaklah diperbetulkan di masa-masa yang akan datang.

Perkara yang ketiga ialah tentang berlakunya kurang sambutan (response) yang diberikan oleh Pegawai-pegawai Pengawal kepada pemerhatian-pemerhatian, syor-syor, teguran-teguran dan juga pertanyaan-pertanyaan audit yang dibuat pada tiap-tiap tahun. Sebab itulah kita dapati bahawa kesilapan-kesilapan dan kelemahan-kelemahan yang sama berlaku. Jadi sikap yang ditunjukkan oleh setengah Pegawai-pegawai Pengawal, saya rasa tidak seharusnya berlaku dan amatlah mendukacita, jika adapun response tetapi begitu lewat sekali.

Jadi, Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan agar pihak yang berkenaan, pihak Kerajaan mengambil satu tindakan yang tegas

iaitu tindakan tatatertib terhadap mana-mana Pegawai-pegawai Pengawal yang berkenaan yang tidak memberi kerjasama kepada pertanyaan-pertanyaan, syor-syor dan juga pemerhatian-pemerhatian yang dibuat oleh pihak Ketua Audit Negara.

Perkara yang keempat yang saya ingin bangkitkan di sini ialah ada berlakunya kurang pengawasan kawalan perbelanjaan oleh setengah Pegawai-pegawai Pengawal. Kawalan yang diberi adalah tidak dengan sepenuhnya. Ada di antaranya telah gagal untuk mengawasi dengan berkesan perbelanjaan mereka dari masa ke semasa dalam tahun yang berkenaan sehinggalah akaun itu ditutup. Buku-buku vote tidak diselenggarakan dengan betul dan tidak dikemas kini. Ada juga kalanya berlaku kejadian di mana peruntukan yang diberi kepada pemegang warrant (warrant holder) tidak direkodkan ke dalam buku-buku vote. Akibatnya, pernah kedapatan bahawa mereka telah berbelanja lebih daripada apa yang diperuntukkan. Sungguhpun lebihan perbelanjaan ini dapat ditampungi melalui pindaan peruntukan (virement) tetapi kadangkala terpaksa ia ditampungi melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang diluluskan oleh Parlimen. Misalnya, pada sidang ini tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah pun membentangkan satu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982).

Perkara ini, sebagaimana saya katakan tadi disebabkan oleh berlakunya kurang kawalan perbelanjaan pada tahun-tahun juga sebelumnya. Ini juga menunjukkan bahawa sebagaimana kita dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982) perkara ini masih

lagi berlaku kurangnya pengawasan pada tahun 1982 sungguhpun teguran-teguran audit dan pemerhatian-pemerhatian Audit telah pun diberi pada tahun-tahun yang sebelumnya. Saya rasa ini adalah merupakan satu kesalahan yang serious. Oleh yang demikian saya mencadangkan agar pihak Kementerian yang berkenaan memikirkan tentang menggunakan tindakan surcharge kepada mereka yang berkenaan agar mereka ini lebih cermat dan lebih berhati-hati lagi di masa-masa yang akan datang, misalnya dengan cara melibatkan diri secara langsung di dalam perancangan dan pengawalan pengurusan kewangan di agensi jagaan masing-masing, bukannya mengharapkan kepada pegawai-pegawai bawahannya sahaja semata-mata.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.16 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, saya bangun untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 1983 yang telah dibentangkan ke dalam Dewan ini.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengemukakan beberapa ulasan dan pandangan saya berhubung dengan perkara yang dibahaskan sekarang. Selagi Rang Undang-undang ini bertujuan untuk melindungi kepentingan awam maka selama itulah saya ingin memberi sokongan kepadanya. Saya mengalulukan Fasal 6 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda Seksyen 5 Akta Audit bagi memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan yang terdapat sekarang dalam Seksyen berkenaan dan memasukkan ke dalam Seksyen 5 (1) (d) iaitu "sebuah syarikat di mana modal saham berbayarnya melebihi separuh dipegang oleh pihak berkuasa

Persekutuan, atau Negeri atau wang atau dipegang secara aggregate oleh dua atau lebih daripadanya”.

Sebenarnya pindaan ini akan membolehkan Ketua Audit Negara mengaudit kira-kira mana-mana syarikat awam yang didaftar di bawah Akta Syarikat 1965 yang sehingga sekarang masih belum dilakukan lagi. Bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa terdapat satu peruntukkan di dalam pindaan iaitu pemeriksaan kira-kira syarikat awam yang didaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dibuat dengan syarat atau proviso ianya ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Kerajaan dengan perintah di bawah Article 106 (2) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini bermaksud bahawa Ketua Audit Negara tidak boleh mengambil langkah untuk mengaudit akaun syarikat-syarikat ini sehingga ianya ditentukan oleh Kerajaan. Saya rasa bahawa peruntukan ini tidak seharusnya dimasukkan sebaliknya Ketua Audit Negara hendaklah diberi kuasa untuk mengaudit akaun semua syarikat awam seperti PETRONAS, PERNAS Permodalan Nasional Berhad dan lain-lain selaras dengan konsep public accountability. Sejumlah besar wang awam yang digunakan setiap tahun oleh syarikat-syarikat awam ini untuk pelaburan dan sepatutnya orang ramai dan pembayar-pembayar cukai harus diberitahu tentang bagaimana wang-wang ini dipergunakan. Malah sebagai Ahli-ahli Parlimen kami tidak mengetahui apa-apa dalam Parlimen kerana syarikat-syarikat ini yang saya sebutkan terdahulu didaftar di bawah Akta Syarikat 1965 yang tidak dikehendaki membentangkan akaun masing-masing dalam Parlimen. PETRONAS ialah satu contoh yang sangat baik. Gesaan kami kepada Kerajaan supaya membentangkan akaun PETRONAS di dalam Dewan ini seringkali ditolak. Jikalau Kerajaan tidak bersedia untuk membatalkan

peruntukan yang saya sebutkan awal-awal tadi maka hendaklah ianya dijelaskan dengan pengeluaran perintah di bawah Article 106 (2) Perlembagaan Persekutuan bahawa semua syarikat awam yang saya sebutkan seperti PETRONAS, PERNAS, dan Permodalan Nasional Berhad dan lain-lain maka akaun masing-masing hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Jika ini dapat dilakukan maka sebagai Ahli Parlimen kita akan mempunyai peluang untuk memeriksa dan meneliti akaun yang telah diaudit untuk syarikat-syarikat yang berkenaan apabila ianya dibentangkan ke Parlimen.

Tuan Speaker, tidak dapat diragukan bahawa Jabatan Audit Negara mempunyai satu peranan yang sangat penting yang perlu dimainkan dalam memastikan public accountability Kerajaan kepada rakyat. Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan bahawa Jabatan Audit Negara hendaklah sentiasa diperkuatkan dengan cara menambah kakitangan-kakitangan yang layak dan terlatih seperti Akauntan, Juruaudit, Merinyu Kira-kira dan Kerani-kerani Audit bagi melaksanakan berbagai tugas yang diamanahkan kepada mereka. Dan lagi ianya juga hendaklah diberikan peruntukan yang cukup dalam bentuk elaun perjalanan dan pengangkutan bagi membolehkan pegawai-pegawai audit mudah bergerak dalam menunaikan tugas masing-masing. Sekian.

4.21 ptg.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyertai rakan-rakan saya bagi menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Audit 1957 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mengkaji dan mengenal pasti akan tujuan pokok Rang Undang-undang Akta Audit (Pindaan) 1983 ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini maka saya berpendapat perkara ini amatlah wajar dan munasabah sesuai dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membina sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang Dipertua, slogan bersih, cekap dan amanah ini jika benar-benar diamalkan dengan penuh tanggungjawab sudah pasti ianya akan membantu menstabilkan kedudukan Kerajaan di sisi masyarakat. Namun demikian, kestabilan sesebuah Kerajaan itu memerlukan beberapa faktor-faktor yang lain di antaranya ialah:

- (1) Kemantapan mengenal pasti akan sesuatu dasar dan matlamat pencapaian.
- (2) Kelicinan dan kecekapan dalam pengurusan pentadbiran sama ada dari segi perkhidmatan atau kewangan.
- (3) Kejujuran, keikhlasan dan ketekunan serta kesabaran dalam pengendalian sesuatu projek.
- (4) Keyakinan dan kepercayaan serta penglibatan yang aktif dan tindakan yang positif daripada orang ramai dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, tujuan saya menyebut perkara ini kerana ada kaitannya dengan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan di Dewan ini. Sebagai contohnya kepada Kerajaan, Jabatan Audit adalah merupakan satu pengesahan kerja yang paling berkesan kerana kejayaan dan kegagalan dalam pengurusan dan pengendalian sesuatu projek pembangunan itu akan dapat dilihat kesannya dari segi cara-cara wang itu dibelanjakan. Hakikat ini akan dapat dipastikan secara terperinci menerusi sistem pengauditan yang rapi dan

bersistematik. Untuk mewujudkan sebuah jabatan audit yang bertanggungjawab ianya memerlukan sebuah akta yang kemas dan sempurna.

Tuan Yang Dipertua, kepada orang awam Jabatan Audit adalah merupakan sebuah badan amanah yang dihormati. Menerusinya orang ramai mengharapkan perkhidmatan Jabatan Audit itu akan dapat menghalang sebarang bentuk penyelewengan yang merugikan. Ketegasan jabatan ini akan menghapuskan perasangka rakyat kepada Kerajaan dan sebaliknya dapat menimbulkan rasa percaya dan yakin orang ramai terdapat keikhlasan dan kejujuran Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat tujuan Rang Undang-undang Akta Audit (Pindaan) 1983 ini adalah jelas untuk mencapai objektif yang tersebut, iaitu untuk mengemaskinikan lagi Akta Audit 1957 yang sedia ada supaya ianya dapat diselaraskan dengan keperluan semasa dan kehendak Perlembagaan serta kepentingan negara.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap dengan adanya beberapa pindaan ke atas Akta Audit 1957 itu kelak Jabatan Audit Negara akan dapat mempertingkatkan lagi daya pengeluaran mereka sesuai dengan harapan Kerajaan dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang Dipertua, mengikut cadangan yang disarankan dalam akta ini Fasal 1 ialah untuk menentukan mula berkuatkuasa peruntukan berlainan akta yang dicadangkan. Keadaan ini amat penting dan mustahak supaya segala kerja-kerja pengauditan yang lalu tidak dicabar oleh mana-mana pihak terutama pihak Pembangkang yang sentiasa bekerja mencari kesalahan Kerajaan walaupun perkara itu kecil atau remeh. Dengan

adanya pindaan itu segala perakuan yang dibuat oleh Jabatan Audit itu adalah sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang Dipertua, dalam Fasal 2 dan 3 adalah bertujuan untuk meminda Seksyen 1 (2) dan 2 (2). Tujuan ini ialah untuk membolehkan Akta ini dipakai secara am berkenaan dengan pengoditan akaun Persekutuan, Negeri-negeri dan mana-mana pihak yang berkuasa awam lain dan badan-badan tertentu yang tertakluk kepada pengoditan Ketua Odit Negara dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta badan-badan berkanun, akaun dan penyata tahunan 1980. Manakala dalam Seksyen 2 (2) pula adalah bertujuan terpakai dalam kontek mana-mana pihak berkuasa awam atau badan-badan yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan atau negara dan bukan dalam hal pentadbiran keretapi sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saranan ini bukan sahaja terlalu penting dan mustahak sepatutnya sudah lama disedari oleh pihak Kerajaan, kerana dengan adanya pindaan ini Jabatan Odit Negara bukan sahaja akan dapat memperluaskan kewaspadaannya kepada semua badan-badan berkanun dan mana-mana pihak berkuasa awam secara lebih menyeluruh. Tetapi yang lebih penting dari itu pada pandangan saya pihak Jabatan Odit Negara hendaklah dapat memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang lebih membina kepada pihak-pihak yang berkenaan cara-cara pengurusan dan pentadbiran kewangan yang lebih bermakna dalam kontek mempertingkatkan daya pengeluaran dikalangan pihak-pihak yang berkenaan itu supaya benar-benar dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang menjadi harapan Kerajaan dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang Dipertua, kita berharap tujuan pindaan dalam Seksyen 1 (2)

dan Seksyen 2 (2) ini tidak disalah ertikan oleh mana-mana pihak dengan menaburkan berbagai-bagai fitnah yang boleh mengelirukan orang ramai di negara ini. Mungkin ada di antara mereka yang akan menuduh Kerajaan Pusat akaq mengongkong kebebasan mereka menerusi kawalan rapi dari Jabatan Odit Negara. Saya yakin dan percaya sekiranya mereka berpegang kepada konsep kepentingan umum itu mestilah diletakkan di atas lain-lain kepentingan, lebih-lebih lagi atau istimewa kepentingan diri sendiri diberi keutamaan terke bawah sekali maka sudah pasti perkara buruk itu tidak akan berlaku.

Tuan Yang Dipertua, dalam Fasal 5 adalah bertujuan untuk menggantikan Seksyen 4 Akta yang ada sekarang dengan suatu peruntukan baharu untuk membuat peruntukan bagi saraan Ketua Odit Negara di bawah dua Jadual yang dicadangkan kepada Akta ini. Cadangan untuk menyamakan atau menyelaraskan pemberian elaun atau keistimewaan kepada Ketua Odit Negara seperti yang dinikmati oleh lain-lain pegawai Perkhidmatan Awam yang mendapat gaji yang sama adalah merupakan satu keadilan yang harus disanjung oleh semua pihak. Sifat keadilan yang ditunjukkan oleh Kerajaan itu sudah pasti akan menimbulkan suasana yang amat membina dalam hubungan majikan dengan pekerjaannya. Keadaan yang harmoni ini sudah pasti akan membantu menstabilkan kedudukan Kerajaan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya.

(Tuan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, Fasal-fasal yang lain adalah bertujuan untuk memperkuatkan Akta yang tersebut supaya ianya lebih berkesan dalam sistem pengoditan negara.

Tuan Yang Dipertua, dengan lulusnya pindaan-pindaan yang

dicadangkan itu maka satu hakikat yang harus kita akui ialah bertambahnya bebanan kerja di Jabatan Odit Negara. Untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul, setiap pegawai dan kakitangan di Jabatan Odit ini sama ada di peringkat Negara atau Negeri mestilah berupaya mengenal pasti setiap bidang tugas yang akan dipertanggungjawabkan oleh negara kepada mereka dan mengatur rancangan-rancangan yang teliti bagi melaksanakan tugas yang tersebut sesuai dengan keupayaan yang ada. Dengan adanya perancangan yang teliti dalam mengendalikan tugas-tugas yang makin bertambah itu masalah timbal tindih dalam satu tugas, insya Allah, dapat dielakkan.

Tuan Yang Dipertua, dalam hubungan ini saya juga berharap pihak Kerajaan juga harus memberikan pertimbangan yang sewajarnya atas keperluan pegawai dan kakitangan di Jabatan Odit ini, sama ada di peringkat Negara atau Negeri-negeri selaras dengan bertambahnya bidang tugas yang mungkin wujud akibat dari pindaan-pindaan yang bakal diluluskan kelak tanpa beralaskan suasana yang ada, iaitu kemelesetan ekonomi negara sekarang. Pihak Kerajaan perlu berikhtiar memenuhi keperluan yang pasti supaya apa yang diputuskan pada hari ini dapat dipraktikkan seperti yang diharapkan oleh rakyat dan Kerajaan sendiri.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kita bercita-cita untuk mengemaskinikan semua sistem pengurusan kewangan dalam sektor awam yang lebih menyeluruh dan lebih bermakna, maka selain daripada pengawalan menerusi Jabatan Odit, kursus-kursus pentadbiran, pengurusan kewangan dan mereka yang terlibat dengannya perlu dipertingkatkan ke seluruh negara dari semasa ke semasa kerana dengan bertambahnya kecekapan di kalangan

pengurusan kewangan dan mereka yang dipertanggungjawabkan sama ada di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, bukan sahaja kita dapat mengurangkan bebanan kerja di Jabatan Odit malah akan dapat meningkatkan lagi imej Kerajaan di kalangan rakyat. Walaupun kerja menguruskan kursus ini menghadapi berbagai-bagai cabaran, tetapi ini perlu difikirkan dan dilaksanakan segera kerana kecekapan di bidang pengurusan kewangan ini merupakan nadi kemajuan bagi sebuah Kemajuan atau Negara.

Dengan harapan itu, saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang Akta Odit (Pindaan) 1983 dengan sepenuh-penuhnya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.34 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Odit 1957 yang telah memberi kedudukan yang lebih baik kepada Ketua Odit Negara sebagai seorang yang bertanggungjawabkan di dalam menentukan kira-kira wang negara ini betul dan tidak boleh lari daripada garis-garis yang dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

Dengan adanya penglibatan Odit Negara di dalam memeriksa akaun kewangan bagi Badan-badan Berkanun dan juga syarikat-syarikat yang mempunyai 50% daripada permodalan oleh pihak Kerajaan, ini akan menentukan bahawa kewangan bagi badan tersebut akan dapat ditentukan berjalan dengan baik dan tidak lari daripada perkara-perkara yang tidak diingini di dalam satu-satu lembaga atau badan ataupun syarikat yang mengendalikan kewangan dan

juga yang mendapat peruntukan daripada Kerajaan.

Dalam pada itu saya kembali kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah menubuhkan satu institusi, iaitu Institusi Odit Koperasi. Ini adalah semata-mata dengan tujuan untuk memberi latihan odit kepada koperasi itu sahaja tetapi apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Institusi Odit Negara ataupun Institusi Odit Kebangsaan yang akan menjadi tempat latihan seluruh kakitangan ataupun Pegawai-pegawai Odit di dalam negara kita ini supaya kecekapan dan juga kebaikan kemahiran akan dapat dimiliki oleh Pegawai-pegawai Odit kita.

Sebagaimana yang kita tahu kalau sekiranya tiap-tiap badan ini menubuhkan institusinya sendiri sudah tentu akan memakan banyak tenaga-tenaga pengajar dan juga perbelanjaan dan juga kita kena tahu bahawa negara kita ini adalah kekurangan bagi tenaga-tenaga pengajar untuk menjalankan satu institusi seperti Institusi Odit yang dijalankan oleh tiap-tiap badan tertentu itu. Dengan sebab itulah dengan kekurangan tenaga pengajarnya, dengan kekurangan peruntukan negara maka sepatutnya Kerajaan menubuhkan satu Institusi Odit Negara yang akan merangkumi seluruh Pegawai-pegawai Odit yang ada dalam negara kita, baik daripada Odit Koperasi, Odit Lembaga, Odit Luar ataupun segalanya akan tertumpu kepada institusi ini, dengan ini sudah tentu kecekapan odit, juga taraf odit akan dapat ditinggikan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa setakat ini kita belum lagi ada institusi seperti ini. Kalau kita ada badan bagi hal kewangan dan juga kursus-kursus dalam soal kewangan negara tetapi orang yang mahir di dalam bahagian kewangan tidak

semestinya mereka itu akan merupakan orang yang mahir di dalam tugas-tugas odit kerana tugas-tugas odit ini adalah untuk mencari di mana pengiraan kewangan yang tidak betul atau kira-kira yang salah dan juga akan memberi pandangan-pandangannya yang lebih berkesan dan yang lebih baik. Jadi dengan itulah maka cadangan saya Institusi Odit Negara ini supaya dapat benar-benar akan menjalankan fungsinya, akan menjalankan tugasnya bagi latihan Pegawai-pegawai Odit atau juga pegawai-pegawai kewangan yang berminat untuk menjalankan tugas sebagai Pegawai Odit.

Selain daripada itu, saya suka endak menyentuh bahawa di dalam masalah pemberian habuan dan juga pemberian pendapatan kepada seseorang ketua, sebagaimana Ketua Odit Negara yang diberikan di sini sebanyak \$5,000 lebih, pemberian ini adalah sepadan dengan tugasnya sebagai Ketua Odit Negara kerana tugas-tugas ini adalah tugas yang penting dan juga menjadikan badan ini sebagai satu badan bebas dan juga badan yang akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi menentukan kewangan negara ini berjalan dengan baik, dengan betul dan dengan lebih berkesan lagi. Selain daripada itu, bukan sahaja kita menambahkan beban, menambahkan tanggungjawab, memperbanyakkan lapangan odit yang akan dijalankan oleh pihak Jabatan Odit ini tetapi seharusnya kita hendaklah menambahkan kakitangannya supaya kakitangan ini akan benar-benar boleh menjalankan tanggungjawabnya, walaupun sekarang ini zaman meleset, banyak jawatan-jawatan dibekukan tetapi apabila undang-undang ini diluluskan sudah tentu beban kepada Jabatan ini akan bertambah, apabila beban akan bertambah sudah tentu kehendak-kehendak bagi penambahan kakitangan perlu. Dengan sebab itu saya mencadangkan supaya pihak

Jabatan Odit ini akan menjalankan tanggungjawabnya untuk menambahkan kakitangan-kakitangannya yang boleh menjalankan tanggungjawabnya; bukan sahaja menjalankan odit bagi Jabatan-jabatan Kerajaan, tetapi Badan-badan Berkanun dan juga syarikat-syarikat yang mempunyai modal oleh pihak-pihak Kerajaan di dalam syarikat tersebut.

Selain daripada itu juga kita meminta bahawa Jabatan Odit hendaknya janganlah mencari publisiti, misalnya sudah tentu sebarang akaun, sebarang peruntukan atau sebarang kewangan di dalam mana-mana Jabatan sepatutnya tidak menjadikan satu rupa publisiti kepada Jabatan ini bahawa aku telah menjalankan tugas dan aku telah jumpa satu kesalahan maka kesalahan ini dihebah-hebahkan dengan secara besar-besaran yang tidak sepatutnya perkara ini dijalankan. Tetapi sebenarnya walaupun Jabatan Odit ini merupakan Jabatan yang bebas tetapi tidak mesti kebebasannya boleh mencemarkan balik kedudukan Kerajaan dan juga badan yang dioditnya itu dengan tujuan untuk melahirkan kepada awam bahawa sesuatu kesilapan itu berlaku. Kalau sekiranya kesilapan itu berlaku sebenarnya bukan tanggungan Jabatan itu sahaja tetapi juga tanggungan Jabatan Odit sendiri yang tidak memberi panduan yang betul sebelum kewangan itu dilaksanakan. Jadi, sebab itulah untuk menghebahkan sesuatu perkara yang berlaku di dalam segi kewangan dan perkiraan ataupun apa-apa sekalipun tidak sepatutnya diheboh-hebohkan, dijadikan sebagai satu cara untuk menonjolkan bahawa akulah orang yang menentukan kewangan, akulah yang menjumpai kesalahan itu dan kesalahan ini tetapi sebaliknya hendaklah sama-sama bertanggungjawab akan kesalahan itu dan kesalahan itu kita sama-sama perbaiki, kita sama-sama perbetulkan

dan apa kesilapan yang berlaku itu hendaknya tidak akan berulang kali berlaku. Dengan cara ini dapalah persefahaman yang baik di dalam sebuah negara sebagaimana negara kita sekarang ini.

Dengan ucapan itu sekali lagi saya menyokong bahawa Akta untuk meminda Akta Odit tahun 1967 ini dengan sepenuhnya dan berharap pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan apabila Akta ini diluluskan, benar-benar menjalankan demi untuk kepentingan negara dan juga untuk kepentingan umum bagi menentukan bahawa sikap bersih, cekap dan amanah itu dijamin dengan betul dan dengan baik, memberi kesan yang menyeluruh kepada negara.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.44 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang yang telah dikemukakan dan untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya tanggagaji yang baru yang diberi kepada Ketua Odit Negara merupakan satu tanggagaji yang berpatutan dengan tanggungjawabnya yang berat itu. Dengan tanggagaji yang agak memuaskan ini maka Ketua Odit Negara itu dapatlah menjalankan tugasnya tanpa merasa bimbang terhadap apa-apa pun.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, Tuan Yang Dipertua, untuk mengucapkan syabas kepada Ketua Odit Negara kita yang pada tahun-tahun kebelakangan ini telah menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Beliau sebenarnya telah menjadi salah satu daripada lambang-lambang Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. Dengan itu, Ketua Odit

Negara ataupun KON ataupun "Con-man" kita ini dapatlah melalui taktik-taktik "Con-man" yang bukan taktik yang salah tetapi taktik-taktik yang amat baik untuk memastikan bahawa segala-gala yang menyeleweng dapat didedahkan dan dapat dibetulkan. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kelemahan-kelemahan yang masih ada, yang masih wujud dalam sistem odit negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, secara amnya sudah menjadi satu phenomenon yang biasa terutamanya di negara-negara yang sedang membangun bahawa sektor awam kian berkembang dan berkembang dengan begitu pesatnya. Ini adalah nyata di negara-negara bukan sahaja negara sosialis tetapi juga negara-negara yang mengamalkan perusahaan bebas ataupun free enterprise system. Maka negara kita Malaysia tidaklah boleh dikecualikan daripada trend ini iaitu trend di mana sektor awam kian berkembang dengan begitu pesat.

Setahu saya Tuan Yang Dipertua, di Malaysia ini terdapat tiga jenis organisasi yang boleh dikatakan terkandung dalam sektor awam. Yang pertama ialah perusahaan-perusahaan ataupun enterprises yang diuruskan secara langsung oleh Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi akaun-akaun ataupun kiraan-kiraanya ialah dalam bentuk commercial. Sebagai satu contoh ialah Jabatan Telekom dan satu contoh lagi ialah Jabatan Penerbangan Awam. Jenis yang kedua ialah Perbadanan Awam ataupun, dengan izin, Public Corporations dan kebanyakan ini ialah badan-badan berkenaan (statutory bodies) seperti EPF, MARA dan juga Perbadanan Pembangunan Negeri-negeri.

Jenis yang ketiga ialah syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan contoh-contohnya ialah MAS (Sistem

Penerbangan Malaysia), PERNAS, PETRONAS dan sebagainya. Ketiga-tiga jenis organisasi ini telah berkembang dengan begitu pesatnya terutamanya selepas tahun 1971 iaitu selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru dan sebagai satu petunjuk misalnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua iaitu untuk tahun 1971-1975 sebanyak \$1,048 juta telah dibelanjakan untuk perusahaan-perusahaanekonomi di bawah anjuran Kerajaan PERNAS, UDA, MARA, MISC dan sebagainya. Maka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu bagi tahun 1976-1980 perbelanjaan telah meningkat kepada \$2,780 juta dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat peruntukan yang diberi ialah \$4,730 juta dan ini jelaslah bahawa dalam tempoh 15 tahun sahaja peruntukan telah meningkat lebih kurang 5 kali ganda.

Sebagai satu contoh lagi dari segi harta dan juga permodalan yang diberikan kepada 65 buah Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan, jumlah ini iaitu jumlah harta dan permodalan telah meningkat dari \$5.3 billion dalam tahun 1973 kepada \$13.5 billion dalam tahun 1982. Dan nyatalah bahawa dengan peruntukan wang awam yang begitu banyak akan timbul beberapa masalah dan masalah-masalah ini dapatlah saya rumuskan di bawah dua tajuk utama iaitu berkenaan ataupun berkaitan dengan masalah ketanggungan (accountability) dan juga masalah kawalan (control). Maka adalah penting bahawa kedua-dua aspek ini iaitu ketanggungan dan kawalan dapatlah diuruskan dan juga diperiksa dengan rapi supaya projek-projek awam kita tidak menyeleweng.

Tuan Yang Dipertua, seperti mana syarikat-syarikat yang tersenarai di dalam KLSE (Kuala Lumpur Stock Exchange) dikehendaki dan diperlukan untuk menyediakan penyata-penyata kira-kira kepada

pemegang-pemegang sahamnya pada tiap-tiap tahun, begitu juga bagi perbadanan-perbadanan dan juga Badan-badan Berkanun yang sebenarnya bertanggungjawab kepada pemegang-pemegang sahamnya iaitu kepada rakyat jelata iaitu kepada rakyat jelata yang membiayai projek-projek itu melalui cukai yang telah dibayar dan juga melalui perasaan keyakinan (trust) yang telah diberi kepada badan-badan ini.

Tanggungjawab badan-badan awam ini sebenarnya lebih daripada tanggungjawab syarikat-syarikat swasta kerana wang itu ialah wang awam dan juga ianya mempunyai tanggungjawab moral (moral responsibility) kepada masyarakat pada amnya dan bukanlah kepada beberapa ratus ataupun beberapa ribu pemegang saham yang tujuan mereka ialah untuk mendapatkan keuntungan sahaja. Apa yang diharapkan oleh rakyat jelata kepada perbadanan-perbadanan awam ini ialah untuk memberi perkhidmatan dan juga memberi faedah kepada rakyat jelata dan bukan kepada mereka yang membiayainya sahaja.

Perkara yang kedua yang harus saya timbulkan di sini ialah mengenai "financing" badan-badan itu. Badan-badan itu setahu saya dibiayai oleh geran, oleh pinjaman dari sumber-sumber dalam negeri dan juga luar negeri serta juga melalui penyertaan equiti (equity participation) terutamanya dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan.

Maka dari segi ini kita selepas mengkaji akan dapati bahawa hutang awam (public debts) bagi tahun 1981 misalnya lebih kurang 1/3 terdiri daripada pinjaman-pinjaman yang diberi untuk badan-badan awam ini. Dan angka yang lebih tepat iaitu dalam lebih kurang \$10,000 juta

hutang awampada tahun 1981, sebanyak \$31,700 juta ialah untuk badan-badan ini. Maka dengan angka yang begitu besar menjadi lebih berat tanggungjawab sistem odit bagi negara kita.

Di dalam segi ini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada dua perkara yang pada pendapat saya telah mendatangkan beberapa masalah dalam sistem kita ini. Yang pertamanya ialah mengenai objektif-objektif badan-badan ini. Yang kedua ialah dari segi pentadbiran termasuk juga sistem pengoditan.

Mengenai objektif-objektif kalau kita mengkaji dengan teliti objektif-objektif yang disebutkan untuk badan-badan awam maka didapati bahawa ada banyak yang terlalu am (too general) oleh kerana objektif itu terlalu am maka sangat susahlah untuk diukur atau untuk dinilai sama ada objektif-objektif yang bercampur (mixed objectives) iaitu badan-badan awam itu tidak seperti syarikat-syarikat swasta di mana objektif tunggalnya ialah untuk mendapat keuntungan wang seberapa banyak yang boleh tetapi di sebaliknya badan-badan itu selalu mempunyai objektif-objektif ekonomi, objektif-objektif sosial, objektif-objektif komersil, objektif sosiobudaya dan sebagainya yang menjadikan tugas untuk menguruskan badan-badan itu bertambah susah dan tugas untuk mengoditkan dari segi cost effectiveness dan cost benefit bertambah susah. Sebenarnya, objektif-objektif yang bercampur ini ialah sesuatu yang tidak dapat dielakkan untuk badan-badan awam seperti yang dinyatakan oleh Ketua Odit Negara sendiri di dalam sebuah kertas-kerja yang dibentangkan pada bulan Januari tahun ini di Persidangan Ekonomi Malaysia yang dianjurkan oleh Persatuan Ekonomi Malaysia. Beliau menyatakan bahawa, saya ingin

mengemukakan petikannya iaitu, dengan izin, beliau menyatakan bahawa:

“A public corporation may be likened to an amphibian having to work in the waters of the private sector but is expected to behave as a government agency on the land of the private sector where it belongs.”

Dan ini sedikit sebanyak telah meragukan tugas-tugas dan objektif-objektif Badan-badan Awam, dan inilah satu perkara yang harus kita hadapi yang tidak dapat dielakkan. Tetapi pada pendapat saya kita boleh dengan menetapkan kriteria-kriteria yang objektif, kriteria-kriteria yang berasaskan saintifik dan juga dari segi pengurusan saintifik iaitu Scientific Management, kita bolehlah memberi penjelasan kepada objektif-objektif ini, dan dengan ini kita boleh juga wujudkan kriteria-kriteria yang baik, yang berkesan untuk penilaian sesuatu projek awam, sepertimana syarikat-syarikat swasta menggunakan kriteria-kriteria cost benefit, hasil untung dalam ringgit (dollar) dan sen yang merupakan satu kriteria yang lebih senang, begitu juga bagi badan-badan awam yang boleh menggunakan kriteria cost effectiveness iaitu dari segi kekesan sesuatu organisasi itu menjalankan tugas-tugasnya.

Misalnya dalam sebuah syarikat atau sebuah badan yang dipertugaskan untuk membasmi kemiskinan, maka kita boleh mewujudkan ukuran-ukuran tertentu yang dapat memberikan kita dalam jangka yang tertentu sama ada bilangan orang miskin yang ditujukan itu telah dikurangkan atau tidak dan kesemua ini sebenarnya haruslah dimasukkan ke dalam laporan-laporan tahunan bagi badan-badan ini.

Pada pendapat saya mengikut kajian saya perkara-perkara seperti ini tidak dimasukkan dan menjadikan kerja bagi Ahli-ahli Parlimen

terutamanya mereka dalam Jawatankuasa Odit ataupun Public Accounts Committee bertambah susah. Dari satu sudut yang lain, ketanggungan awam ataupun public accountability boleh juga dikaji dari tiga segi iaitu:

- (i) ialah ketanggungan kewangan (financial accountability);
- (ii) ialah ketanggungan-ketanggungan pengurusan (managerial accountability); dan
- (iii) ialah ketanggungan program (programme accountability). Yang senang sekali ialah dari segi ketanggungan kewangan seperti yang telah saya ceritakan tadi dan yang susah sekali ialah dari segi ketanggungan managerial dan juga ketanggungan rancangan ataupun programme accountability iaitu dari segi kekesan sebuah rancangan itu mengikut kriteria-kriteria yang tertentu dan juga sama ada sesebuah badan itu telah menjalankan tugasnya dengan cekap dan bagaimanakah kita boleh mengukur kecekapan sesebuah badan itu yang bukan merupakan sebuah syarikat swasta, itu pada saya ialah satu persoalan yang pokok.

Tuan Yang Dipertua, aspek yang kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai segi pentadbiran ataupun dari segi sistem odit yang wujud sekarang, dan dari segi ini terdapat juga tiga peringkat.

Peringkat yang pertama ialah di peringkat Jabatan ataupun agensi Kerajaan sendiri.

Peringkat yang kedua ialah di peringkat Jabatan Odit dan peringkat yang ketiga ialah di peringkat Parlimen mengenai Public Accounts Committee.

Ketiga-ketiga peringkat ini sebenarnya mempunyai kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah iaitu dari segi kecekapan terdapat bottleneck yang serius ataupun sekatan-sekatan yang melambatkan proses mengoditkan sesuatu laporan itu, proses menyediakan laporan sebelumnya dan sebagainya dan biarlah saya meneliti sedikit tentang tiap-tiap peringkat ini.

Diperingkat Jabatan ataupun agensi Kerajaan masalahnya ialah seperti yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah penglewatan membentangkan kira-kira. Kebanyakan penyata itu sudah kelewatan, ada yang kelewatan selama 2-3 tahun, kebanyakan lebih daripada 4 tahun dan saya merasa terkejut sebenarnya dalam sidang yang sudah pada bulan Oktober apabila saya sendiri menerima Penyata Kira-kira dari Stadium Negara untuk tahun 1964, 1965, 1966, 1967, 1968 hingga tahun 1970. Ini bermaksud bahawa kelewatan itu bukan sahaja 4 atau 5 tahun tetapi lebih daripada 10 tahun dan dalam kes penyata untuk tahun 1964 itu hampir-hampir 20 tahun kelewatannya. Ini amat menyedihkan kerana badan ini ialah sebuah syarikat swasta, maka sudah jelas ianya tidak akan wujud ialah sebuah syarikat swasta, maka sudah jelas ianya tidak akan wujud lagi dalam pasaran, kerana pemegang-pemegang saham akan merasa begitu marah dan tidak ada lagi perasaan yakin terhadap pentadbiran.

Selain daripada itu sebagai satu contoh lagi, saya difahamkan bahawa lebih daripada 3,000 buah sekolah di negara ini kira-kiranya belum diodit selama lebih daripada 3 tahun. Ini juga amat menyedihkan kerana perkara-perkara seperti ini kalau dibiarkan, maka akan menjadi bertambah serius. Masalah ini timbul kemungkinan Jabatan yang berkenaan ataupun agensi yang berkenaan tidak

mempunyai kakitangan yang mencukupi, itu satunya. Satu lagi ialah dari segi penyelarasan di dalam sesebuah Jabatan itu yang sering berlaku ialah orang yang bertanggungjawab itu apabila sampai masanya untuk membentangkan penyatanya sudah bersara ataupun sudah ditukar jawatan ataupun sudah meninggal dunia pun ada. Ini mendatangkan masalah yang rumit kerana sekiranya Penyata Kira-kira bagi sesuatu tahun ini belum disiapkan maka dengan wajarnya Penyata Kira-kira bagi tahun yang berikutan tidak juga akan dapat disiapkan. Ini ialah satu masalah yang saya sendiri pun sudah mengalami sewaktu saya berada di Universiti dan kadang-kadang ini merupakan satu masalah yang susah diatasi kerana orang yang bertanggungjawab itu tidak ada lagi dan kita tidak boleh memaksanya untuk kembali ke Jabatan asalnya supaya menyediakan laporan. Maka dari segi ini bolehkan kita mengadakan satu penyelarasan kerja ataupun tugas yang lebih berkesan.

Yang keduanya, seperti yang telah disebut ialah dari segi kekurangan kemahiran di kalangan kakitangan yang terlibat iaitu dari segi kemahiran accounting ataupun accounting skill. Dalam perkara ini, saya percaya bahawa institusi seperti INTAN, seperti Institut Komputer yang telah disebutkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi dapatlah membantu untuk mempercepatkan proses-proses ini iaitu dari segi penggunaan komputer kita akan dapat melancarkan menjadikan proses itu lebih berkesan tetapi janganlah pula penggunaan komputer itu akan mendatangkan kesan-kesan yang tidak diingini.

Sebagai satu contoh ialah untuk mengkomputerkan sesebuah Jabatan itu mungkin akan mengambil masa yang lebih panjang daripada kalau kita membuat kira-kira dengan tangan itu tidak timbul.

Perkara yang ketiga ialah dari segi sikap kakitangan yang berkenaan. Pada pendapat saya penting ialah, dengan izin, sense of commitment, sense of responsibility supaya peristiwa-peristiwa yang telah saya ceritakan itu tidak berlaku iaitu dengan Kempen Kempimpinan Melalui Tauladan yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita berharaplah perasaan bertanggungjawab ini akan bertambah di kalangan kakitangan Kerajaan supaya dari segi accountability kita sebagai sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dapatlah menunjukkan kepada rakyat jelata bahawa tindakan kitalah lebih bermakna daripada coganata-cogankata.

Tuan Yang Dipertua, di peringkat yang kedua ialah mengenai Jabatan Odit sendiri. Ketua Odit Negara kita boleh diumpamakan sebagai seorang pahlawan dan seorang pahlawan tentulah memerlukan senjata dan memerlukan askar-askar sebelum beliau dapat berjuang dalam medan perjuangan. Maka senjata tidak ada dari segi undang-undang, tetapi mungkin askar-askar masih tidak mencukupi. Oleh itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji dengan secara meneliti sama ada bilangan kakitangan yang ada di dalam Jabatan Odit itu mencukupi atau tidak untuk menjalankan segala-gala tugas yang begitu berat.

Di peringkat yang ketiga, ialah di peringkat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ataupun Public Accounts Committee (PAC). Ini merupakan satu peranan Parlimen dan pada pendapat saya peranan ini sangatlah penting. Badan-badan awam seperti yang sudah saya ceritakan tadi ialah bertanggungjawab kepada rakyat jelata tetapi bukanlah tiap-tiap orang di masyarakat tidak kira apakah pekerjaannya ada masa dan juga ada

kepakaran untuk menyasat, untuk mengkaji sama ada sesebuah badan awam itu telah menjalankan tugasnya dengan baik atau tidak. Maka tanggungjawab ini terjatuhlah ke bahu Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Maka kita dari segi proses kawalan dari segi control of public enterprises, dengan izin, Parlimen mempunyai beberapa peranan. Yang pertamanya melalui proses undang-undang, Parlimen dapat mewujudkan undang-undang untuk perusahaan-perusahaan ataupun badan-badan awam yang tertentu. Itu tanggungjawab yang pertama.

Yang kedua melalui pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen juga dapat meneliti kemajuan (progress) sesebuah badan awam itu.

Yang ketiga melalui perbincangan mengenai Anggaran Belanjawan tiap-tiap tahun. Maka sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat meneliti Anggaran itu dan sebenarnya lebih penting lagi diberi masa dan diberi taklimat untuk meneliti Anggaran-anggaran ini maka Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjadi lebih berkesan.

Tugas yang keempat ialah tugas penyiasatan kira-kira oleh Public Accounts Committee. Setahu saya pada tahun sudah iaitu sebelum Parlimen ini bersidang, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara hanya telah dapat membereskan proses mengodit kira-kira bagi tahun 1977. Ini bermaksud bahawa kerja Public Accounts Committee ini sudahpun kebelakang selama 5 hingga 6 tahun dan saya pun kurang pasti, saya juga tidak tahu sama ada Jawatankuasa yang baru telahpun bermesyuarat atau tidak, dan kalau sudah bermesyuarat berapa kerapkalinya Jawatankuasa ini telah bermesyuarat. Saya pun telah mengkaji beberapa aspek mengenai Public Accounts Committee, Tuan Yang Dipertua. Yang pertamanya

saya dapati bahawa bilangan keahlian Jawatankuasa ini pada maksimumnya ialah 12 orang. Pada pendapat saya mungkin ini tidak mencukupi dan juga dalam proses kerjanya selalunya Jawatankuasa ini duduk sebagai sebuah Jawatankuasa untuk menyiasat teguran dalam laporan. Tiap-tiap laporan dikaji. Maka saya ingin mengemukakan satu cadangan sama ada boleh diperluaskan keahlian bagi Jawatankuasa ini supaya Jawatankuasa ini dapat membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk meneliti badan-badan awam yang tertentu. Misalnya sebuah Jawatankuasa Kecil untuk meneliti badan-badan yang ada berkaitan dengan hal-hal tanah ataupun pertanian. Sebuah lagi Jawatankuasa Kecil untuk badan-badan perusahaan dan sebagainya dan pada pendapat saya langkah ini akan lebih menjimatkan masa supaya Jawatankuasa yang penuh itu tidak membazirkan masa untuk meneliti tiap-tiap laporan tahunan.

Yang kedua, ialah setahu saya Jawatankuasa ini dari segi urusannya bergantunglah kepada kakitangan Parlimen yang biasa iaitu kakitangan-kakitangan yang telah diberatkan, dibebankan dengan kerja yang begitu berat. Jawatankuasa yang amat penting ini tidak mempunyai sekretariat yang tersendiri yang boleh melicinkan proses urusan, proses penyiasatan dan sebagainya yang diberi kepada Jawatankuasa ini.

Yang ketiga, saya difahamkan bahawa Jawatankuasa ini diberi kuasa-kuasa yang tertentu yang merupakan kuasa-kuasa mahkamah yang tertentu, misalnya Jawatankuasa ini boleh memanggil saksi-saksi yang tertentu tetapi selain daripada kuasa-kuasa ini Jawatankuasa Public Accounts Committee tidak mempunyai kuasa-kuasa hukuman, kuasa-kuasa dendaan, cuma boleh mengemukakan recommendations atau syor-syor sahaja. Ini adalah seolah-olah sebuah

Jawatankuasa yang tidak bergigi. Kalau tidak bergigi maka tidaklah berkesan. Maka saya ingin mencadangkan supaya dipertimbangkan sama ada kuasa-kuasa yang lebih luas diberi kepada Jawatankuasa ini supaya ianya dapat memainkan peranan yang diberikannya.

Sebagai penutup, proses pengoditan dan sistem Odit Negara kita ini merupakan pada pendapat saya satu jentera yang amat penting kerana dengan jentera ini kita dapatlah membangkitkan perasaan yakin rakyat jelata terhadap Kerajaan, kerana Kerajaan melalui badan-badan awamnya telah dipertugaskan, dipertanggungjawabkan oleh rakyat jelata untuk menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu. Sekiranya kita tidak mempunyai satu sistem odit yang berkesan, yang efektif, yang cekap maka rakyat jelata akan mengatakan bahawa Kerajaan tidak menunaikan tanggungjawabnya, sedangkan Kerajaan telah menunaikan tanggungjawabnya, iaitu accountability ataupun ketanggungan mesti dilihat (accountability must be seen) dan dengan ini saya juga ingin merayu kepada rakyat jelata kepada masyarakat amnya supaya masyarakat pada amnya juga mengambil berat tentang tugas-tugas Jabatan Odit, tentang tugas-tugas Jabatan-jabatan dan Badan-badan Awam supaya dalam sebuah negara yang demokratik seperti kita ini, rakyat jelata juga dapat bersama-sama menyertai dalam proses meneliti pelaksanaan rancangan Kerajaan dan janganlah masyarakat mempunyai satu sikap di mana sekiranya berlaku sesuatu hal mengenai Odit yang agak sensational mereka akan menganggapnya sebagai satu hiburan sahaja kerana ianya merupakan berita sensational, satu entertainment. Inilah perkara yang serius, dan dengan itu saya ingin memberi satu petikan dari Kertas

Kerja Ketua Odit Negara yang mengatakan, dengan iijin, Tuan Yang Dipertua:

“Any system can only be effective if all the parties involved feel committed to it”.

iaitu perasaan commitment ini ialah yang amat penting sekali, dan dengan kempen kepimpinan melalui tauladan saya sangat berharaplah bahawa tiap-tiap orang termasuk kita sendiri yang berada di dalam Dewan ini dapatlah menjalankan tugas dan memainkan peranan kita dengan sebaik-baiknya. Dengan begitu, saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan pada petang ini.

5.26 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Mas Gading): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil sedikit penyertaan dalam perbahasan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan di Dewan ini sekarang iaitu Rang Undang-undang Odit (Pindaan), bacaan kali yang kedua.

Perkara odit ataupun perkara kira-kira ini adalah perkara yang satu expertise sendiri, satu bidang kerja yang memerlukan fahaman yang mahir untuk memahami semuanya, jadi perbahasan saya adalah dari sudut orang yang tidak memahami akuan ataupun odit iaitu dari sudut layman. Apa yang dikemukakan untuk meminda seksi-seksi tertentu Akta asal adalah hanya untuk memperuntukan ganjaran kepada Auditor General dan juga untuk melantikkan orang selain daripada public services untuk menjawat sebagai Auditor General. Tetapi perkara Odit ini begitu luas dan juga begitu penting bukan sahaja dari pentadbiran negara tetapi lebih-lebih lagi dari segi untuk mengukuhkan pentadbiran supaya pentadbiran negara ada bersesuaian dengan kehendak rakyat yang rakyat itulah

yang telah membiayai semua peruntukan dan kegiatan-kegiatan di seluruh negara melalui cukai yang mereka membayar secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Kita telah mendengar beberapa rakan-rakan Ahli Dewan membahas dan telah menyebut mengenai public accountability dan sebagainya dan kalau saya pun sebut dari sudut itu juga ini akan hanya mengambil masa dan tidak baik untuk didengar.

Tetapi saya ingin menyebut bahawa Odit untuk memperkemarkan pentadbiran adalah satu jentera dan jentera itu sahaja yang dapat kita gunakan untuk menentukan faedah daripada jentera-jentera dan kegiatan Kerajaan, baikpun Jabatan Kerajaan ataupun Badan-badan Berkanun ada berkesan daripada menghntarkan tujuannya kepada sasaran ataupun kepada rakyat yang disasarkan.

Kita telah setiap tahun menerima laporan di Dewan yang mulia ini, laporan daripada Ketua Odit Negara mengenai jabatan itu dan jabatan ini. Sekarang di tangan saya ini ada Laporan Ketua Odit Negeri Sarawak Tahun 1979. Satu daripada pandangan sepintas lalu ialah bahawa Laporan Odit ini selalunya terlewat. Ini memang biasa begitu kerana Odit ini mengikut belakang tengok, adalah tidak mereka jalan dulu telah sesat jalan ataupun menyimpang ke hala yang tidak ditujui. Oleh sebab demikian kita selalu mendapat laporan lewat dan oleh sebab laporan lewat kita tidak tahu feedback yang sebenar mengenai kegiatan itu dan oleh kerana feedback ini terlalu lewat datangnya kepada pihak yang berkuasa maka tindakan untuk mengelakkan daripada tindakan yang asal tadi untuk jangan membawa kepada kerosakan atau kepada arah yang tidak ditujui dari asal tidak dapat diambil dalam masa yang sepatutnya. Maka bila Laporan Odit terlewat tindakan untuk mengelakkan daripada kerumitan berlakupun

terlewat diambil maka kita selalu menyesali selepas 4-5 tahun perkara itu berlaku. Ini telah menjadi tauladan bukan sahaja di negara kita sebagai negara yang membangun bahkan di negara-negara yang sudah membangunpun begitu juga kerumitan ini ada berlaku. Tetapi tujuan kita mengemukakan Rang Undang-undang ini ialah untuk memperuntukkan ganjaran kepada Auditor General dan memberi kuasa untuk melantik seorang daripada yang bukan daripada public sector atau government service adalah bertujuan untuk membawa kepada jentera ini supaya lebih cekap dan licin. Yang meragukan saya ialah bukannya tidak selama ini kita telah ada seorang Auditor General? Bukankah tidak kita telah menggunakan jentera ini dan dengan peruntukan untuk menambahkan ganjaran atau melantik orang daripada luar sebagai Auditor General ini hanya untuk mengambil orang daripada luar untuk mentadbirkan jentera Kerajaan yang sekian lama sudah berjalan, bukannya tidak tujuan kita ini adalah bukan tujuan yang baru, bukan tujuan yang bertujuan untuk melicinkan jentera bahkan hanya untuk menukarkan warna sahaja iaitu sebenarnya it is a cosmetic development, daripada perkara yang benar-benar dapat menambah kelicinan.

Saya rasa keraguan ini sebab seperti dikatakan oleh rakan kita tadi bahawa Auditor General tidak ada kuasa, bukan sahaja Auditor General tidak ada kuasa, Public Accounts Committee (PAC) ada kuasa tetapi sebenar-benarnya kuasa dari segi undang-undang untuk melatih, menambah kakitangan, melantik dan menambah orang-orang atau pegawai-pegawai supaya membantu Auditor General ini tidak ada. Kalaupun kita sekarang menggubal satu Akta untuk memudahkan kepada Kerajaan supaya dapat melantik beribu tetapi kitapun terganggu pula bila kita cuba

melantik orang-orang yang pakar di bidang odit dan bidang akauntan ini. Sebab memang negara kita sebagai negara membangun berkekurangan orang yang pakar di bidang odit ini. Jadi nanti kalau kita melantik orang dari luar, orang itu mestilah orang yang sudah expert dalam bidang odit itu sendiri tetapi orang itu daripada luar kita lantik di situ. Ditugaskan beliau untuk membawa kelicinan untuk melicinkan jentera yang sekian lama ini kita telah tahu sebagai jentera yang mengeluarkan laporan lewat. Bukankah kita akan membuat seseorang itu sebagai pembawa dalam perkataan, dengan izin, "will be calling for a man with a magic wand to bring in a miraculous change to the already chaotic situation". Tetapi tujuan Akta ini adalah baik kalau dari segi kita bertujuan untuk menambahkan accountability, Akta inipun ada menyebut bahawa bila ada Badan Berkanun di mana wang yang dibiayai adalah wang daripada pihak swasta (public sector), wang daripada SEDC atupun wang daripada Kerajaan Pusat ataupun sebagainya bahawa mereka itupun tertakluk kepada pentadbiran Auditor General. Tetapi sebenarnya kalau kita tidak menggunakan pindaan Undang-undang inipun memang Akta Syarikat (Companies Act) sendiri mengandungi bekalan-bekalan tertentu untuk menjaga pelaburan, menjaga pelaburan, menjaga supaya wang yang diperuntukkan atau wang yang dibiayai kepada kompeni-kompeni baikpun dari segi orang ramai ataupun dari pihak Kerajaan supaya wang itu tidak disalahgunakan.

Saya bermaksud bahawa kita tidak payah membawa badan-badan yang didaftar di bawah Akta Syarikat, mereka itu sendiri tertakluk kepada undang-undang tertentu. Jadi, yang saya fahamkan daripada Undang-undang ini bahawa Undang-undang ini bertujuan menentukan peringkat mana dan dari peringkat itu kepada

peringkat atas melalui satu saluran untuk membawa accountability kepada badan-badan berkanun iaitu yang dibiayai oleh wang rakyat, ini memang benar. Kalau kita tidak menjaga, mengawasi dan meneliti wang rakyat ini memang akibatnya nanti akan dirasakan oleh seluruh rakyat dan negara ini. Sekarang kita dalam keadaan resesi bukan sahaja negara kita tetapi seluruh dunia, ini telah membawa kepada kita masa untuk merenung selama ini sebelum Malaysia masuk dalam keadaan resesi ini sama ada kita telah mentadbirkan wang negara dengan jimat cermat.

Kita sekarang merasai kekurangan wang untuk mentadbirkan seluruh kegiatan-kegiatan yang telah dirancang sebelum resesi ini dirasakan oleh negara. Banyak kegiatan Kerajaan sekarang dipotong. Banyak juga; kita pagi tadi kalau tidak silap saya terbaca di suratkhbar bahawa sebuah Jabatan Perubatan negeri Sabah telah merasai kekurangan peruntukan dan telah memotong kegiatan-kegiatan tertentu oleh kerana untuk menjimatkan wang yang masih ada, wang yang ada telah berkurangan daripada masa-masa yang lepas.

Di sinilah masanya dan inilah yang telah menyebabkan kita lebih memerlukan audit, lebih memerlukan accountability. Tetapi seperti yang diperkatakan oleh kawan kita sebelum saya berdiri bercakap tadi, walaupun kita ada bahagian-bahagian yang tertentu, bila sesuatu rancangan telah disetujui oleh semua pihak untuk dilancarkan, maka kita melantik dua tiga orang pegawai tertentu untuk mengurus. Jadi pegawai ini mengurus, membuat feasibility study, membuat laporan, hujung-hujung tindakan disetujui dan dilancarkan. Selepas itu dua tiga tahun baharu Audit datang. Yang sebenarnya kalau kita menyekat mereka yang kita lantik sebagai pengurus supaya mereka jangan

berbuat itu jangan berbuat ini tetapi buat itu satu sahaja, maka kita menyempitkan the scope of management.

Kalau mengikut daripada pendapat saya, daripada pandangan saya yang lepas, management ini adalah satu art, satu seni yang sama berluasan dengan politik. Ada orang kata scientific management, ada orang kata management by intuition. Tetapi apa juga iktiraf, apa jua perkataan kita gunakan management ini adalah sama. Kalau management itu benar-benar ingin menggunakan pelaburan menggunakan wang yang diperuntukkan supaya wang itu dapat berhasil kelak, management ini mesti diberi kuasa yang luas untuk menjalankan tugasnya. Tetapi ini contradictionnya, Tuan Yang Dipertua. Pertama kita memberi pengurusan kuasa yang luas untuk menjalankan kegiatannya pengurusannya pentadbirannya supaya mendapatkan hasil daripada kerja mereka. Di sebelah kanan kita ada memerlukan mereka supaya berjimat cermat supaya mereka tidak menyalahgunakan tetapi kalau kita taruh seseorang; saya pernah sendiri rasa, Tuan Yang Dipertua. Kalau kita duduk man on the spot kita telah diberi terms of reference A sampai K, 10 terms of reference tetapi terms of reference in arm chair iaitu dibuat di bilik sejuk. Pegawai itu keluar ke sana tengok keadaan berlainan daripada yang telah diramalkan tadi di bilik sejuk itu. Orang ini kalau menggunakan scientific management atau management by intuition terpaksa orang itu mengambil keputusan esok atupun kalau pulang dahulu untuk mengambil kuasa supaya jangan nanti dicek oleh Audit, bila dia pulang semasa itu kerja di situ telahpun lewat diambil, opportunity cost datang. Bila sudah opportunity cost datang nanti lain tahun Audit datang nanti kata apa fasal awak tidak ambil tindakan oleh kerana term of

reference sudah ada. Ini perkara yang begitu merumitkan keadaan, Tuan Yang Dipertua.

Saya sebenarnya memahami begitu susahnya kerja-kerja yang kita bebankan kepada seseorang yang kita lantik sebagai Auditor-General, memang kerjanya susah. Kalau kita memandang daripada faedah-faedah yang akan diberi kepada seorang yang kita lantik itu, ini adalah berpatutan dan setaraf dengan beban kerja yang banyak dan rumit. Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan memetik daripada ucapan kawan kita yang telah bercakap sebelum saya tadi yang mengatakan bahawa Public Accounts Committee ini tidak mempunyai kuasa untuk memanggil kuasa untuk mendenda, kuasa untuk menghadapkan kepada mahkamah seseorang yang didapati tidak menjalankan tugas seperti yang sebenar.

Saya tidak bersetuju dengan fahaman yang begitu oleh kerana Public Accounts Committee ini adalah satu jentera untuk memberi supaya rakyat dapat awas. Kalau kita melantik 12 orang, 15 orang ataupun 20 orang sebagai PAC members kita memberi kuasa kepada mereka, mereka itu pun Ahli Parlimen, mereka itu juga ada kerja mereka sendiri, begitu begini. Kalau kita menambah kuasa mereka hanya untuk membebaskan pegawai-pegawai yang bekerja penuh masa sahaja.

Jadi sebenarnya kalau ada didapati oleh PAC bahawa ada penyelewengan tertentu maka tindakan mahkamah boleh diambil melalui secara sekarang, saluran yang sedia ada, iaitu kita ada mempunyai prosecution, kita mempunyai the legal system, jadi tak payahlah kita menambah beban kepada PAC ini. Walaupun saya bersetuju kalau dilantik satu orang untuk menjadi Setiausaha PAC ini supaya ada satu Secretariatnya sendiri, jadi tidak membebaskan Secretariat

Parlimen yang sudahpun mereka tak banyak pegawai, ditambah lagi beban kerja. Saya fikir kita tak payah ragu-ragu dari segi kuasa PAC ini sebab PAC seperti Parlimen juga, Parlimen ini kita diwajibkan oleh rakyat dalam pilihanraya untuk menjalankan tugas sebagai wakil, tetapi daripada pengalaman saya sejak tahun 1974, kalau lebih banyak beban kerja memang tak lama—luput, sebab kita buat ini, buat itu, bila balik kawasan, Tuan Yang Dipertua pun memahami, sudah rasa, beban kerja di kawasan pun lebih berat lagi, jadi tak usahlah kita tambah beban kepada PAC.

Saya tidak ingin bercakap lebih daripada yang patut, daripada mula tadi saya berkata saya akan hanya bercakap dari sudut orang yang bukan memahami dan bukan berpengalaman di segi odit, saya sebagai layman, yang telah saya sebut sedikit sebanyak ini, itulah daripada pihak saya untuk menyumbang kalaunya membawa kesan begitu untuk melicinkan pentadbiran supaya Auditor-General ini nanti lebih bekerja kuat.

Saya mengakhiri dengan satu permohonan, kalau dapat, kita buat satu peruntukan untuk Deputy Auditor-General, di sini tak ada peruntukan Deputy, hanya seorang sahaja, dia pergi keluar negeri, di juga pergi ke Sarawak, ke Sabah, Negeri Sembilan, Muar—tak tahanlah seorang itu. Kalau dapat, buatlah peruntukan untuk satu Deputy Auditor-General. Dengan pandangan saya yang demikian, saya mengakhiri ucapan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Lambir.

5.55 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Odit 1957 yang

telah dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa kawalan Kewangan adalah sangat penting untuk mengelakkan pembaziran, menyalahgunakan wang Kerajaan atau wang rakyat, iaitu public funds. Oleh yang demikian kita memerlukan undang-undang yang memadai untuk mengurus dan mengawal hasil dan perbelanjaan semua Badan Kerajaan, termasuk mana-mana pihakberkuasa Awam. Dalam hal ini kerja-kerja pengoditan akaun adalah amat penting untuk membolehkan pihak odit menjalankan kerja mereka dengan berkesan dan licin. Adalah memang mustahak bahawa Akta Odit Kerajaan harus mengadakan peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa-kuasa perlu yang memadai. Akta Odit harus juga mengandungi peruntukan-peruntukan untuk memberi kuasa kepada Ketua Odit Negara untuk mengodit semua akaun-akaun Persekutuan, Negeri-negeri dan mana-mana Pihakberkuasa Awam dan Badan-badan tertentu.

Tuan Yang Dipertua, memandangkan betapa pentingnya bahawa kita mengadakan satu Akta Odit yang boleh dipakai bukan sahaja terhad kepada Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi juga semua Badan-badan Awam yang dibiayai dari public funds, maka saya menyokong dengan sepenuhnya Akta Odit 1957 dipinda dengan menggantikan subsection (2) Section 1 sekarang dengan sub-section (2) baru yang berbunyi:

“(2) This Act shall apply to the audit of the accounts of the Federation, of the States and of such other public authorities and specified bodies as are subject to audit by the Auditor-General.”

Saya juga perhatikan bahawa dengan pindaan seksyen 5 Akta Odit, khasnya subsection (1) (d), Kuasa Ketua Odit Negara juga meliputi pengoditan.

“(d) the accounts of any other body, including a company registered under the Companies Act 1965, in receipt of a grant or loan from the Federation or a State, and including also a company where more than half its paid-up share capital is held by the Federation, a State or a public authority, or is so held in the aggregate by two or more of them:

Provided that the Yang di-Pertuan Agong so specifies by order under Article 106 (2) of the Federal Constitution and notwithstanding any law relating to the audit of the accounts of any such body:”

Dengan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Odit 1957 yang dibentangkan hari ini, maka tugas-tugas dan tanggungjawab Ketua Odit Negara juga banyak bertambah, maka adalah wajar bahawa beliau haruslah diberi gaji, elaun-elaun dan lain-lain privileges selaras dengan “his scope of responsibilities and span of control”. Pada pendapat saya “remuneration of Auditor General” dan lain-lain “privileges” seperti terkandung dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang adalah adil dan saksama.

(*Dengan izin*) I am not an accounts man myself, in fact, I think I am very bad with money. However, in these times of recession, I am sure all of us are conscious of our expenditure from the housewife to the multi-millionaire, we are very aware of how we spend our money. So I think this Bill comes at a very opportune time. It reminds me of a time when I was a boy and I used to watch cowboy films and in a desperate moment, the cowboy said to his partner, “Partner, make sure every bullet counts”. So in this time of recession, Mr Speaker, I think we should make every dollar count. With

these amendments I hope that the Auditor-General's Office will be much more efficient as all our MPs here have asked him to be and I hope that the accounts will be more efficiently prepared and be in time. I am sure that our people are also aware of the importance of public spending and would like to see the Auditor-General's Office performing its duty fully and efficiently. The Auditor-General's Office is, as far as we can make it, an independent body responsible for telling us how public money is being spent. I hope that even though the Report comes in late, it will be at least accurate. If it is accurate, we hope that with this Act, it will come in time as most of our MPs have asked him to do.

Mr Speaker, Sir, I think I should not be labour the point how important this Office of the Auditor-General is. We in this part of Malaysia are already in the process of becoming one of the more advanced of the Third World countries. I hope in time to come, we will become perhaps an advanced country and in this sense I think the Auditor-General's Office should be made more efficient, should be made more aware of its public duty. I think the pay we are giving him is good enough to make him more efficient, I hope. Anyway, Sir, I would like to respectfully support again this Bill and I hope this "watchdog" of our public funding and public spending will be more efficient and will not be open to too much criticism from the public. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.04 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Odit 1957.

Yang pertama, dengan pindaan ini akan memberi kuasa yang luas kepada Jabatan Odit bukan sahaja mengoditkan Jabatan Kerajaan tetapi mengoditkan kewangan lembaga badan-badan berkanun dan syarikat yang mempunyai 50% hak milik Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, menghantar pegawai-pegawai ke luar negeri untuk mendapat latihan dalam lapangan odit selain dari menubuhkan Institusi Odit Negara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Pasir Puteh.

Yang ketiga, pegawai-pegawai Odit dalam tiap-tiap Jabatan dan lain-lain badan hendaklah diberi latihan oleh pihak Odit Negara supaya selaras dan sama dari kehendak Odit dari segi pentadbiran kewangan dan kalau boleh odit-odit dalam Jabatan hendaklah terdiri dari pegawai Jabatan Odit sendiri dan tidaklah dari Jabatan yang berkenaan.

Yang keempat, memperbesarkan Jabatan Odit di tiap-tiap negeri dengan penambahan kakitangan dan kelengkapan supaya pegawai-pegawai berpuas hati dan benar-benar dapat menjalankan tugas dengan baik. Dengan kecekapan pegawai-pegawai Odit akan menentukan kewangan Kerajaan digunakan dengan cara yang betul dan baik dan Insyaa-Allah penyelewengan tidak akan berlaku berterusan sekiranya ada berlaku.

Yang kelima, memberi kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan Odit dengan memperbanyakkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam Jabatan tersebut kerana selama ini Jabatan Odit merupakan Jabatan tertutup, dengan izin, closed service, yang tidak memberi peluang kenaikan pangkat yang luas sebagaimana dalam Jabatan MCS dan Jabatan-jabatan Awam yang lain supaya mereka lebih berminat dalam Jabatan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan juga Jabatan Odit Negara ini membetangkan penyata yang telah diodit itu lebih awal dan segera daripada apa yang ada sekarang. Didapati penyata-penyata selalunya dibentangkan kepada umum atau di Dewan Rakyat lewat dua, tiga tahun. Misalnya Penyata Kewangan tahun 1982 yang telah diodit dapat dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat dalam 1983 ini.

Tuan Yang Dipertua, untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik oleh Jabatan Odit agar Kerajaan tidak akan memotong peruntukan kewangan Jabatan Odit sebagaimana dilakukan kepada Jabatan-jabatan lain tetapi sebaliknya kalau boleh Kerajaan menambahkan peruntukan di Jabatan ini pada masa-masa yang akan datang agar perjalanan Jabatan ini bertambah lebih baik dan licin.

6.07 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan saya bagi membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini telah diberi tahu bahawa Rang Undang-undang ini diadakan untuk meminda Akta Odit 1957 dan telah dinamakan Akta Odit (Pindaan) 1983. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan sedikit sebanyak pandangan saya terhadap beberapa perkara. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan atas pembentangan Rang Undang Akta Odit (Pindaan) 1983 ini. Adalah jelas ini menunjukkan Kerajaan telah menyedari bahawa selepas 25 tahun Akta Odit 1957 itu berkuatkuasa masanya sudah sampai untuk

mengemaskinikannya bagi memenuhi keperluan masa dan negara yang telah mengalami pembangunan yang begitu pesat. Dengan adanya pembangunan negara yang begitu pesat sejak tahun 1957 hingga sekarang terutamanya sejak tahun-tahun 1970an sudah tentu keadaan-keadaan negara telah banyak berubah.

Perkembangan-perkembangan ini tidak lagi dapat ditampung atau di selenggarakan oleh Akta Odit 1957 demi untuk tujuan dan objektif bagi mengadakan pengoditan yang berkesan dan sempurna ke atas penyediaan akaun-akaun semua Jabatan dan Kementerian Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berpendapat amat tepat serta kena pada tempat dan masanya Akta Odit (Pindaan) 1983 ini diperkenalkan sekarang.

Tuan Yang Dipertua, jawatan Ketua Odit Negara ini merupakan satu jawatan yang amat penting serta dihormati oleh orang ramai, cuma seseorang yang mempunyai kelayakan yang sesuai dan banyak berpengalaman serta mempunyai integrity yang tinggi sesuai dilantik untuk menjawat jawatan ini kerana beliau hendaklah menjalankan tugasnya tanpa perasaan takut dan pilih kasih bagi memastikan pegawai-pegawai pengawal Kerajaan telah membelanjakan wang Kerajaan dengan sebaik-baiknya, telah menyimpan rekod-rekod harta-benda Kerajaan dengan betul dan teratur dan tidak melakukan apa-apa penyelewengan walau dalam apa bentuk sekalipun. Berasaskan inilah saya beranggapan tanggungaji baru serta faedah-faedah lain yang telah disaranankan untuk diberikan kepada Ketua Odit Negara adalah amat berpatutan.

Fasal 5 yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 4 Akta yang ada sekarang akan memungkinkan Kerajaan melantik seorang pegawai yang benar-benar sesuai untuk menjawat jawatan itu sama ada ianya

seorang pegawai perkhidmatan awam ataupun dari kalangan bukan mana-mana perkhidmatan awam. Saya menyokong penuh peruntukan ini diadakan.

Tuan Yang Dipertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kerajaan kepada satu perkara iaitu akaun-akaun sekolah menengah di negara kita. Sepanjang pengetahuan saya akaun-akaun sekolah rendah masa sekarang ini pengoditan akaun-akaun bagi sekolah-sekolah menengah di seluruh negara masih lagi dilakukan oleh odit swasta. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan bilakah Kerajaan bercadang mengadakan pengoditan akaun-akaun sekolah-sekolah menengah akan dilakukan oleh odit Kerajaan, kerana saya memandang perkara ini adalah mustahak.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Odit (Pindaan), 1983 itu.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.15 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang Dipertua, saya turut serta bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong Akta untuk meminda Akta Odit 1957.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh mengenai gaji dan ganjaran yang telah diperuntukkan di dalam pindaan ini bagi Ketua Odit Negara. Pada pendapat saya gaji dan ganjaran ini adalah sangat bertepatan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diletakkan juga bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan pindaan yang diadakan dalam Akta (Pindaan) ini.

Pindaan Seksyen 2 ini yang membolehkan Ketua Odit Negara mengodit semua akaun Kerajaan

Persekutuan, akaun Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun serta badan awam dan badan-badan tertentu adalah dengan jelas menunjukkan keikhlasan Kerajaan membaiki sistem pentadbirannya supaya bersesuaian dan selaras dengan konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Kita semua sering membaca kerana tiap-tiap kali adanya sidang Parlimen, begitu banyak Laporan-laporan Odit yang dikemukakan bagi kita untuk menelitinya dan kita mengetahui bahawa Jabatan Odit adalah dipertanggungjawabkan memeriksa semua kira-kira Kerajaan dan kakitangan Jabatan Odit adalah orang-orang yang sangat ditakuti oleh mereka yang terlibat dengan pentadbiran dan pengurusan kewangan.

Dalam Laporan-laporan Odit sepanjang masa terdapat komen-komen mengenai kesilapan-kesilapan kelemahan-kelemahan, kecuai-kecuai ataupun penyelewengan-penyelewengan yang didapati setelah mereka memeriksa akaun-akaun, kira-kira tiap-tiap badan Kerajaan yang tertentu. Misalnya, penggunaan wang tanpa kelulusan undang-undang Negeri, penyelesaian kira-kira yang tidak dibuat walaupun telah diberitahu dan dinasihatkan. Begitu juga kegunaan peruntukan di bawah tajuk kepala yang lain digunakan untuk lain. Penyesuaian perbezaan-perbezaan juga yang minta dibuat tidak dibuat. Begitu juga tidak ada keterangan-keterangan lengkap untuk Pegawai Odit dapat menyelesaikan pengoditannya dalam masa yang singkat dan pelbagai hasil juga kononnya tidak dapat ditentukan kerana penjenisannya tidak ditentukan dan terdapat juga perbelanjaan lebih yang dilakukan oleh jabatan-jabatan disebabkan tidak menggunakan kontrak-kontrak Kerajaan Pusat.

Ini adalah kelemahan-kelemahan yang telah bertahun-tahun iaitu laporan demi laporan, tahun demi tahun yang kita baca dan jika cara ini berterusan iaitu dari peringkat yang paling bawah, dari pejabat-pejabat di daerah, pejabat daerah sendiri, pejabat tanah, majlis-majlis daerah sehinggalah kepada jabatan-jabatan Negeri dan Kementerian-kementerian, saya tidak tahu bilakah pengurusan dan pentadbiran kewangan akan menjadi kemaskini dan beres. Sistem ini tidak lain ialah seperti cuba mengubati penyakit yang telah menular. Bagi saya, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, prevention is better than cure.

Apa yang patut dibuat ialah mengemaskan keadaan ini iaitu dengan melengkapkan semua peringkat kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran di peringkat masing-masing. Seorang kerani biasa tentulah tidak sesuai ditugaskan sebagai kerani kewangan kecuali beliau dilatih terlebih dahulu dan dalam keadaan sekarang kita semua tahu kumpulan pekerja jenis ini sangatlah berkurangan. Begitu juga mungkin sistem kerjanya tidak sama dan tidak selaras di antara jabatan-jabatan yang berkenaan. Tambahan pula sekiranya pejabat di daerah satu jabatan yang hanya dikendalikan oleh seorang pegawai maka mustahillah pegawai itu dapat melaksanakan segala tugasnya dengan baik dan sempurna. Disamping itu terdapat juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak menjalankan tugasnya menyelia seperti yang dipertanggungjawabkan kepadanya yang boleh mengakibatkan penyelewengan. Pegawai-pegawai yang menyelia itu juga pun sering kali bukanlah pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang itu tetapi beliau itu adalah pegawai-pegawai yang banyak belajar melalui pengalamannya selama bekerja di tempat yang belajar melalui pengalaman kerja.

Tuan Yang Dipertua, memang apa yang perlu dikehendaki ialah mereka yang bertanggungjawab bukan sahaja pegawai-pegawai Kerajaan, tetapi juga dalam badan-badan, Lembaga-lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Pentadbir dan lain-lain mestilah mempunyai sikap penuh bertanggungjawab, dedikasi dan amanah sekiranya kita hendak membantu Jabatan Odit ini untuk menyelesaikan masalah pengoditan dan mengemaskinikan akaun-akaun di semua peringkat. Seperti yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi bahawa Ketua Odit Negara ini seperti seorang Jeneral yang tidak cukup kelengkapan dan juga tidak cukup askar-askarnya. Oleh yang demikian, maka terdapatlah kelemahan-kelemahan dan kekurangan kemahiran ini yang jelas merugikan Kerja kerana terjadinya pungutan kembali hutang-piutang yang tidak dibuat dan begitu juga pungutan-pungutan hasil yang tidak dibuat sehingga terdapat tunggakan yang berjuta-juta ringgit yang tidak dipungut yang menjadikan kerugian kepada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya yakin dengan kuasa yang diberikan kepada Ketua Odit Negara melalui pindaan Akta yang sedang kita bincangkan ini, maka dapatlah sekiranya dikemaskinikan keadaan ini agar kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan tidak tergugat.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Gerik.

6.22 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dalam Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada saranan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja telah menarik perhatian Dewan kepada masalah PETRONAS. Beliau telah mencadangkan supaya PETRONAS juga diudit oleh Ketua Odit Negara ataupun Jabatan Odit Negara, ini adalah satu penghormatan kepada Kerajaan Malaysia. Ini adalah satu pandangan daripada seorang yang datang daripada parti Pembangkang. Kalau saranan ini datang daripada pihak Kerajaan, daripada pegawai-pegawai Kerajaan ataupun daripada Kerajaan sendiri, maka saranan ini tidaklah menarik perhatian saya, tetapi apabila saranan ini dibuat oleh seorang yang datang daripada parti Pembangkang, maka saya menganggap bahawa ini satu penghormatan kepada Kerajaan Malaysia dan dengan sebab itulah saya tidak ragu-ragu lagi menyokong Rang Undang-undang yang juga meminda saranan kepada Ketua Odit Negara, kerana saran yang telah dibuat oleh Ahli dari Kuala Lumpur Bandar ini merupakan satu penghormatan kerana ianya menunjukkan bahawa Ketua Odit Negara dan Jabatan Odit Negara di Malaysia ini telah memainkan satu peranan yang begitu positif sekali dalam membentangkan kepada masyarakat umum, kepada rakyat berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Odit Negara sendiri.

Dalam kita menjalankan odit, bukan sahaja kita hendak mencari salah orang, bukan sahaja kita hendak mendedahkan penyelewengan, tetapi juga kita hendak menerangkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan berhubung dengan

perkara-perkara yang mereka tidak mengikut peraturan walaupun tidak ada penyelewengan tetapi peraturan tidak diikuti. Itulah sebabnya sebagaimana yang selalu diterangkan oleh Ketua Odit Negara, odit di Malaysia ini mempunyai tiga fungsi iaitu Odit Kewangan, dengan izin, Audit Compliance dan Audit Performance, bermakna bahawa hari ini kita bukan hanya hendak mengodit berkenaan dengan adanya baucer-baucer untuk diselaraskan dengan pembayaran-pembayaran yang telah dibuat, tetapi juga Jabatan Odit hari ini telah cuba sedaya-upaya mereka dengan kakitangan yang ada kepada mereka supaya dapat pula mengodit berkenaan dengan performance, berkenaan dengan kekesanan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan supaya ianya selaras dengan kehendak-kehendak Perbendaharaan dan juga Kerajaan.

Dalam segi ini saya inginlah menarik perhatian Dewan kepada saranan yang telah dibuat oleh Ketua Odit Negara yang mengatakan bahawa Jabatan Odit boleh menjalankan ketiga-tiga tugas yang hendak dijalankan oleh Jabatan Odit, kalau kakitangan di Jabatan ini dapat ditingkatkan lagi, dapat diperbanyakkan lagi dan dapat ditambah lagi. Hari ini Jabatan Odit tidak dapat menjalankan ketiga-tiga tugas ini kerana mereka kekurangan 40% lagi kakitangan, bukan sahaja penambahan ini hendak dibuatkan daripada segi kakitangan, tetapi juga daripada segi latihan-latihan yang diperlukan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Odit. Kita juga sedar menjadi seorang auditor ataupun bekerja dengan Jabatan Odit bukanlah satu pekerjaan yang diminati oleh pegawai-pegawai Kerajaan kerana kadangkala pegawai-pegawai odit ini terpaksa pergi ke satu-satu Jabatan, terpaksa menyoal pegawai-pegawai Kerajaan kadangkala terpaksa menyoal

pegawai-pegawai yang lebih kanan lagi daripada mereka, maka sudah tentulah tugas untuk menyoal, tugas untuk mencari kesalahan orang, tugas untuk mencari penyelewengan, tugas untuk mencari kesilapan bukan satu tugas yang diminati oleh ramai. Dengan sebab itulah, Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan supaya kenaikan pangkat kepada mereka yang bertugas dengan Jabatan Odit ini diberi keutamaan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang ditempatkan di Jabatan-jabatan yang lain.

Hari ini Jabatan Odit merupakan satu Jabatan yang telah pun diakui oleh rakyat, diakui sendiri oleh parti Pembangkang sebagai satu Jabatan yang telah dapat memainkan peranan dengan begitu positif sekali sehinggakan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar menyarankan supaya PETRONAS juga diudit oleh Jabatan Odit Negara. Ini menunjukkan bahawa parti Pembangkang sendiri mempunyai kepercayaan di atas kewibawaan Ketua Odit Negara yang ada pada hari ini. Sebenarnya bukan saraan yang menjadi satu-satu pegawai itu disanjung tinggi, tetapi ketegasan Ketua Odit Negara hari ini telah disanjung tinggi bukan sahaja oleh masyarakat Malaysia, tetapi juga parti Pembangkang sendiri. Dengan sebab itulah saya berharap kepada Kerajaan supaya kakitangan-kakitangan di Jabatan Odit ini dapat ditambahkan lagi supaya Jabatan Odit dapat memainkan peranan yang diharapkan oleh rakyat bukan sahaja untuk mengodit daripada segi kewangan, tetapi juga daripada segi performance Jabatan-jabatan Kerajaan.

Hari ini kalau misalnya syarikat-syarikat swasta dapat kita menilai kerja-kerja mereka daripada segi keuntungan yang diperolehi oleh satu-satu syarikat, tetapi setengah-setengah Jabatan Kerajaan kita tidak dapat

menilai kerana mereka tidak ada kira-kira untung rugi di akhir-akhir tahun, tetapi kita dapat menilai, masyarakat dapat menilai kerja-kerja yang dijalankan oleh jabatan-jabatan Kerajaan ini daripada segi performance yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan ini dalam memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Misalnya, Jabatan Pelajaran dapat kita kesan performance mereka daripada segi bagaimana mereka dapat meningkatkan pelajaran dalam satu-satu masa. Berlainan pula dengan misalnya jabatan-jabatan Kerajaan yang menjalankan perniagaan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri dan sebagainya, maka Perbadanan-perbadanan ini dapat dinilai performance mereka, sama ada mereka mendapat keuntungan atau tidak, ataupun sama ada mereka dapat memenuhi hasrat dalam mana Kerajaan menubuhkan Perbadanan-perbadanan tersebut. Tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi ada setengah-setengah Jabatan Kerajaan yang mana kita tidak dapat menilai sama ada mereka itu menjalankan kerja dengan baik atau tidak, maka kalau kita mempunyai cukup kakitangan di Jabatan Odit, maka Jabatan Odit pula dapat memberi penilaian kepada jabatan-jabatan yang telah saya sebutkan tadi.

Saya juga berharap supaya Jabatan Odit dapat menjadi perunding kepada jabatan-jabatan Kerajaan, dapat menjadi penasihat kepada jabatan-jabatan Kerajaan oleh kerana hari ini Jabatan Odit menjalankan odit kepada banyak sekali jabatan-jabatan Kerajaan, maka sudah tentulah Jabatan Odit dapat menilai di antara satu jabatan Kerajaan dengan satu jabatan Kerajaan yang lain, maka sudah tentulah Jabatan Odit dapat mencari kelemahan-kelemahan di dalam satu-satu jabatan Kerajaan dibandingkan dengan satu-satu jabatan Kerajaan yang lain, maka Jabatan Odit juga dapat menjadi

perunding kepada jabatan-jabatan Kerajaan dalam masalah mereka hendak meningkatkan lagi perkhidmatan kepada masyarakat dan orangramai.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membawa satu contoh bagaimana sebuah syarikat Amerika dengan adanya pertukaran pegawai-pegawai di syarikat itu, dengan adanya pertukaran pegawai-pegawai di syarikat itu, dengan adanya pertukaran Pengarah Urusan syarikat.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila menyambung ucapan yang Berhormat pada hari esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Rais Yatim): Tuan Yang Dipertua, menurut kuatkuasa Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya dengan hormatnya mengusulkan bahawa majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

DAKWAH DAN PENDAKWAH

6.30 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Yang Dipertua, hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan dengan kebijaksanaan pentadbiran politik Barisan Nasional berlandaskan kepada dasar dan falsafah yang telah dipersetujui bersama, maka usaha-usaha ke arah peningkatan dan pengukuhan Islam yang dapat memberi kebajikan dan keadilan kepada semua rakyat sedang

dilaksanakan dengan baik dan jayanya.

Dalam usaha kita ke arah pengukuhan Islam kita menerima realiti masyarakat majmuk, kita menerima realiti umat Islam lemah, dan kita menerima realiti musuh utama kita yang akan menjejaskan rakyat negara ini ialah komunis dan golongan anti nasional. Kita tidak pernah menanggapi bahawa realiti dan kenyataan yang ada ini sebagai penghalang ke arah pencapaian cita-cita kita dan kita tidak pernah apologetik dalam melaksanakan matlamat kita. Tetapi apa yang hendak saya menarik perhatian Dewan pada hari ini ialah tentang di akhir-akhir ini ada unsur-unsur yang cuba hendak mempergunakan dakwah dan Harakah Islamiah dengan menimbulkan bibit-bibit pergeseran sesama pendakwah dan badan-badan dakwah dan menimbulkan perasaan tidak senang dan gelisah orang ramai untuk menjejaskan negara dan pimpinan yang ada.

Melalui majlis-majlis dakwah yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu bahan kadang-kadang ada juga yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan sendiri, tanpa disedari ada seorang dua yang memainkan peranan untuk menimbulkan tidak senang orang ramai kepada dakwah yang ada. Kita tidak mahu ada orang yang menggunakan Harakah Islamiah tetapi kerjanya mengharu-birukan masyarakat. Kita tidak mahu ada orang yang memperalatkan dakwah untuk memecah-belahkan perpaduan ummah, kita juga tidak mahu atas nama Islam menghalakan yang haram dan mengharamkan yang halal, menjahilkan ulamak dan mengulamakkan yang jahil.

Dakwah disemboyankan, tetapi hasrat tersiratnya adalah untuk mencapai matlamat peribadi tertentu dan kadang-kadang untuk menjejaskan sesuatu golongan.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya tidaklah berhasrat untuk mencadangkan supaya Kerajaan menghadkan atau melatakan suatu garis bagi menentukan kebebasan kegiatan dakwah yang ada hari ini, kerana matlamat dakwah adalah baik bagi semua rakyat, golongan pendakwah adalah terdiri daripada orang-orang yang jujur dan ikhlas, golongan pendakwah hanya ingin mengembangkan bibit-bibit yang baik yang ada dalam setiap diri orang itu, pendakwah-pendakwah adalah semata-mata bertugas untuk Allah ingin menegak kebenaran secara lebih berkesan. Tetapi malangnya ada orang-orang yang berkepentingan seringkali mempergunakan kebaikan, keikhlasan dan kejujuran yang ada pada pendakwah-pendakwah dan berusaha menggunakan badan-badan dakwah bagi tujuan untuk menjejaskan keutuhan yang ada, hanya semata-mata bagi tujuan untuk mencapai matlamat mereka yang kabur.

Mereka ini atas nama dakwah, mereka mempergunakan dakwah bagi kepentingan mereka atau golongan mereka atau parti mereka, lalu secara tidak disedari oleh sebilangan orang ramai mereka mengambil kesempatan mempergunakan ruang-ruang yang boleh dipergunakan untuk mencapai matlamat mereka. Saya ingin menyeru pihak Kerajaan hendaklah tahu membezakan di antara pendakwah dengan pendiayah, di antara mereka yang berjuang untuk Allah dengan mereka yang berjuang untuk kepentingan peribadi orang-orang tertentu. Di samping itu Kerajaan juga hendaklah sedar tentang adanya segolongan yang menyalahgunakan kebebasan dakwah yang selama ini diberi oleh Kerajaan.

Untuk mengatasi perkara-perkara yang seumpama ini Kerajaan hendaklah membuat suatu penelitian dan mengambil berat terhadap gerakan-gerakan seumpama ini.

Kerajaan hendaklah mengkaji apakah perlu diadakan semacam kawalan melalui pendaftaran di bawah Undang-undang Pendaftaran Pertubuhan atau sekurang-kurangnya pendaftaran di bawah Jabatan-jabatan Agama di negeri-negeri.

Saya ingin mengambil ingatan dan perbandingan dengan beberapa negara Islam yang lain sebagai contoh. Mereka bukan sahaja tidak dapat mengekalkan demokrasi di negaranya, tetapi cita-cita Islam di negara mereka terbantut dan sukar dilaksanakan. Antara sebabnya adalah berpunca dari pergeseran di antara pendakwah-pendakwah dan sebahagian daripada mereka tidak berupaya membezakan di antara ideal perjuangan dengan realiti yang ada. Jika Kerajaan hanya mengambil sikap acuh tidak acuh sahaja, bukan sahaja pendakwah yang rugi, tetapi yang paling malangnya ialah rakyat keseluruhannya. Dan pada waktu itu orang akan menyalahkan dakwah dan pendakwah sebagai punca kemusnahan. Dan di samping itu ada pula orang akan meletakkan tanggungjawab kemusnahan itu kepada pemimpin-pemimpin yang ada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, hari ini Kerajaan telah memberi kebebasan sepenuhnya kepada kegiatan-kegiatan dakwah. Badan-badan Kerajaan bahkan Kementerian-kementerian sendiri telah mengadakan berbagai kursus di peringkat Jabatan masing-masing dalam bentuk sukarela di bawah unit-unit kebajikan pekerja-pekerja sendiri. Apakah pelaksanaan kursus-kursus itu telah diberi panduan tentang permasalahan-permasalahan semasa yang perlu diambil kira atau tentang cara pelaksanaan yang paling berkesan ke arah pengukuhan iman dan taqwa atau pengukuhan umat Islam itu sendiri ataupun pengukuhan rakyat pada keseluruhannya.

Kita tidak mahu kursus-kursus seumpama itu hanya mewujudkan

mereka yang semata-mata tahu menghukum halal haram sahaja ataupun mereka yang tahu bermain slogan atau semboyan. Kita telah berjaya meletakkan Islam mengatasi segala faham golongan atau kepartian. Kita telah memperjuangkan Islam kerana Allah, bukan kerana selain daripada Allah, tetapi kita jangan lupa bahawa ada orang-orang yang berhasrat ingin menjadi hero dengan menggunakan Islam walaupun mereka tahu bahawa Islam adalah amat suci untuk dipergunakan. Saya mencadangkan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, sila duduk! Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 17 (3) yang berbunyi:

“17. (3) Selepas dikeluarkan usul “Iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang” lama masanya yang dibenarkan bagi tiap-tiap seorang ahli mengeluarkan ucapan dan bagi tiap-tiap ahli Kerajaan menjawabnya adalah tujuh minit setengah kecuali jika Tuan Yang Dipertua benarkan lebih daripada itu bila-bila patut”,

dan saya tidak benarkan. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sila menjawab.

6.38 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyatakan sedikit sebanyak berhubung dengan soal dakwah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan sebelum daripada itu, sukalah juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, kerana telah menyuarakan sesuatu, yang sememangnya sealiran dengan kehendak Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, dakwah pada dasarnya mempunyai tujuan untuk memimpin, memandu dan membimbing orang-orang Islam ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Sepertimana kita maklum, kita berdakwah bertujuan untuk menjauhkan diri daripada mungkar dan dalam soal ini, sukalah saya memetik ayat Al-Quranulkarim. Yang membawa erti, bahawa kita sebagai orang Islam, hendaklah melaksanakan sesuatu yang baik, yang ‘khair’, yang ‘makruf’, dan kita jauhi daripada segala-gala yang mungkar. Jadi inilah, sesuatu yang menjadi akar umbi, bagi sesiapa sahaja, yang hendak menjalankan kegiatan-kegiatan dakwah. Sebab segala sesuatu yang dilakukan oleh seseorang itu, memang dilihat oleh Allah subhanahu wataala. Kita tidak dapat melindungi diri kita, walau bagaimana kuat, handal, kukuh, berani sekalipun daripada pandangan Allah subhanahu wataala, daripada balasan Allah subhanahu wataala.

Tuan Yang Dipertua, yang demikian, Kerajaan mengharapkan semoga sesiapa sahaja yang menjadi pendakwah, hendaklah ianya berupa pendakwah yang jujur, yang benar-benar takut kepada Allah subhanahu wataala. Ketakwaan perlu berada di sanubarinya, dalam menjalankan apa jua kegiatan dakwah.

Tuan Yang Dipertua, kalau pendakwah itu tidak menjalankan kegiatan secara jujur, atau yang merupakan pendakwah songsang maka suasana yang tidak diingini, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan muncul atau akan timbul. Suasana-suasana pecah belah akan tercetus dan jikalau suasana ini berlaku, maka soal saya, “Di manakah letaknya pula, mungkin sama mungkin, seolah-olah sebuah bangunan yang terikat satu sama lain?” Jadi kalau kita mengerti dan memahami bahawa kita sebagai mukmin tugas kita yang utama, ialah

merapatkan hubungan kita, mewujudkan satu kepadatan di antara kita, maka lantaran itu kalau kita merupakan pendakwah, eloklah kita mengikut jejak langkah sebagai pendakwah yang sebenar.

Sukalah saya menyeru kepada pendakwah yang pada hari ini melaksanakan sesuatu dakwah, supaya apa juga pelaksanaan tugas dakwahnya itu mengikut cara-cara yang dikehendaki oleh Allah subhananhu wataala.

Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menyatakan kepada Yang Berhormat dan seterusnya kepada Dewan ini bahawa Kerajaan sedar tentang perbezaan pendakwah dan pendakwah. Kerajaan sedar dan Kerajaan sentiasa meneliti soal-soal ini malah Kerajaan mengkaji dari masa ke semasa tentang persoalan yang mungkin berbangkit dari kegiatan-kegiatan ini. Apa yang tidak disebutkan di sini ialah supaya kerja dakwah atau kegiatan-kegiatan dakwah, bukanlah merupakan satu

kegiatan yang hanya dapat dilaksanakan oleh sebahagian, ataupun segolongan daripada pendakwah, tetapi ianya dapat dijalankan oleh sesiapa sahaja yang ingin melaksanakan sesuatu yang al-makruf, yang baik dan menjauhi daripada perkara mungkar.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah sekarang ialah, Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang esok, 15hb Mac, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.44 petang.